

**SISTEM SOSIAL SYAIR PUTERI ALAM MELAYU  
DALAM BUKU *KUMPULAN PUISI SYAIR PUTERI*: SATU  
PENGAPLIKASIAN TEORI FUNGSIONALISME**

**NURUL FARIHAH BINTI HAMZAH**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FYP FTKW

**SISTEM SOSIAL SYAIR PUTERI ALAM MELAYU  
DALAM BUKU *KUMPULAN PUISI SYAIR PUTERI*: SATU  
PENGAPLIKASIAN TEORI FUNGSIONALISME**

**NURUL FARIHAH BINTI HAMZAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA**      Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
  
- SEKATAN**      Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penu) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_.
  
- SULIT**      (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
  
- TERHAD**      (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh Organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



*Fariha*

*Nordiana*  
**DR. NORDIANA BINTI AB JABAR**  
 Jabatan Pengajian Warisan  
 Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
 Universiti Malaysia Kelantan  
 nordiana.aj@umk.edu.my  
 0173907819

Tandatangan  
 Nurul Fariha Binti Hamzah  
 C19A0652  
 Tarikh: 15 / 2 /2023

Tandatangan Penyelia  
 Dr Nordiana Binti Ab Jabar  
 Tarikh: 15 / 2 /2023

## PENGHARGAAN

Pertamanya, dengan lafaz syukur Alhamdulillah setinggi-tinggi ke hadrat Ilahi di atas keizinan dan segala kemudahan urusan yang diberikan Nya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di bawah elektif Kesusasteraan Warisan. Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan penghargaan dan terima pensyarah bimbingan yang amat dikasihi iaitu Dr Nordiana Binti Ab. Jabar yang banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat serta didikan dalam usaha menjayakan projek penyelidikan ini dengan baik. Segala tunjuk ajar dan dorongan yang diberikan amat membantu saya agar tidak berputus asa dalam menghasilkan projek penyelidikan ini. Tidak saya lupakan ucapan ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang telah membantu untuk saling membantu antara satu sama lain untuk saling memberi semangat dalam usaha menjayakan projek penyelidikan ini.

Tambahan itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih serta berbesarhati di atas kerjasama yang diberikan oleh pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan bagi melancarkan perjalanan bagi penghasilan projek penyelidikan ini. Menerusi maklumat dan panduan yang diberikan ianya membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Di samping itu, ribuan penghargaan ditujukan buat ibu bapa yang menjadi tunjang kekuatan dalam menjayakan projek penyelidikan ini sehingga ke akhirnya menerusi doa serta dorongan yang dititipkan menjadi sumber kekuatan kepada diri saya. Ibu saya iaitu Kamisah Binti Jaafar dan bapa saya Hamzah Bin Mat Liki yang banyak memberikan dorongan untuk terus kuat berusaha dalam menyiapkan tugas projek penyelidikan ini. Hasil dari dorongan yang diberikan dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Lantaran itu, saya turut berterima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu memberikan kelancaran kepada projek penyelidikan ini. Diharapkan segala perkara yang baik di atas bantuan yang diberikan dibalas kembali oleh Nya. Akhir kalam, terima kasih saya ucapkan kepada semua dan didoakan agar kita semua selalu di dalam rahmat dan jagaan Nya.

Nurul Fariahah Binti Hamzah

No 44, Kampung Ulu Retang

27020 Jerantut

Pahang Darul Makmur

No Tel: 014-6963042

E-mail: [fariahhamzah99@gmail.com](mailto:fariahhamzah99@gmail.com)

## ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Metodologi Kajian	10
1.9 Definisi Istilah dan Konsep	11
1.10 Kesimpulan	16
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Pengkajian berkaitan dengan puisi	18
2.3 Pengkajian mengenai lagenda	33
2.4 Pengkajian tentang sistem sosial	40
2.5 Pengkajian tentang kajian sosiologi	47
2.6 Kesimpulan	50

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	51
3.2 Reka Bentuk Kajian	51
3.3 Kaedah Kajian	52
3.3.1 Kaedah Analisis Teks	52
3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data	53
3.3.3 Kaedah Internet	53
3.4 Penerapan Teori	54
3.5 Kesimpulan	57

**BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	58
4.2 Aspek sistem sosial dalam syair Kumpulan Puisi Syair Puteri	
4.2.1 Ketaksamaan sosial dalam sistem sosial	59
4.2.2 Budaya dalam sistem sosial	60
4.2.3 Agama dalam sistem sosial	62
4.2.4 Ekonomi dalam sistem sosial	63
4.3 Aspek sistem sosial pengaplikasian Teori Fungsionalisme	
4.3.1 Kedudukan sosial	64
4.3.2 Kebudayaan	70
4.3.3 Pegangan agama yang teguh dalam menghadapi ujian	77
4.3.4 Menjalankan aktiviti ekonomi bagi kelangsungan kehidupan	80
<b>4.4 Teladan aspek sistem sosial syair puteri-puteri kepada masyarakat kini.</b>	<b>84</b>
4.4.1 Mentaati golongan yang memerintah	85
4.4.2 Menghargai nilai budaya masyarakat Melayu	87
4.4.5 Meletakkan kebergantungan kepada Allah	89
4.4.6 Bijak dalam menghadapi masalah	92
4.4.7 Berusaha dalam mencapai sesuatu keinginan	94
4.5 Kesimpulan	95

<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>	96
5.1 Pengenalan	96
5.2 Rumusan Kajian	
5.3 Implikasi Kajian	98
5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian	99
5.4.1 Penerapan aspek sosiologi dalam karya sastera	100
5.4.2 Mengangkat inspirasi dalam pengkisahan puteri-puteri alam melayu	101
5.4.3 Meningkatkan karya kreatif dalam penerapan pengkisahan puteri-puteri	102
5.5 Kesimpulan	103
5.6 Rujukan	104

**Sistem Sosial Syair Puteri Alam Melayu Dalam Buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri*:  
Satu Pengaplikasian Teori Fungsionalisme.**

**ABSTRAK**

Syair puteri alam melayu berupaya untuk mengetengahkan citra kehidupan yang berlaku dalam kehidupan puteri alam melayu terdahulu yang sarat dengan nilai yang mampu dijadikan sandaran kepada khususnya kepada masyarakat. Sistem sosial puteri alam melayu ini melambangkan akan pembentukan identiti jati diri masyarakat Melayu yang sehingga kini masih menjadi nadi kepada masyarakat sehingga kini. Penekanan akan pengkisahan mengenai puteri-puteri alam melayu kurang didedahkan kepada masyarakat menjadikan masyarakat tidak mendapat pengetahuan yang baik akan aspek sistem sosial yang terkandung dalam puteri alam melayu. Tujuan utama kajian ialah mengenal pasti sistem sosial yang terdapat dalam syair puteri-puteri alam melayu dengan mengaplikasikan Teori Fungsionalisme dan membincangkan teladan menerusi aspek sistem sosial bagi kerelevanan kini menerusi buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* oleh Nur Mustika. Kaedah kajian yang dilaksanakan ialah kaedah kualitatif dari teks syair *Kumpulan Puisi Syair Puteri*. Pendekatan kualitatif diterapkan menerusi kaedah kajian teks, laman sesawang dan kaedah kepustakaan. Kajian ini akan mengetengahkan mengenai aspek sistem sosial antaranya iaitu ketaksamaan sosial, budaya, agama dan ekonomi. Sebanyak 14 buah syair puteri yang dibataskan dalam kajian ini untuk menganalisis aspek sistem sosial puteri alam melayu. Hasil kajian ini bagi mengangkat pengkisahan puteri alam melayu ini agar terus tersemam dalam jiwa masyarakat serta memperkukuhkan jati diri masyarakat Melayu yang unggul.

**Kata Kunci:** Sistem Sosial, *Kumpulan Puisi Syair Puteri*, Nur Mustika, Fungsionalisme, Talcott Parsons.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



**The Social System of Malay Princess Poems in the Book of Princess Poems:  
An Application of Functionalism Theory.**

**ABSTRACT**

The poetry of Malay princesses strives to highlight the image of the life that happened in the lives of the previous Malay princesses that are loaded with values that can be used as a support especially to the community. The social system of the Malay princess symbolizes the formation of the identity of the Malay community which is still the heart of the community until now. The emphasis on the stories about Malay princesses is not disclosed to the public, making the public not get good knowledge of the aspects of the social system contained in Malay princesses. The main purpose of the study is to identify the social system found in the poems of Malay princesses by applying Functionalism Theory and discussing examples through aspects of the social system for relevance today through the book '*Kumpulan Puisi Syair Puteri*' by Nur Mustika. The research method implemented is a qualitative method from the poetry text of the '*Kumpulan Puisi Syair Puteri*.' A qualitative approach is applied through the study of texts, websites and various literature. This study will highlight aspects of the social system including social, cultural, religious and economic inequality. A total of 14 princess poems are limited in this study to analyze aspects of the social system of princesses in the Malay world. The result of this study is to raise the story of this Malay nature princess so that it continues to be embedded in the soul of the community as well as strengthen the identity of the superior Malay community.

**Keywords:** Social System, '*Kumpulan Puisi Syair Puteri*', Nur Mustika, Functionalism, Talcott Parsons.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Puisi merupakan salah satu bentuk genre sastra yang memiliki cabang yang luas yang membawa kepada perkembangan kesusasteraan Melayu. Pembangunan sesebuah penghasilan puisi amat sinonim dengan budaya masyarakat Melayu. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan makna puisi iaitu sebuah karya yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk antaranya iaitu seperti sajak, syair, pantun dan sebagainya. Puisi ialah hasil karya yang mempunyai rangkap yang terhad mengikut pembentukan yang tetap. Menurut Za'ba puisi adalah hasil karangan puisi yang mempunyai rangkap yang spesifik diterapkan untuk menjelaskan idea daripada pemikiran yang berilmu dan memanifestasikan karya yang bermutu dengan penerapan keunggulan bahasa di dalam penghasilan karya. Puisi dapat dijelaskan menerusi pandangan tokoh iaitu A. Halim Ali (2006) iaitu sebuah hasil kreativiti dalam kepengarangan penulisan yang membawa kepada hasil kesenian dalam karya puisi mekanisme untuk menjaga dan mengekalkan adat yang memberi impak kepada aspek pembentukan sahsiah, pengajaran, agama, dan kepercayaan. Lantaran itu, puisi ini memiliki peranannya yang tersendiri merangkumi segenap aspek masyarakat sekaligus menjadi salah satu medium untuk menterjemahkan dan melontarkan pemikiran dalam bentuk penggunaan bahasanya indah dan sarat dengan nilai yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

Selain itu, puisi mempunyai dua pembahagian iaitu puisi lama iaitu tradisional manakala puisi baru iaitu disebut puisi moden. Puisi pilihan yang dikaji ialah puisi lama yang terdiri daripada syair-syair puteri. Syair ini berkisarkan tentang aspek sistem sosial dari pengkisahan puteri-puteri di alam melayu mengikut negeri-negeri di Malaysia. Syair ini signifikan bagi memberikan ilmu pengetahuan baru mengenai pengkisahan puteri-puteri alam melayu yang berteraskan sistem sosial yang wujud pada zaman alam melayu. Sistem sosial dipilih sebagai kajian kerana di dalamnya terkandung dengan sistem sosial yang sarat dengan nilai yang mampu dijadikan contoh teladan kepada lapisan masyarakat. Pengkaji menggunakan buku pilihan yang mengetengahkan puteri-puteri kerana melihat akan aspek seperti ini kurang diterokai dalam penglibatan kajian. Kajian mengenai aspek sistem sosial ini dilakukan bagi menyingkap setiap aspek sistem sosial yang terdiri daripada ketaksamaan sosial, budaya, agama, ekonomi dan sebagainya. Analisis mengenai sistem sosial dijalankan oleh pengkaji kerana dilihat bahawa terdapat banyak aspek daripada sistem sosial yang perlu diterokai . Hal ini demikian kerana, sistem sosial mempunyai perkaitan dengan pembentukan masyarakat. Berdasarkan pandangan Norazit (1989) mengenai sistem sosial ialah sebagai sebuah pengaturan unsur yang lazimnya berhubung dan ianya berperanan melengkap dan membina sebuah perpaduan. Sistem ini ialah sebuah corak konsep bagi menghuraikan sesuatu pernyataan yang mempunyai ikatan mahupun jalinan antara satu sama lain yang turut membawa kepada pembentukan struktur sosial yang diperkembangkan secara meluas. Hal ini dapat dilihat bahawa sistem sosial mempunyai perkaitan yang dasarnya mampu dikembangkan kepada aspek-aspek berkaitan sistem sosial yang wujud di dalam sesebuah sistem.

Sehubungan itu, menurut Za'aba menyatakan maksud syair berasal daripada perkataan "syair" yang melibatkan perasaan serta melibatkan dengan pancaindera yang lazimnya menimbulkan pelbagai perasaan yang memabwa kepada pengalaman yang mempengaruhi penyampaian karya menerusi penggunaan bahasa yang indah dan penuh emosi agar mencapai penghayatan terus ke jiwa para pembaca. Syair yang memiliki peranan yang dilihat mampu dalam menyampaikan suatu perasaan yang dapat dimanfaatkan dan membuka ruang kepada pengkaji untuk menganalisis sistem sosial yang terdapat dalam syair puteri serta menyemaikan contoh teladan yang dapat dipelajari menerusi lagenda sistem sosial dari pengkisahan puteri-puteri. Usaha pengkaji adalah bagi mengangkat nilai kisah pengkisahan berbentuk sejarah mahupun pengkisahan puteri-puteri alam melayu agar ianya tidak pudar dari pengamatan masyarakat Melayu.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pada era globalisasi ini, kajian mengenai syair yang membicarakan tentang sejarah pengkisahan mengenai puteri-puteri alam melayu telah banyak dijadikan sebagai bahan analisis pengkajian. Kajian yang dihasilkan berusaha untuk merungkai tentang aspek sosiologi kehidupan masyarakat pada zaman alam melayu yang mempunyai keunggulan pengkisahan yang menarik untuk dikupas dan diperincikan. Menerusi penghasilan karya syair yang mengetengahkan syair puteri-puteri di alam melayu ini membantu generasi kini untuk menyemaikan sifat cinta akan keindahan sejarah terdahulu yang mampu dijadikan sebagai sebuah ikutan dan pengajaran dalam kehidupan seharian. Kajian berkaitan tentang syair yang mengisahkan tentang puteri-puteri di alam melayu ini memberikan pemahaman dan penghayatan terhadap ilmu tentang pengkisahan kehidupan yang dijalani oleh puteri dalam bentuk pengisian yang lebih ringan namun padat dengan penceritaan yang tersendiri.

Hal ini demikian kerana, syair bukan sahaja dijadikan satu bentuk pembacaan namun ianya turut dijadikan sebagai hiburan yang didengarkan dengan melodi syair Melayu ketika di majlis-majlis rasmi. Oleh itu dapat dilihat bahawa syair memiliki keindahan yang tersendiri dalam menyampaikan sesebuah pemikiran pengarang itu.

Pengkisahan puteri-puteri di alam melayu ini sarat dengan nilai yang merangkumi aspek sosial masyarakat pada zaman alammelayu dahulu dari segi politik, hukum, budaya, politik, agama dan pendidikan. Kajian ini bagi mendekati masyarakat akan kehidupan puteri-puteri di alam melayu yang bukan sahaja terkenal akan kecantikan paras rupa sahaja namun di dalamnya terdapat sifat keperibadian mereka yang mencerminkan keindahan puteri-puteri di alam melayu yang perlu dihayati dan dijadikan sebagai inspirasi kehidupan. Syair puteri ini merangkumi setiap aspek sudut kehidupan masyarakat pada zaman lagenda melayu. Hal ini demikian, memberikan peluang kepada pengkaji untuk menelesuri pengkisahan puteri-puteri di alam melayu dalam bentuk pengkisahan berbentuk syair yang semestinya memerlukan penghayatan yang lebih mendalam.

Sehubungan itu, syair turut tidak ketinggalan dalam bidang penulisan berbentuk sastera yang masih tinggi dengan pengaturan nilai bahasa yang baik yang diterapkan oleh pengarang. Penghasilan syair memiliki makna yang tersirat yang memerlukan kekuatan dari aspek pemikiran yang kreatif oleh pengarang dalam menghasilkan karya yang nilai kepengarangan sarat dengan nilai serta penggunaan bahasa yang baik dan indah bagi memastikan matlamat pengarang dapat direalisasikan menerusi sesebuah karya yang dihasilkan oleh pengarang menerusi penghasilan puisi mahupun bentuk karya yang lain.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Menerusi penelitian pengkaji daripada beberapa kajian lepas pengkaji telah mengkaji dan menganalisis masalah yang berlaku yang memberi kelompongan dalam kajian tersebut. Penelitian terhadap kajian lepas yang menerapkan aspek lagenda dalam kajian terkandung dalam beberapa kajian iaitu Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih. Lantaran itu, Kajian Asniza Zakaria ini memberikan penumpuan kepada aspek luaran lagenda puteri namun terdapat kekurangan dari segi penerapan nilai-nilai yang dapat diperoleh daripada cerita lagenda pengkisahan puteri-puteri ini. Hal ini kerana, menjadi satu kerugian apabila pengkisahan lagenda puteri-puteri ini hanya menekankan kepada aspek luaran iaitu motif darah putih. Pengkisahan puteri-puteri perlu diceritakan dalam kajian yang dilakukan bagi memberi pengetahuan awal kepada para pembaca akan motif yang berkaitan dengan pengkisahan lagenda yang ingin dijalankan. Justeru itu dilihat dan dirumuskan bahawa pemahaman dan penghayatan tentang pengkisahan puteri-puteri alam melayu akan menentukan tahap pemahaman seseorang pembaca tanpa mengikut lapisan masyarakat.

Kajian-kajian terhadap genre lagenda ini masih perlu diceburi dalam usaha bagi memastikan kisah lagenda ini tidak terhakis mahupun terhapus seiring dengan perubahan zaman kini. Hal ini kerana, stigma masyarakat memandang kisah berbentuk lagenda seperti satu kemunduran dan beranggapan ianya hanyalah sekadar sebuah kisah lagenda. Oleh itu, pengkaji perlu memasukkan elemen kajian sistem sosial bagi mendedahkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat bagi meningkatkan mutu kajian yang dijalankan. Pengkajian lagenda ini masih kurang dijalankan, ianya memerlukan tahap berfikir yang kritis dan daya pemikiran yang luas dalam memandang perkaitan sejarah dengan karya secara pembentukan pemikiran yang lebih terbuka.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Antara beberapa persoalan kajian dapat dibentuk bagi menentukan objektif yang dapat diperolehi:

**1.4.1** Apakah sistem sosial yang terdapat dalam syair puteri-puteri alam melayu dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* oleh Nur Mustika?

**1.4.2** Bagaimanakah teori Fungsionalisme diaplikasi untuk membincangkan sistem sosial dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* oleh Nur Mustika?

1.4. 3 Bagaimanakah sistem sosial dalam syair puteri-puteri alam melayu dapat diteladani bagi kerelevanan masa kini?

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bermatlamat bagi:

- 1.5.1 Mengenal pasti sistem sosial yang terdapat dalam syair puteri-puteri alam melayu dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* oleh Nur Mustika.
- 1.5.2 Mengaplikasikan teori Fungsionalisme menerusi aspek sistem sosial dalam syair puteri-puteri alam melayu dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* oleh Nur Mustika.
- 1.5.3 Membincangkan teladan menerusi aspek sistem sosial dalam syair puteri-puteri alam melayu dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* bagi kerelevanan masa kini.



## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Rangkuman dari penghasilan kajian ini membuktikan keunggulan sejarah menerusi sistem sosial puteri-puteri di Alam Melayu yang diketengahkan oleh pemikiran pengarang yang nama penanya iaitu Nur Mustika dapat membentuk penghayatan yang mendalam oleh masyarakat. Kajian ini berperanan untuk meyemai semangat kecintaan kepada pengkisahan sejarah Melayu agar ianya dapat dijadikan satu bentuk pengkisahan inspirasi yang diterapkan dalam diri segenap masyarakat.

### **1.6.1 Individu**

Keseluruhan daripada hasil kajian bagi meningkatkan ilmu pengetahuan akan sejarah pengkisahan puteri-puteri di alam melayu. Menerusi syair yang mengetengahkan pengkisahan tentang pengkisahan puteri-puteri alam melayu ini ianya memberi impak menerusi penghayatan dan pengetahuan yang lebih mendalam yang diterapkan menerusi pengkisahan puteri dengan bentuk syair yang indah dari segi susunan perkataan memudahkan pemahaman serta mampu memupuk sifat menghargai serta semangat dalam mengembangkan pengkisahan puteri di alam melayu yang sarat dengan pengajaran yang boleh diterapkan dalam jati diri melalui keperibadian serta gaya kehidupan berteladan menerusi pengkisahan puteri-puteri di alam melayu. Justeru itu, ianya akan membuka pemikiran untuk memandang sejarah dengan aspek yang lebih luas yang mampu memberikan inspirasi, nasihat serta tauladan sekaligus memupuk diri untuk mempertahankan ilmu pengetahuan mengenai sejarah melayu agar tidak pudar ditelan arus permodenan.

### **1.6.2 Masyarakat**

Hasil kajian ini berupaya untuk menyedarkan masyarakat akan keindahan pengkisahan tentang pengkisahan sejarah melayu terdahulu yang dapat dijadikan sebagai inspirasi khususnya tentang pengkisahan puteri-puteri di alam melayu yang disampaikan dalam bentuk kumpulan syair. Hal ini akan mendedahkan masyarakat mengenai kewujudan pengkisahan puteri-puteri di alam melayu yang sarat dengan pengajaran yang boleh diaplikasikan sebagai ilmu baharu yang dapat disingkap dan akan dikongsikan kepada generasi ke generasi agar ianya terus menjadi sebuah pengkisahan sejarah yang terpahat dalam jiwa masyarakat. Oleh yang demikian, penghasilan karya ini dapat membentuk sosial kehidupan masyarakat yang lebih harmoni dengan meneladani sudut positif di dalamnya dan menjauhi sudut negatif yang perlu dijadikan sebagai pedoman kehidupan di masa depan.

### **1.6.3 Negara**

Sehubungan dengan itu, kepentingan kajian ini dapat menyumbang kepada negara apabila di peringkat kepimpinan negara yang memimpin rakyat di bawahnya perlu menjadikan pengkisahan puteri-puteri alam melayu terdahulu sebagai inspirasi menerusi nilai kepimpinan dan penerapan kehidupan sosial yang sistematik. Hal ini kerana, kepimpinan yang baik dalam sesebuah negara akan menjamin kesejahteraan pentadbiran serta mengeratkan silaturrahim di antara pemimpin dan rakyat. Justeru itu, keteguhan negara akan lebih kukuh apabila masyarakat menjadikan suatu sejarah yang terdahulu sebagai pedoman yang dapat dijadikan sebagai langkah bagi menggarap corak kehidupan yang lebih baik dalam sesebuah negara.

## 1.7 BATASAN KAJIAN

Sehubungan dengan kajian ini pengkaji telah membataskan bahan kajian kepada beberapa skop tertentu yang berkait dengan aspek kajian terhadap lagenda sosial menerusi Buku Kumpualn Puisi Syair Puteri yang ditulis oleh Noor Ainna Binti Abd Hamid. Pengkaji telah membataskan pengkajian dengan meneliti hanya dari sebahagian cerita rakyat lagenda puteri-puteri di alam melayu yang dibataskan kepada cerita rakyat puteri-puteri dari negeri yang berbeza bagi memberikan kepelbagaian dan analisis pengkisahan yang lebih menarik. Dari sebanyak 28 himpunan syair dalam buku ini, pengkaji menggunakan 14 daripadanya.

Seterusnya, kajian ini turut membataskan skop kajian kepada aspek sosiologi menggunakan Teori Sosiologi. Hal ini demikian kerana tokohnya iaitu iaitu Emile Durkheim yang membicarakan tentang realiti sosial yang berlaku sebagai bahan kajian sosiologi, sosial, mengenai agama serta pendidikan. Dengan menggunakan prinsip realiti sosial berhubung dengan pengajaran dan teladan yang membentuk aspek sosiologi yang baik boleh diperolehi daripada syair yang terkandung pengkisahan sistem sosial puteri-puteri di alam melayu membataskan kajian hanya menggunakan satu pendekatan teori yang paling berkait rapat dengan kajian. Hal ini bagi memberikan fokus kepada satu penggunaan teori agar setiap perisian kajian lebih teratur.

## 1.8 Metodologi Kajian

Bagi melancarkan kajian ini, pengkaji telah menerapkan beberapa kaedah kajian yang bersifat kualitatif menerusi kaedah analisis tekstual menerusi sumber utama bahan teks kajian iaitu teks *Kumpulan Puisi Syair Puteri* oleh Nur Mustika (2013). Kaedah kepustakaan turut dilakukan bagi mencari maklumat tambahan mengenai kajian yang

dilaksanakan. Kaedah ini juga dilakukan bagi mengukuhkan kajian menerusi bahan-bahan kajian yang bertepatan dan dari sumber yang sahih.

Bagi memperolehi maklumat tambahan, pengkaji turut melayari laman sesawang menerusi akses kepada jurnal dan artikel yang berkaitan dengan kajian. Hal ini kerana, terdapat pelbagai artikel menerusi kajian lepas yang mampu dijadikan sebagai rujukan tambahan kajian.

## **1.9 DEFINISI KONSEP**

Seterusnya, bagi memperhalusi kajian ini perlulah meneliti setiap penerapan istilah serta teori yang dilihat bertepatan bagi memperoleh pemahaman mendalam menerusi pelaksanaan kajian. Penerangan mengenai definisi konsep yang berkaitan dengan tajuk dengan memperincikan maksud setiap perkataan yang menjadi kata kunci dalam kajian ini. Antara istilah yang akan diterangkan adalah lagenda, sosial dan alam melayu. Bahan-bahan yang dijadikan rujukan adalah buku dan tesis yang telah melakukan kajian bagi istilah-istilah tersebut.

### **1.9.1 Lagenda**

Lagenda bermaksud pengkisahan dalam bentuk kisah yang cenderung berkaitan rapat dalam mengetengahkan sejarah. Pengkisahan berbentuk lagenda memiliki keistimewaan yang tersendiri tidak sama dengan pengkisahan yang biasa dibicarakan seharian. Lagenda merupakan bentuk sastera yang lingkupruangnya turut menjurus kepada cerita-cerita rakyat. Menerusi tokoh iaitu Harun Mat Piah pada tahun (2003) menjelaskan beliau turut membuat perbandingan diantara mitos dan lagenda. Hal ini kerana cerita lagenda mempunyai unsur yang berat di mana ianya dipercayai benar dan turut mempunyai isi kandungan penceritaanya yang mengetengahkan unsur luar biasa

yang diterapkan dalam cerita berbentuk lagenda. Justeru itu,lagenda membicarakan tokoh-tokoh dalam watak yang diketengahkan dalam pengkisahnya. Oleh itu,lagenda dapat didefinisikan khazanah masyarakat Melayu yang telah diguna pakai sejak terdahulu lagi dalam menerapak puisi sebagai medium penyampaian watak keperibadian yang mampu mencerminkan ketokohan sesebuah pimpinan mahupun masyarakat pada zaman dahulu yang dapat disampaikan sebagai sebuah bentuk ilmu sejarah kepada masyarakat kini.

Seterusnya, ciri-ciri lagenda yang dapat difahami ialah menerusi watak dan perwatakan yang ditonjolkan golongan yang dihormati dan disanjung , lazimnya ianya memiliki keistimewaan serta kelebihan yang amat dihormati oleh rakyat di bawah pimpinannya kerana dipercayai bahawa kedudukan kuasa serta pengaruh yang dimiliki lebih tinggi tidak sama seperti manusia biasa. Lagenda lebih bersifat nyata dari segi tokoh yang diangkat kerana lazimnya mereka memang pernah wujud dan mempunyai jasa yang sangat besar. Oleh sebab itu, mereka disenangi dan diangkat martabat mereka sebagai ikon masyarakat dan sekaligus dijadikan ikutan oleh kelompok tertentu.

Di samping itu, berdasarkan Zahrah Ibrahim (1986), lagenda adalah sebuah pengkisahan yang berkisarkan mengenai cerminan sahsiah dan kekuatan dalam jati diri menerusi tokoh insiprasi terdahulu yang dipercayai hidup dalam sejarah. Hal ini demikian kerana, sehingga kini masyarakat masih berpegang teguh menerusi pengkisahan oleh nenek moyang bahawa kewujudan tokoh-tokoh terdahulu dalam memperjuangkan tanah air memberikan gambaran kepada masyarakat akan tokoh-tokoh terdahulu yang turut mempunyai sistem masyarakat dan sistem pemerintahan dalam mentadbir sesebuah negara mahupun kehidupan. Oleh sebab itu, pengkisahan lagend aini diangkat agar dengan jiwa masyarakat agar setiap nilai baik dan pengajaran yang disingkap dapat dijadikan sebagai wadah dalam pembentukan masyarakat yang lebih

baik menerusi pembelajaran dari pengkisahan lagenda oleh tokoh-tokoh terdahulu yang merangkumi raja-raja, para pahlawan, puteri-puteri dan sebagainya.

Lantaran itu, pengkisahan yang berbentuk legenda berperanan bagi menghayati setiap aspek kehidupan yang dapat disingkap yang dapat dijadikan teladan mahupun ikutan oleh masyarakat Melayu. Hal ini berperanan bagi memastikan generasi kini dapat memanfaatkan keindahan yang terkandung dalam cerita yang mengetengahkan lagenda bagi menghayati kisah sejarah yang wujud dalam masyarakat Melayu terdahulu dengan lebih mendalam serta dapat mengambil nilai-nilai yang baik sebagai ikutan yang dapat diterapkan dalam kehidupan serta jati diri.

### 1.9.3 Sosial

Pengertian sosiologi memiliki dua maksud iaitu *socius* dalam Bahasa Yunani yang bermaksud kawan dan *logos* dalam Bahasa Latin yang membawa maksud pengetahuan. Apabila keduanya dirangkumkan, maka sosiologi difahami sebagai gabungan perkataan ilmu yang membawa kepada pemahaman bagi mendalami perilaku masyarakat melalui kehidupan bermasyarakat. Lanjutan itu,,menerusi sosiologi ini terdapat beberapa orang tokoh yang terlibat dalam teori sosiologi antaranya ialah August Comte, David Émile Durkheim, Karl Marx, Max Weber, dan Herbert Spencer. Tokoh-tokoh ini bergiat aktif dalam melopori teori sosiologi dalam mendefiniskan pandangan teori sosiologi yang berbeza- beza pandangan. Oleh itu, setiap pendefenisian yang digagaskan perlu diteliti bagi mencapai ketepatan pandangan mengenai sistem sosial yang betepatan diterapkan dalam kajian yang ingin dilaksanakan pengkaji.

Sehubungan itu,antara teori yang diketengahkan dalam ilmu sosiologi ini terdiri daripada Teori Fungsionalisme Struktural,Teori Konflik serta Teori nteraksionisme Simbolik. Setiap dari teori ini mempunyai prinsip yang tersendiri seperti Teori

Fungsionalisme Struktural yang wujud daripada pemikiran Emile Durkheim yang menggambarkan masyarakat sebagai suatu kumpulan yang teratur dari pelbagai bahagian dan saling memberi impak kepada satu sama lain. Justeru daripada pandangan tokoh teori sosiologi ini memberikan kefahaman bahawa setiap sistem sosiologi berkaiatan dengan kehidupan manusia bertindak diantara satu sama lain yang saling berhubungan dalam pembangunan sistem sosial kehidupan.

### **1.9.3 Alam Melayu.**

Alam melayu bermaksud sebuah rantau politik yang melibatkan ekonomi yang berkembang sejak zaman pra-sejarah terdahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat penempatan masyarakat terdahulu yang menjalankan kehidupan di alam melayu. Kedudukan geografi Alam Melayu yang dikenali sebagai Nusantara yang terletak di tengah-tengah kawasan tamadun awal manusia telah membentuk rantau ini sebagai sebuah penempatan yang amat penting bagi masyarakat Melayu terdahulu. Di sebelah Timur, terbinanya Tamadun Hwang Ho (kini China) yang ,menghasilkan pelbagai kemajuan, manakala terdapat perbezaan perkembangan di sebelah Barat muncul Mohenjadoro dan Harappa (India), Mesopotamia dan Babylon (Iraq), Nil (Mesir) dan Athens (Greek), sehingga menjadikan Alam Melayu penghubung utama bagi kedua-dua tamadun. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat terdahulu saling membantu antara satu tamadun dan tamadun lainnya dalam merencanakan ekonomi khususnya dalam bidang perdagangan.

Seterusnya, posisi kedudukan Alam Melayu yang terletak di laluan ekonomi yang penting iaitu Selat Melaka, Selat Sunda dan Laut China Selatan telah mewujudkan komunikasi perdagangan antarabangsa yang lebih sistematik dan teratur berlangsung

jika dibezakan dengan Laluan Sutera yang merentasi Siberia yang penuh dengan halangan yang perlu dilalui. Justeru itu kedudukan strategik ini, muncul bandar-bandar pelabuhan sepanjang pesisirnya, yang membentuk Kerajaan-kerajaan Kota, sebelum menjadi Empayar-empayar yang meluas. Kemunculan Kerajaan Melayu Funan (68-628M), Sriwijaya (600-1100M), Majapahit (1293-1498M) dan Melaka (1400-1511M), adalah gambaran mengenai Bangsa Melayu membentuk sebuah bangsa dan tamadun yang memiliki empayar luas yang mengawal laluan ekonomi Timur-Barat sehingga abad ke-16M.

Oleh itu, berdasarkan maklumat di atas dapat dilihat akan tempoh waktu zaman alam melayu yang mencapai menggambarkan kepada masyarakat akan bayangan kehidupan latar masyarakat pada waktu di alam melayu. Justeru itu, dapat dirungkai bahawa Alam Melayu ini telah berkembang dari beberapa pelbagai bahagian pelosok dalam mengetenghakan sektor perdagangan ekonomi masyarakat Melayu terdahulu yang mampu membentuk komunikasi diantaranya yang mampu mewujudkan hubungan sistem sosial masyarakat Alam Melayu terdahulu termasuk urusan pentadbiran.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## 1.10 KESIMPULAN

Secara kesimpulanya, pada bahagian bab ini menerangkan dan memberikan tafsiran serta gambaran awal mengenai tajuk kajian. Kajian ini melibatkan pemahaman yang baik dalam menganalisis syair yang menfokuskan kepada aspek sosiologi pengkisahan puteri-puteri di alam melayu. Menerusi kajian ini turut akan menghuraikan pengkisahan puteri-puteri menerusi syair dengan lebih mendalam agar dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum. Usaha yang diketegahkan oleh pengarang untuk memberikan kesedaran akan keunggulan serta keindahan puteri-puteri di alam melayu dapat direalisasikan. Kajian ini turut berhasrat agar sejarah melayu terus dipelihara dan diwarisi kepada generasi-generasi akan datang.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Tinjauan literature atau kajian lepas ini diletakkan dalam bab 2 ini bagi memberikan perincian yang lebih mendalam dengan mengamati kajian-kajian terdahulu mengenai tajuk yang bertepatan dan bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan. Hasil daripada pengamatan membuka cetusan idea kepada pengkaji dengan meneroka sudut pandang yang lebih meluas. Maklumat berkaitan dengan kajian lepas dapat diperolehi dari pelbagai sumber seperti akhbar, jurnal, buku serta media massa. Menerusi kajian lepas ianya akan membantu pengkaji untuk memastikan tajuk kajiannya mempunyai hala tuju yang terarah. Penerapan teori dalam kajian lepas dapat dijadikan sebagai pengukuhan kepada maklumat berkaitan tajuk kajian. Menurut pandangan, Wiersma (1991), kajian lepas membantu pengkaji memperoleh maklumat awal berkenaan kajian yang ingin dilaksanakan. Selain itu, Blanche dan Durheim turut menyatakan kajian lepas untuk memahami masalah yang ingin dikaji dan mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam permasalahan kajian. Hal ini amat penting untuk supaya pengkaji dapat menyelidik, mengenalpasti, merumuskan dan menyatakan dengan tepat tentang perkara yang ingin difokuskan dalam kajian. Terdapat beberapa bahagian yang akan ditekankan dalam kajian ini iaitu:

- a) Isu-isu kajian kumpulan puisi.
- b) Isu-isu kajian lagenda
- c) Isu- isu kajian sistem sosial.
- d) Isu- isu kajian teori sosiologi.

## **Kajian- kajian lepas**

### **2.2 Kajian- kajian mengenai kumpulan puisi.**

Berdasarkan kajian puisi oleh Syaidul Azam Kamarudin, Arbai'e Sujud (2017) dalam kajiannya bertajuk Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini membincangkan elemen jati diri yang di dalamnya terdapat khazanah bangsa yang perlu diperjuangkan bagi membentuk kesopanan, pembentukan intelektual yang baik, kepatuhan, sahsiah dan sifat luhur bangsa yang melengkap aspek agama, budaya dan bahasa yang telah wujud dan dikekalkan bermula dari zaman terdahulu. Kajian membincangkan lambang keperibadian masyarakat Melayu menerusi himpunan puisi oleh A. Aziz Deraman yang bertajuk Gelora Nurani dan Suara Gunung Kehidupan. Matlamat yang ingin dicapai adalah bagi mengenal pasti dan menyingkap lambang keperibadian masyarakat Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman. Penerapan reka bentuk kajian bersifat kualitatif iaitu menggunakan kaedah analisis pengisian yang terdapat dalam bahan teks kajian dan penelitian daripada analisis kajian oleh pengkaji lepas yang menerapkan prinsip yang digarap menerusi Hashim Awang dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Dapatan kajian oleh pengkaji merumuskan konsep lambang keperibadian masyarakat Melayu dijelaskan serta dibuktikan menerusi keperibadian setiap individu termasuk perilaku dan kriteria individu serta ciri sosiobudaya.

Seterusnya, kajian puisi dijalankan oleh Rohayati binti Junaidi Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, Madiawati binti Mamat @ Mustaffa (2017) dengan tajuk kajiannya iaitu Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri menerusi pengaplikasian prinsip stilistik oleh J.J Webber. Perbincangan kajian ini mengenai penelitian

kesantunan bahasa dalam kepengarangan karya sastra menerusi Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri karya Awang Sariyan (2012). Objektif kajian bertujuan untuk mengenalpasti gaya stilistik yang terkandung di dalam penghasilan kepengarangan karya dan menyingkap dengan melakukan analisis karya menggunakan prinsip stilistik J.J Webber (1989). Makalah ini membataskan kepada kumpulan Puisi Mencari Makna Diri sebagai puisi pilihan menerusi kajian yang dilaksanakan. Penerapan reka bentuk kajian diterapkan menerusi inisiatif perolehan maklumat dengan kepustakaan dan penelitian menerusi teknik analisis teks yang diaplikasikan. Penerapan teori di dalam makalah ini adalah menerusi Teori Stilistik oleh J.J Webber. Hasil daripada dapatan kajian ini dapat dirumuskan memperlihatkan keenam-enam prinsip bertepatan dalam menimbulkan kesantunan cara penciptaan karya sastra serta menonjolkan unsur bahasa Melayu, masyarakat Melayu Islam dan cerminan diri pengarang yang membangkitkan refleksi para pembaca.

Noor Hazwany Haji Arifin Noryamisma Ismail (2014) dalam kajian bertajuk Pemikiran Marzuki dalam 'Khazanah Segala Rimbun' dari aspek teori pengkaedahan melayu. Makalah ini membincangkan penggunaan unsur alam memiliki fungsi yang amat utama dalam memberi kesan kepada proses kreatif penciptaan puisi yang terjadi menerusi proses interaksi, interpretasi dan interaksi dengan alam. Makalah ini dibataskan kepada puisi- puisi dari himpunan puisi Khazanah Segala Rimbun karya Marzuki Ali. Objektif yang ingin dicapai dalam makalah ini ialah mengetahui pemikiran dalam Khazanah Segala Rimbun dan menentukan pemikiran dalam Khazanah Segala Rimbun karya Marzuki Ali menerusi pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan penerapan kaedah analisis teks daripada kitab Taj-al-Muluk (terbitan Muktabah Wamatbaah Wal maari'f, Pulau Pinang). Makalah ini mengaplikasikan teori

Pengkaedahan Melayu bagi menyingkap pemikiran Marzuki Ali tentang alam serta agama daripada aspek Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Hasil daripada makalah ini menjelaskan bahawa pemikiran Marzuki dalam karya puisinya cenderung kepada dua aspek iaitu pemikiran tentang alam iaitu keakraban dengan alam, Pemikiran Marzuki Ali Dalam 'Khazanah Segala Rimbun' Dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu pengalaman, pendidikan dan pemikiran tentang agama iaitu dakwahyang dijadikan medium yang bersifat estetika dalam penyampaian ilmu agama. Makalah ini dilihat mencapai matlamatnya kerana berhasil menjadikan kerosakan sehingga membawa kepada bencana alam yang berlaku bagi menimbulkan gambaran masyarakat seringkali tidak menjaga dan mencintai alam. Kajian ini dapat diperluaskan dengan penerapan nilai-nilai moral dalam makalah ini bagi menyemai sikap cinta kepada alam dalam kalangan pembaca supaya khazanah alam terus dipelihara dengan baik.

Saravanan P. Veeramuthu (2018) dalam kajiannya yang bertajuk Perempuan Serpihan Malam: Naratif Pengalaman di Landskap Kehidupan. Kajian ini dijalankan bagi meneliti serta mendalami kumpulan puisi Shirley Idris berhasil dalam mengetengahkan tentang feminis dalam penerapan kandungan di dalam karya yang dihasilkan beliau. Pendekatan Psikologi turut diterapkan dalam makalah ini bagi meneliti unsur kejiwaan pengarang, unsur-unsur rohani dalam karya dan unsur-unsur spiritual pembaca yakni telah dirumuskan oleh Ratna (2014) bagi membantu menyimpulkan unsur feminisme yang terdapat dalam hasil karya puisi yang dikaji. Pengkaji membataskan makalah ini ialah Kumpulan Puisi Perempuan Serpihan Malam (2016) terbitan Ikatan Penulis Kopi Sastera Malaysia, karya Shirley Idris. Kajian ini bertitik tolak dari objektif utama iaitu mengenal pasti isu feminis dalam kumpulan puisi Serpihan Malam karya Shirley Idris serta menganalisis unsur-unsur kejiwaan pengarang

dalam kumpulan puisi Serpihan Malam. Penerapan kajian menerusi bentuk kaedah bersifat kualitatif menerusi kajian analisis teks Kumpulan Puisi Perempuan Serpihan Malam (2016) karya Shirley Idris. Pengaplikasian menggunakan pembentukan psikologi yang direalisasikan oleh Ratna (2004) menerusi unsur-unsur rohani yang melibatkan perasaan dalaman pengarang. Hasil dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa makalah ini mengetengahkan golongan wanita yang non-liberal kerana lebih ditonjolkan sebagai kumpulan yang terkurung dalam belunggu situasi yang tidak mudah untuk dilalui oleh mereka. Makalah ini dilihat jelas menerusi keberanian pengarang dalam menyelami kehidupan golongan perempuan tanasusila yang dilihat mengangkat isu feminis di dalam karyanya. Kajian ini dapat dipergiatkan lagi dengan menyentuh mengenai mekanisme yang boleh diwujudkan bagi memeperkasakan golongan ini untuk merealisasikan dan mencapai mereka bagi mencapai kebebasan dari lingkungan masalah sosial yang menyelebung kehidupan kumpulan wanita tersebut.

Kajian karya puisi oleh Nurul Auni Nadhirah Mohd Rashidi dan Azean Idruwani Idrus (2018) dengan tajuk kajiannya yang bertajuk Analisis Stilistik dalam Himpunan Puisi Baharudin Zainal. Perbincangan dalam kajian ini adalah menerusi penulisan Baharudin Zainal lazimnya menerapkan alam semesta sebagai perlambangan untuk menjelaskan maksud yang tersembunyi. Batasan dalam kajian yang dilaksanakan ini mendapati sebanyak 16 buah puisi yang memiliki diksi berisfatkan alam dalam himpunan puisi “Siang Tak Pernah Mungkir Kau Akan Dewasa” karya Baharudin Zainal. Objektif kajian ini bermatlamatkan untuk mengenal pasti penggunaan diksi yang berunsurkan alam serta menganalisis jenis-jenis makna yang ditemui dalam penulisan puisi tersebut. Penerapan pemilihan kaedaha kajian ialah menerusi kajian kualitatif deskriptif dengan menganalisis isi yang terkandung menerusi teks dalam himpunan puisi “Siang Tak Pernah Mungkir Kau Akan Dewasa” oleh Baharudin Zainal

secaraj elas . Makalah ini mengaplikasikan Teori Makna oleh Leech (1974). Dapatan hasil kajian dapat dirumuskan iaitu penggunaan diksi yang bersifat alam amat bertepatan bagi penghasilan penulisan puisi serta disandarkan kepada kelima-kelima jenis makna bagi menggambarkan sesuatu makna di dalam puisi tersebut. Makalah ini berhasil dalam menjelaskan penggunaan diksi berserta makna yang terkandung di dalam puisi dengan lebih mendalam menerusi analisis stilistik yang diterapkan. Kajian ini dapat diperluaskan lagi dengan mengaitkan makna yang terkandung di dalam diksi dengan kehidupan pembaca bagi memberikan penghyatan yang mendalam dan jelas akan sesuatu makna yang terkandung dalam aspek diksi sesebuah puisi yang ingin dikaji.

Azzurin Mohd Yassin dan Mass Ryna Wati Ahmad (2018) dengan tajuk kajian iaitu Konsep Jati Diri Melayu dalam Puisi Catatan Kembara “ Nota Kecil Menyeberang Usia Kajian ini membincangkan tentang hubungkait konsep jatidiri dalam penulisan kembara sebagai suatu genre sastera di Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan membataskan kepada puisinya yang berjudul “Nota Kecil Menyeberang Usia” dalam buku kumpulan puisinya yang bertajuk, Menggeledah Nurani (2008) menjadi fokus dalam kajian ini. Tujuan utama kajian ini adalah, untuk menghayati puisi yang berbentuk catatan kembara yang diambil dari penulis muda, Fahd Razy yang mengadaptasikan pengalamannya ke dalam bentuk puisi, ketika beliau berada di perantauan. Kajian ini bersifat kualitatif berdasarkan penelitian kepada teks Puisi Catatan Kembara” Nota Kecil Menyeberang Usia” yang disandarkan kepada Model Jati Diri Melayu. Prinsipnya mengklasifikasikan kepada tiga aspek iaitu Islam agama luhur, adat dan budaya Melayu berlandaskan syariah dan bahasa Melayu sebagai teras jiwa bangsa untuk menyampaikan ilmu dan pemikiran. Namun, hanya aspek adat dan budaya Melayu berdasarkan syariah digunapakai dalam perbincangan ini. Secara rangkuman hasil daripada kajian dapat dilihat menekankan agar bangsa Melayu perlu

menyemai pegangan Islam dan menjadikan agama Islam sebagai tunjang kekuatan yang perlu diterapkan dalam diri setiap individu. Hal ini kerana, puisi yang mengetengahkan penulisan berbentuk kembara memberikan gambaran kepada keadaan yang dihadapi yang akan memberi ancaman kepada jati diri Melayu untuk tidak mengikuti gaya kehidupan barat yang bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, penulis menukulkan karyanya bagi memberikan pemahaman kepada para pembaca akan pengalaman yang dialaminya ketika menuntut ilmu jauh dari perantauan dan kawalan dari ibu-bapa. Kajian ini berupaya memberikan pengalaman kepada para pembaca akan cabaran yang dihadapi ketika merantau jauh dari kebiasaan gaya kehidupan bangsa Melayu itu sendiri. Kajian kembara seperti ini perlu diterokai dan dipergiatkan pengkajian agar memberikan pelbagai pengalaman yang dapat dijadikan sebagai sumber motivasi mahupun pedoman dalam diri setiap pembaca.

Kajian puisi turut dilakukan oleh Zurina Abdullah, Farah Nur-Rashidah Rosnan dan Ahmad Nazeer Zainal Arifin (2017) dengan tajuk kajiannya iaitu analisis morfologi dalam Syair Perahu. Kajian ini membincangkan mengenai sebuah karya Hamzah Fansuri yang merupakan ulama tasawuf yang berasal dari Aceh, Indonesia, iaitu Syair Perahu. Ketokohan Hamzah Fansuri dalam ilmu tasawuf banyak disanjung disebabkan bentuk penghasilan puisi, khususnya syair dengan penguasaan bahasa yang sarat dengan nilai estetika. Matlamat utama kajian adalah untuk mengetahui aspek morfologi yang terkandung menerusi penulisan syair yang dihasilkan pengarang serta menyerlahkan kekuatan Hamzah Fansuri sebagai cendekiawan bahasa Melayu pada abad ke-16 yang mampu dijadikan sebagai inspirasi. Kajian ini dilaksanakan dengan reka bentuk kajian kualitatif dengan meneliti aspek morfologi secara deskriptif yang meliputi bentuk, kata, golongan kata dan struktur kata. Penerapan aspek kajian tatabahasa iaitu morfologi mengenai struktur, bentuk, dan penggolongan kata. Hasil analisis turut



menjelaskan bahawa Hamzah Fansuri tidak disangkal menerusi ketokohan dan kelebihan ilmu yang dimilikinya dalam kesusasteraan serta bahasa Melayu. Kajian ini dilihat berhasil dalam dalam membawa para pembaca memahami penggunaan perumpamaan menggunakan objek perahu sebagai simbolik kepada masyarakat dalam menelesuri ranjau kehidupan di dunia yang sarat dengan pelbagai ujian dan rintangan sebagai gambaran pelayaran sebuah perahu yang memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Kajian mengenai karya sastera yang lain yang mengetengahkan ilmu tasawuf serta penggunaan bahasa yang tinggi dapat dicontohi oleh tokoh- tokoh kesusasteraan Melayu misalnya Hamzah Fansuri, Shahnon Ahmad, Usman Awang, S. Othman Kelantan dan beberapa orang tokoh kesusasteraan Melayu yang lain.

Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud (2021) dengan tajuk kajian yang bertajuk Klasifikasi Realiti dalam Syair menurut Masyarakat Melayu Tradisional. Kajian ini membincangkan perspektif realiti masyarakat Melayu tradisional sering disalahtafsir oleh sarjana kolonial sehingga dianggap penyebab utama kepada kemunduran masyarakat meliputi fizikal, mental dan spiritual. Kajian ini membataskan kepada perspektif 'realiti' dalam kepengarangan masyarakat Melayu. Matlamat yang ingin direalisasikan dalam kajian ini ialah menjelaskan perspektif 'realiti' dalam kepengarangan masyarakat Melayu tradisional dan merumuskan klasifikasi syair yang berteraskan realiti menurut para sarjana terhadap isu ini. Kajian menggunakan kaedah kualitatif secara '*close reading*' terhadap beberapa pendapat sarjana terhadap definisi dan klasifikasi 'realiti' yang dianalisis secara terperinci. Bagi menyelesaikan objektif kedua kajian ini aktiviti yang dilakukan untuk menyelesaikan objektif dua adalah mengklasifikasi semula syair berasaskan realiti mengikut tema tertentu serta membandingkan klasifikasi syair itu berteraskan kepada konsep 'kesedaran diri sastera' (literary self-awareness) yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Prinsip yang

diaplikasikan dalam kajian ini iaitu menggunakan perspektif realiti serta konsep kesedaran diri sastera dalam membuat analisis bagi kajian tersebut. Hasil yang dapat dilihat menerusi rangkuman kajian ini ialah membuktikan bahawa klasifikasi syair berasaskan realiti kehidupan masyarakat yang diketengahkan oleh para sarjana terdahulu perlulah menepati beberapa kriteria yang dicadangkan agar satu klasifikasi yang telus dapat diperolehi dengan memanfaatkan peristiwa atau pengalaman yang dialami oleh raja, pemerintah atau kolonial dan rakyat. Kajian ini berjaya membuka cetusan pemikiran masyarakat agar melihat karya syair turut berperanan dalam mengetengahkan realiti kehidupan masyarakat terdahulu kepada generasi kini. Hal ini bagi memberikan pengalaman kepada masyarakat kini bersandarkan dari peristiwa yang dialami oleh masyarakat terdahulu. Kajian ini mampu menjadikan panduan kepada para pengkaji bagi menerokai serta mengupas tentang isu-isu yang sering menjadi perbualan masyarakat sebagai isu kajian untuk merungkai dengan lebih tepat mengenai isu yang wujud tentang kesusasteraan Melayu agar ianya dapat dijelaskan kepada masyarakat dengan lebih berilmiah dengan menerapkan isi-isi kandungan kajian yang dapat difahami dengan baik oleh masyarakat.

Abdul Halim Mohamad (2011) turut melakukan kajian puisi yang bertajuk Unsur-Unsur Ilmu Badi' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri. Kajian ini membincangkan Ilmu badi' yang merupakan sebahagian daripada ilmu retorik Arab menerusi penggunaan kata dan frasa yang berbunga dalam sesuatu ungkapan termasuk prosa, syair, al-quran dan teks lain. Kajian ini dibataskan perbincangan beberapa unsur ilmu badi' Arab yang agak relevan dan boleh diaplikasikan dengan mudah ke atas puisi Hamzah Fansuri. Unsur-unsur ilmu badi' yang dibincangkan dalam artikel ini ialah iqtibas, tibaq, jinas, tawriyah, saj', dan muwazanah. Objektif yang dicapai dalam kajian

ini ialah membincangkan serta menganalisis beberapa teks syair Hamzah mengikut teori ilmu retorik Arab, tetapi terhad kepada ilmu badi' sahaja.

Kajian analisis teks daripada beberapa syair Hamzah Fansuri digunakan bagi menyingkap unsur-unsur ilmu badi' yang terkandung di dalam puisi tersebut. Kajian ini mengaplikasikan teori ilmu retorik Arab dengan menfokuskan kepada ilmu' badi sahaja yang di bawahnya mempunyai enam cabang iaitu iqtibas, tibaq, jinas, tawriyah, saj', dan muwazanah. Hasil dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa Hamzah Fansuri adalah merupakan tokoh yang banyak memberikan sumbangan dalam mengangkat martabat kesusasteraan Melayu dengan penerapan unsur-unsur ilmu badi' yang dilihat perlu diterapkan dalam penelitian karya sastera. Kajian ini berhasil menjelaskan penerapan teori ilmu retorik Arab yang dispesifikasikan kepada cabang-cabang di bawahnya bagi meningkatkan pemahaman dalam kajian ini. Kajian yang berbentuk ilmu-ilmu tasawuf Islam menerusi karya tokoh-tokoh kesusasteraan Melayu seperti Hamzah Fansuri dilihat perlu dipergiatkan agar karya yang disampaikan dapat difahami dan memberi impak yang baik dalam kehidupan.

Kajian puisi turut dilaksanakan Wong Aw Lam Chee dan Nik Safiah Karim (2015) dengan tajuk kajian iaitu Syair Siti Sainah: Beberapa Ciri Kepenyairan Raja Ali Haji dari Perspektif Bahasa. Kajian ini membincangkan sebuah syair iaitu Syair Siti Sianah dengan memberi fokus menerusi ciri kepenyairan yang diperhatikan melalui sudut pandang bahasa berdasarkan penelitian seorang tokoh Malaysia, iaitu Zainal Abidin bin Ahmad yang dikenali sebagai Za'ba menerusi karya bukunya berjudul Ilmu Mengarang Melayu. Matlamatnya adalah bagi mengkaji serta menganalisis beberapa ciri kepenyairan Raja Ali Haji dalam puisi yang ingin dikaji menerusi perspektif bahasa. Kajian ini membataskan kepada Syair Siti Sainah karya Raja Ali Haji di dalam buku dijaga keasliannya di bawah selenggara Abu Hassan Sham pada 1993 bertajuk Puisi-puisi

Raja Ali Haji. Reka bentuk kajian kualitatif dilakukan dengan analisis teks dari Syair Siti Sainah dalam buku berjudul Puisi-puisi Raja Ali. Prinsip yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah menerusi tiga sudut pandang bahasa iaitu penelitian dari jumlah perkataan dan suku kata menerusi sudut unsur penggunaan rima dan gambaran dalam pemilihan penbendaharaan kata serta gaya ungkapan. Hasil dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa Syair Siti Sainah ini berusaha untuk menyampaikan beberapa aspek ajaran Islam di dalam isi kandungan karya ini. Bertitik tolak dari kajian ini turut mendapati bahawa aspek kepengarangan Raja Ali Haji turut mempunyai persamaan dengan unsur syair yang diketengahkan oleh Za'ba. Oleh itu, jelas membuktikan bahawa kepengarangan oleh tokoh Riau iaitu Raja Ali Haji wujud persamaan dengan tokoh dari Malaysia iaitu Zainal Abidin Bin Ahmad. Kajian ini berjaya dari segi pencapaian objektif bagi melihat ciri kepenyairan Syair Siti Sainah dengan mendapatkan satu rumusan berkaitan persamaan sifat yang ditekankan menerusi syair tokoh Riau iaitu Raja Ali Haji dengan Za'ba. Kajian ini dapat diperluaskan bagi pengkajian kajian yang lain bagi melihat persamaan dari segi ciri kepenyairan bagi mendapatkan satu rumusan serta penambah baik bagi karya yang dihasilkan menerusi penelitian ciri kepenyairan oleh tokoh-tokoh yang masyhur dalam kehebatan kepengarangan karya yang dihasilkan.

Mary Fatimah Subet (2017) dengan tajuk kajiannya iaitu Emosi dan Ironi dalam Puisi Usman Awang: Tafsiran Pragmatik. Kajian ini membincangkan tentang emosi dari perspektif linguistik dan bahasa yang lazimnya dikaji dalam bidang psikologi. Kajian ini dibataskan kepada empat buah sajak pilihan dianalisis untuk mengesan unsur penggunaan kata-kata yang memberi impak iaitu bahasa kiasan. Kajian ini bertujuan bagi mengkaji empat buah sajak pilihan karya Usman Awang dan menganalisis bahasa kiasan. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif

serta kuantitatif. Kaedah kualitatif menerusi analisis teks dari empat buah sajak dari Usman Awang dan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan 50 soal selidik kepada responden bagi mengenal pasti unsur emosi yang tersirat dari kalangan responden. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini iaitu Teori Linguistik yang dikhususkan kepada Teori Relevan. Hasil dapatan kajian mendapati kajian saintifik bahasa manusia berjaya menyingkap erti yang ingin disampaikan dalam puisi dan penggunaan emosi perasaan yang terkandung dalam puisi.

Nazri Bin Atoh dan Zubir Bin Idris (2019) menerusi kajian Simile Sebagai Kesantunan Berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah. Perbincangan dalam kajian ini adalah mengenai cara masyarakat Melayu yang mengikut budaya Ketimuran ini melafazkan pengertian dengan menggunakan keindahan gaya bahasa menerusi simile. Batasan kajian ini ialah kepada Syair Siti Zubaidah. Objektif kajian bermatlamat untuk meneliti keindahan berbahasa menerusi Syair Siti Zubaidah yang dilafazkan dengan gaya bahasa simile. Antara aspek yang ditekankan adalah bagi mengetahui tanda yang diterapkan bagi mengenal pasti dalam ungkapan gaya bahasa simile yang terdapat dalam Syair Siti Zubaidah serta memberikan penekanan terhadap kesan yang melibatkan sekeliling dalam Syair Siti Zubaidah bagi menggambarkan keindahan dan keunikan dalam berbahasa menerusi ungkapan-ungkapan simile yang diterapkan. Pendekatan semiotik ialah teknik yang diterapkan bagi mendalami dengan lebih jelas mengenai kebahasaan dengan penumpuan kepada meneliti dan memahami makna dalam teks melalui tanda (Abdul Halim, 2011). Hasil dapatan kajian ungkapan yang mempunyai gaya bahasa simile dalam Syair Siti Zubaidah merupakan model keindahan dan keunngulan dalam kreativiti bentuk berbahasa kerana pemilihan penggunaan perkataan yang tepat dan bertepatan dengan makna dan situasi kejadian berlaku.

Kajian syair juga dikaji oleh Nur Najwa binti Kamarul Hikma (2021) yang diberi tajuk Transkripsi analisis Perjuangan Wanita dalam Syair Zubaidah dengan mengaplikasikan Teori Feminisme. Kajian ini menerangkan tentang konsep atau tema wanita yang telah dibawa oleh watak dalam syair Siti Zubaidah yang mengetengahkan peranan Wanita. Kajian ini telah menggunakan buku Syair Siti Zubaidah. Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk mengetahui dengan melakukan pengkajian serta meneliti analisis perjuangan dan perwatakan wanita dalam Syair Siti Zubaidah karya Abu Zar dan juga menganalisis perjuangan watak wanita itu berdasarkan syair tersebut dengan mengaplikasikan teori feminisme. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif dan serta mengumpulkan data maklumat menerusi rujukan dari pustaka dianalisis secara deskriptif. Teori feminisme telah digunakan dalam kajian ini. Hasil yang didapati daripada kajian ini ialah pengkaji perlu lebih menfokuskan kajian berkaitan perjuangan wanita lebih menonjolkan lagi ketokohan watak Wanita dalam dunia sastera ini. Dengan pengaplikasian teori feminisme dapat membantu mengukuhkan lagi kajian ini terhadap watak utama iaitu Siti Zubaidah.

Hashim Ismail (2019) mengkaji tentang Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan praktikaliti. Penerangan dalam kajian ini mnegetengahkan tentang pandangan yang berbeza mengenai teori puitika sastera melayu. Terdapat pada suatu Ketika,terjadinya perbahasan antara Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ismail Hussein di Malaysia mengenai pembaharuan yang berkonsepkan moden menerusi sastera melayu yang mana mempunyai unsur kritikan terhadap perkembangan karya sastera pada tahun 1970an. Selepas daripada itu, telah wujud penekanan mengenai fungsi Islam bagi mengembangkan potensi masyarakat, konsep perselisihan pemikiran barat serta Islam dan perdebatan mengenai sastera Melayu dan perkaitanya dengan sastera Islam. Teori Puitika Sastera Melayu berasaskan lapan aspek utama iaitu Takrif

dan istilah, fungsi karya sastra, genre, perkataan yang indah-indah, teks, memperbaharui pengarang, yang indah-indah: estetika sastra melayu dan akhir sekali masyarakat di bahagian pentas. Lantaran itu, genre pantun dan hikayat, konsep ini difahami dengan penerapan yang berasaskan konsep puitika. Muhammad Haji Salleh telah menekankan aspek keindahan ini dengan ketuhanan dengan memperincikannya dengan hubungan keindahan Melayu dengan aspek ketuhanan secara lebih mendalam. Kajian ini dikaji untuk mengenal pasti ciri-ciri Teori Puitika Sastra Melayu menganalisis pandangan setiap sarjana tentang kesesuaiannya dan juga menilai keupayaannya sebagai sebuah teori tempatan. Kaedah kajian yang digunakan berbentuk menganalisis secara kualitatif iaitu kemungkinan praktis dari segi kestabilan Teori Puitika Sastra Melayu untuk berusaha untuk terus maju dan berdaya saing ke peringkat yang lebih tinggi. Teori yang digunakan ialah Teori Puitika Sastra Melayu dalam menganalisis pantun melayu. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa idea Mohd. Affandi Hassan konsepnya berasaskan persuratan Melayu dengan ilmu ketuhanan dengan sebenar-benar ilmu yang berbeza dengan pandangan menerusi pandangan Muhammad Haji Salleh.

Menerusi kajian puisi oleh Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheikh Said, Rozita Che Rodi dan Siti Sarah Ab Karim dengan tajuk kajiannya iaitu *Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang*. Kajian ini membincangkan mengenai warisan sifat keperibadian sosial orang Melayu yang tersemat dalam hati budinya yang terbentuk menerusi tindakan, budi pekerti, budi bahasa, nilai, kelaziman gaya kehidupan, pemikiran dan ilmunya. Kajian ini mengetengahkan kajian bentuk puisi Melayu Tradisional berkaitan dengan simpulan bahasa, pepatah, pantun Melayu lama dengan menggunakan dasar 26 teras hati budi orang melayu. Tujuan kajian dijalankan adalah bagi melihat sejauhmana penyimpangan

teras hati budi Melayu dalam jati diri masyarakat Melayu kini. Bagi mencapai kepada tujuan kajian pengkaji telah mengaplikasi kaedah kuantitatif bagi melihat keputusan akan tujuan yang ingin dicapai dalam kajian menerusi set soal selidik yang dilakukan kepada di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Menerusi kajian yang dilaksanakan ianya dapat mengenal pasti akan aspek-aspek kelemahan keperibadian yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang perlu dikukuhkan kembali menerusi pengukuhan pemupukan 26 teras hati budi Melayu.

Seterusnya, menerusi kajian oleh Mat Asuar Bin Awang (2008) dengan tajuk kajiannya iaitu *Kesan Pendekatan Penghayatan Terhadap Pembelajaran Puisi*. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pastis ama ada pengajaran yang menggunakan pendekatan penghayatan yang didedahkan kepada kumpulan yang telah dijadikan kelompok sebagai bahan subjek dalam kajian. Matlamat yang ingin dicapai adalah bagi memperkukuhkan pembelajaran puisi Komsas yang merangkumi aspek genre pilihan seperti pantun, syair dan sajak. Penerapan reka bentuk kajian kuantitatif dijalankan dalam kajian ini menerusi 136 orang pelajar yang datangnya dari dua buah latar belakang kedudukan sekolah iaitu dua buah sekolah dari bandar dan luar bandar. Hasil daripada dapatan kajian pendekatan menerusi penghayatan yang diterapkan dalam diri pelajar dapat memberi kesan kepada penguasaan puisi Komsas.

Tambahan itu, kajian yang dijalankan mengenai kajian puisi oleh Rahayu Akhesah, Mohd Rosli Saludin , Ghazali Din (2018) menerusi tajuk kajian iaitu *Komunikasi Berkesan Dalam Persembahan Puisi Artistik Rahman Shaari*. Matlamat dalam kajian ini adalah bagi meneliti beberapa sajak hasil dari Rahman Shaari yang dilihat memberi kesan dari sudut komunikasi yang jelas terpancar menerusi persembahan artistik Rahman Shaari. Pendekatan teori yang diterapkan dalam kajian ini ialah menerusi Teori Stilistik bagi merungkai mengenai bahasa yang diaplikasikan



dalam penghasilan sajak oleh Rahman Shaari. Kepentingan yang bertepatan dalam kajian ini bagi mengangkat sumbangan Rahman Shaari yang merupakan sasterawan negara ke 15 dalam bidang penghasilan puisi yang mampu dijadikan sandaran kepada masyarakat. Hasil daripada dapatan kajian adalah bagi melihat kesan daripada penghasilan puisi yang baik dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat menerusi keperibadian mulia dan pertuturan seharian yang dapat dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat.

Di samping itu, menerusi kajian yang dilaksanakan oleh Laura Seman (2020) menerusi tajuk kajian iaitu *Imej arektaip dalam puisi Sabak*. Kajian ingin mengetengahkan mengenai puisi rakyat Iban yang juga disebut sebagai Leka Main yang di bawahnya terdapat tiga bahagian iaitu Leka Main Invokasyon, Leka Main Adat Basa (Adat) serta Leka Main Pemerindang (Hiburan). Teori arketaip yang dipelopori oleh Carl Jung yang menceritakan mengenai penggunaan imej seperti besi, *tabak* yang terkandung di dalamnya makanan, rama-rama dan sebagainya yang hanya dapat difahami dengan lebih mendalam oleh keindahan serta keunikan puisi oleh masyarakat Iban. Kaedah kajian menerusi kualitatif menerusi analisis tekstual menerusi sebahagian buku Sabak serta menambahkan maklumat kajian menerusi kaedah reka bentuk kajian kuantitatif menerusi kaedah temubual bersama responden. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi memberikan pemahaman dan pendedahan terutamanya pelajar dalam meningkatkan pengetahuan akan penerapan imej arketaip dalam puisi *sabak*.

Lantaran itu, menerusi kajian sosiologi yang dilakukan oleh Syamsul Azizul Marinsah (2018) dengan tajuk kajiannya iaitu *Pendekatan Sosiologi Hukum Islam Dalam Kajian Usul Al-Fiqh Gunaan: Aplikasi Terhadap Budaya Tradisi Masyarakat Bajau Semporna*. Kajian ini membincangkan mengenai kaedah yang diterapkan dalam penyelidikan mengenai hukum Islam yang memiliki ciri bersepadu menerusi disiplin

kajian Usul al-Fiqh Gunaan. Penumpuan kajian menerusi kaedah sosiologi berkisarkan mengenai hukum Islam yang membawa kepada keseimbangan.

### **2.3 Kajian tentang legenda.**

Kajian aspek legenda oleh Dunita Nabila binti A Rahimin (2019) dengan tajuk kajiannya iaitu Mitos dan Legenda: Di Sebalik Percanggahan Fakta Dalam Sejarah Asia Tenggara. Kajian ini membincangkan unsur mitos dan legenda di dalam sejarah Asia Tenggara. Makalah ini menjelaskan bahawa unsur ini seringkali dilihat menjadi faktor utama kepada percanggahan fakta di dalam historiografi tetapi terdapat faktor-faktor lain yang dilihat lebih dominan dalam menyumbang kepada percanggahan fakta seperti bias, anakronisme, sumber lisan, dan kesilapan interpretasi penulis. Kajian ini membataskan kepada karya-karya karya-karya berunsur sejarah di Asia Tenggara. Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah melihat sejauh mana mitos dan legenda dianggap menjadi faktor tunggal kepada percanggahan fakta sejarah. Kaedah analisis teks daripada karya- karya berunsur sejarah di Asia Tenggara. Kajian ini menganalisis dengan mengaplikasikan percanggahan fakta sejarah menggunakan faktor lain yang membawa kepada percanggahan fakta seperti bias, sumber lisan, anakronisme dan kesilapan interpretasi penulis.

Hasil daripada kajian dapat dirumuskan bahawa memperlihatkan bahawa mitos dan legenda telah membawa makna dan kepentingan yang tersendiri seperti menjadi instrumen perpaduan, memberikan identiti sesebuah negara, membawa unsur keperwiraan, dan memberi gambaran tentang keadaan semasa sesebuah peristiwa itu dicatat.

Zul Pahmi Sahidin dan Norazimah Zakaria (2020) dengan tajuk kajiannya yang bertajuk *Kajian Ikon, Indeks Dan Simbol Dalam Cerita Legenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik*. Kajian ini membincangkan identiti masyarakat Lombok dalam menghargai golongan wanita. Cara masyarakat Lombok mencerminkan kepercayaan kepada golongan wanita sebagai sumber kehidupan menerusi perkembangan hikayat dan cerita lagenda. Kajian ini dibataskan kepada tiga buah cerita lagenda yang menjadi masyhur ikon wanita di Pulau Lombok iaitu Cerita lagenda Puteri Denda Mandalika, Dewi Anjani dan Puteri Rengganis. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti ikon, indeks dan simbol dalam cerita lagenda Lombok berdasarkan teori semiotik Peirce (1931-58) dan menganalisis bagaimana hubungan ikon, indeks dan simbol dalam cerita lagenda dengan konteks budaya masyarakat Lombok. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan sumber maklumat mengenai cerita lagenda yang menjadi ikon wanita di Pulau Lombok. Rentetan itu, kajian ini menggunakan ini bertitik tolak daripada teori semiotik Peirce (1931-58) yang mengemukakan tiga perkara iaitu ikon, indeks dan simbol. Hasil dapatan kajian dapat dirumuskan menerusi perbincangan ikon, indeks dan simbol mempunyai perkaitan dengan budaya masyarakat Lombok yang masih wujud sehingga ke hari ini. Kajian ini berjaya mengetengahkan cerita lagenda Lombok yang menyentuh setiap aspek yang mengangkat ikon wanita dengan lebih mendalam seperti keterampilan, indeks perilaku, indeks watak dan perwatakan.

Kajian lagenda turut dilakukan oleh Sudirman bin Kiffli, Fairuladlan bin Hamadun, Md Arif Bin Ariffin, Daeng Haiza Bin Daeng Jamal dan Hidayat Bin Hamid dengan tajuk kajiannya yang bertajuk *Konflik Lagenda Puteri Saadong* (2020). Kajian ini memfokuskan kepada elemen konflik yang berlaku di dalam Lagenda Puteri Saadong dengan merujuk kepada peristiwa-peristiwa penting yang terdapat di dalam

pengkisahannya. Kajian ini dibataskan kepada sebuah kisah lagenda yang masyarakat di negeri Kelantan iaitu Lagenda Puteri Saadong. Bertitik tolak dari itu, objektif kajian asasnya ialah mengkaji elemen konflik dalam Lagenda Puteri Saadong dan menganalisis elemen konflik berdasarkan penerapan pendekatan elemen konflik di dalam kajian ini. Kaedah kualitatif melalui analisis kandungan telah diaplikasikan untuk mengumpul data kajian. Bagi mengukuhkan makalah ini penelitian sumber tambahan yang lainya adalah daripada data seperti buku, artikel dalam jurnal, keratan akhbar dan majalah. Pendekatan yang diaplikasikan adalah dari tokoh dalam bidang sains sosial iaitu Burton (1969). Pendekatan yang digunakan memberikan pencerahan kepada pengkaji bagi mengkaji elemen konflik menggunakan teori keperluan asas manusia (*Human Needs Theory*). Hasil daripada makalah ini mendapati bahawa pengkisahan lagenda Puteri Saadong tersirat dengan pelbagai elemen konflik yang terkandung di dalamnya yang mampu menjadi wahana kepada masyarakat untuk menghayati elemen konflik yang dihadapi oleh tokoh lagenda negeri Kelantan ini. Kajian ini memberikan cetusan kepada para pengkaji lagenda untuk menyentuh pengkisahan lagenda puteri-puteri yang menjadi tokoh bagi setiap negeri agar ianya terus tersemam dalam jati diri masyarakat Melayu.

Asniza Zakaria (2019) dengan tajuk kajiannya iaitu Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih. Artikel ini menjelaskan secara ringkas tentang definisi, pengertian, fungsi dan ciri-ciri lagenda dan warna putih yang dikemukakan oleh beberapa tokoh serta menyingkap sejarah Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, susur galur keturunan lagenda kisahnya secara ringkas. Kajian ini

dibataskan kepada dua buah kisah lagenda berdarah putih yang terdapat di negeri Kedah iaitu Puteri Lindungan Bulan dan Mahsuri. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan secara ringkas tentang definisi, pengertian, fungsi dan ciri-ciri lagenda dan warna putih yang dikemukakan oleh beberapa tokoh, pengaplikasian definisi, ciri-ciri dan fungsi ke atas kedua-dua lagenda tersebut dan cadangan memperkenalkan dan memastikan kelangsungan nostalgia kepada generasi sekarang dan akan datang bahawa negeri Kedah kaya dengan khazanah cerita-cerita rakyat termasuk dua cerita lagenda tersebut iaitu Puteri Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan. Kaedah kajian yang diterapkan dalam makalah ini adalah dari data sekunder yang diperoleh melalui kaedaha analisis teks kandungan daripada buku, majalah, artikel dan makalah berkaitan Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan. Kajian ini menganalisis menggunakan tinjauan dokumen yang pelbagai seperti artikel, buku, keratan akhbar dan sebagainya bagi memperoleh pengertian, fungsi dan ciri-ciri lagenda serta pengertian motif warna putih. Hasil daripada keseluruhan kajian mendapati bahawa terdapat banyak aspek yang dapat diketengahkan dalam sesebuah cerita lagenda sebagai contoh motif darah putih menerusi lagenda Mahsuri yang sehingga kini masih dipercayai dan memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat. Kajian yang bertujuan bagi menyingkap sesuatu kisah lagenda ini dilihat menarik untuk dijadikan bahan bagi pengkajian sejarah.

Kajian yang mengetengahkan aspek lagenda turut dijalankan oleh Rosfazila Abd Rahman (2016) yang bertajuk *Pembangunan dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius) Kajian Etnomonologi Lagenda Mahsuri Langkawi, Malaysia*. Arikel ini membincangkan mengenai nilai-nilai tinggi budaya suatu bangsa itu dikenal dengan istilah kearifan lokal (*local genius*). Secara umumnya, kearifan lokal bersifat sebagai pedoman dalam berperilaku, seperti mencegah perbuatan yang tidak baik secara norma

adat, dan membantu dalam melakukan aktiviti harian. Kajian ini berfokuskan kepada satu kisah legenda iaitu Lagenda Mahsuri yang merupakan tokoh legenda di Langkawi, Malaysia. Objektif yang diteraskan dalam makalah ini ialah menjelaskan kaedah kajian etnomonologi, menghuraikan konsep diaspora citra bangsa (local genius) dalam konteks pengkajian, menghuraikan latar Lagenda Mahsuri, Langkawi, menghuraikan aspek pembangunan dan cabaran Diaspora Citra Bangsa (local genius) daripada Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan adalah menerusi kajian etnomonologi iaitu perihal kajian kehidupan sosial yang bersifat abstraktif. Pendekatan kajian etnomonologi ini diteguhkan melalui pendekatan dialetik berasaskan pengetahuan lokal. Hasil daripada rangkuman kajian ini dapat dirumuskan bahawa kajian etnomonologi mampu menjelaskan pengetahuan mengenai perilaku yang mampu menjadi suatu benteng kepada masyarakat dari melakukan norma-norma yang bertentangan dengan jati diri Melayu menerusi pengkisahan sejarah legenda Mahsuri. Kajian ini dapat dipergiatkan dengan memperbanyakkan kajian mengenai pedoman yang dapat disingkap dari pengkisahan sejarah Melayu.

Kajian mengenai aspek legenda ini turut diketengahkan oleh Mohd Firdaus Bin Che Yaaacob (2021) dengan tajuk kajiannya iaitu Nilai- nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. Artikel ini mengisahkan tentang perjuangan Cik Siti Wan Kembang yang amat disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Kajian ini dibataskan pada sebuah buku, iaitu Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia oleh Aripin Said & Othman Puteh. Buku ini telah diterbitkan pada 2010, dan diselenggara oleh pihak Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur. Kajian ini menerapkan pendekatan menganalisis cerita legenda bertajuk Cik Siti Wan Kembang. Cerita ini mengangkat kisah seorang puteri yang diberi nama Cik Siti Wan Kembang. Baginda merupakan puteri kepada Sultan Ahmad yang merupakan Raja Kelantan.

Kajian ini berteraskan kepada objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam Cik Siti Wan Kembang. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif merujuk kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan moral dalam teori pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian untuk memantapkan analisis kajian. Dalam kajian cerita-cerita rakyat tersebut dilihat pengarang menonjolkan nilai-nilai murni yang dapat digarap oleh ketokohan Cik Siti Wan Kembang sebagai cerminan kepada pembentukan keperibadian mulia dalam jati diri masyarakat Melayu. Kajian ini berjaya mengangkat martabat Cik Siti Wan Kembang agar diketahui oleh lapisan masyarakat dengan menghayati nilai-nilai murni disebalik ketokohan Cik Siti Wan Kembang.

Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Shaifu Bahri Md.Radzi (2021) dengan tajuk kajiannya iaitu Syai Diraja Melayu Perak- Johor Era Kontemporari: Satu Perbandingan Kepengarangan. Kajian ini membincangkan mengenai syair sebagai wadahnya. Raja dan sultan menjadi objek penceritaan dalam kedua-dua karya ini. Kajian ini membataskan kajian kepada dua buah syair iaitu Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009), Mohd Ibrahim bin Said dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) oleh Maskiah binti Masrom. Kajian ini bertujuan diaplikasikan bagi meneliti kepengarangan mereka dalam mempersembah idea rakaman sejarah DiRaja pada era kontemporari. Kajian secara kualitatif digunakan dalam kajian ini. Metod kualitatif ini dipilih kerana penganalisan dengan menggunakan penelitian secara berulang terhadap kandungan kedua-dua teks karya ini. Kajian secara kualitatif ini dilakukan untuk pemahaman penyampaian idea atau isi cerita daripada teks-teks ini. Bacaan rapi terhadap teks Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dilakukan untuk mendapatkan maklumat berhubung inti atau idea yang dijadikan fokus kajian. Kaedah kajian secara

intrinsik terhadap sampel kajian juga turut digunakan dalam kajian ini. Hasil dari kajian mendapati kajian ini telah menemukan biografi raja menjadi skop atau kriteria yang menjadi idea kepengarangan kedua-dua penulis dalam mengangkat serta memartabatkan rajanya.

Ani Omar (2017) dengan tajuk kajiannya *Cerita Kanak Berunsur Mitos, Legenda dan Sejarah Membina Kecendekiaan Murid- Murid Sekolah Dalam Hospital*. Kajian ini membincangkan tentang pembentukan hakikat kesusasteraan yang dibina dari tiga unsur utama iaitu seni bahasa, fenomena kehidupan yang berkaitan dengan persoalan manusia dan kemanusiaan dan kreativiti iaitu cara penampilan bakat pengarang melalui gaya penciptaan karya. Kajian ini dibataskan kepada himpunan cerita - cerita rakyat berunsur mitos, legenda dan sejarah dengan gaya persembahan yang menarik dan bahasa yang mudah difahami oleh murid-murid Sekolah Dalam Hospital. Antara buku cerita yang dijadikan sumber kajian ini ialah *Entimuk dan Kejuang, Perang Melaka, Pahlawan Rimba, Puteri Gunung Ledang dan Umang*. Kajian ini berasaskan kepada objektif utama iaitu memahami karya sastera kanak-kanak berunsur mitos, legenda dan sejarah dalam lima buah buku cerita rakyat terbitan ITBM (2014) serta menganalisis kepentingan mengenai dengan gambaran masyarakat zaman feudal. Kesetiaan masyarakat Melayu yang merupakan golongan bawahan ini juga merupakan salah satu institusi yang turut membantu mereka dalam pentadbiran ekonomi dan sosial. Objektif kajian ini juga ialah untuk mengetahui kesan pengaruh pentadbiran dalam masyarakat Melayu tradisional seperti adat istiadat dan sebagainya. Hasil kajian mendapati bahwa peranan setiap individu akan lebih terserlah jika berada dalam kelas atau keakraban masyarakat . Tambahan pula, gambaran tentang masyarakat Melayu silam juga dapat dipersembahkan dengan adanya kepelbagaian adat dan budaya yang mewarnai bumi Malaysia. Kaedah kualitatif dalam menganalisis teks merupakan kaedah



kajian yang telah pengkaji gunakan. Rangkap – rangkap syair yang digunakan telah memperlihatkan tentang beberapa penggunaan bahasa istana.

#### **2.4 Kajian tentang sistem sosial**

Nilai Sosial Dalam Puisi Imam Shafie Rahimahullah Satu Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru yang dikarang oleh Khazri Osman, Siti Rugayah Tibek, Ahmad Irdha Mokhtar, Najihah Abd Wahid dan Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon (2015) ini telah membincangkan tentang masyarakat yang tidak akan sempurna jika tidak mengambil kira dari sudut agama sebagai faktor yang mendasari pembentukan nilai dalam sesebuah masyarakat. Nilai sosial ini akan menjadi satu corak kebimbangan jika tidak diambil kira maka berlakunya konflik yang akan menjarakkan hubungan antara golongan dai ' dan mad'u. Maka pentinglah bagi dai' untuk mempratikkan nilai sosial yang positif ini bagi menambah ramai lagi saudara yang baru. Kajian ini menumpukan kepada mengenalpasti konsep dan kepentingan nilai sosial dan menganalisis nilai sosial yang terdapat di dalam puisi – puisi Imam Shafie. Batasan kajian ini ialah dengan memberikan lebih fokus kepada syair dan puisi – puisi Imam Shafie. Metode kualitatif dengan menjadikan analisis kandungan sebagai bentuk kajian yang telah artikel ini gunakan . Teori Taklimah merupakan satu teori yang telah dibina oleh Imam Shafie berdasarkan prinsip hubungan manusia dengan Allah. Pengkaji juga telah membuat perbincangan bahawa nilai – nilai ini seharusnya dijadikan panduan oleh da'I untuk membina sebuah hubungan dengan Allah s.w.t dan disusuli dengan mempratikkan dalam dakwah. Teori takmilah ialah sebuah teori yang melengkapkan keistimewaaan sudut tarbiah yang terdapat dari puisi tersebut. Hasil dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa kajian ini mengetengahkan nilai sosial pendekatan dakwah kepada saudara baru seperti mana yang disebut dalam puisi iaitu penekanan kepada sifat bermurah hati, menunaikan zakat kedudukan dan memberi maaf. Kajian mengenai Puisi Imam Shafii

perlu dipergiatkan kerana terdapat banyak pendekatan dakwah yang boleh dicerap di dalamnya dan diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat.

Suhadan Anwar dan Salmah Jan Noor Muhammad (2016) dalam kajiannya Perhubungan Gender Dalam Masyarakat Tradisi Berdasarkan Hikayat Patani objek penelitian ini mengenai khususnya membincangkan tentang perhubungan jantina dalam Hikayat Patani melalui perspektif gender dalam masyarakat Melayu tradisional. Tidak dinafikan juga, Hikayat Patani telah menafikan hal ini menonjol sebagai pemerintah atau raja dalam negeri – negeri mereka . Sebagaimana pendapat Wan Abdul Kadir Yusoff (1998: 2), bahawa perbezaan dapat dilihat antara lelaki dan perempuan dalam proses sosialisasi anak – anak dalam sesuatu kaum. Dalam kajian lepas ini juga membincangkan tentang sumbangannya kepada pembentukan pandangan hidup melalui faktor perkembangan modenisasi , penghayatan agama , adat dan budaya. Batasan kajian ini menfokuskan kepada Hikayat Patani yang merupakan satu – satunya karya historiografi Melayu yang lebih bersifat realistik. Objektik kajian ini ialah mengenalpasti corak hubungan gender dan menganalisis peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat tradisional . Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah penyelidikan perpustakaan dan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen dan teks. Hasil dapatan kajian, yang ingin disentuh oleh penulis artikel ini ialah pernyataan bahawa masih wujud lagi wanita yang telah menjadi pemimpin atau raja dan sekali gus mampu untuk mempunyai potensi sebagai seseorang yang berkebolehan dalam ruang awam seperti lelaki.

Muhammad Irfan Nyia bin Abdullah (2013) dalam kajiannya bertajuk Budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya. Kajian ini ada menyatakan bahawa sastera penting kepada budaya sesebuah masyarakat dan kemanusiaan kerana ianya dianggap sebagai ekspresi hidup tentang kebudayaan

berlandaskan kemanusiaan untuk menyempurnakan kehidupan manusia. Intipati utama dalam penghasilan kesusteraan ialah pemasalahan manusia dan budaya. Puisi berperanan untuk merawat jiwa dan emosi manusia bukannya sekadar satu bait-bait kata dan pengucapan. Namun di Barat, puisi ini digunakan untuk merawat pesakit jiwa dan pesakit yang mengalami masalah gangguan emosi oleh para doktor. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh Muhammad Haji Salleh menonjolkan unsur silang budaya yang bersifat global. Kajian ini menggunakan puisi-puisi Sasterawan Negara. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dan juga menganalisis aspek-aspek budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Sasterawan Negara yang dihasilkan oleh Muhammad Haji Salleh. Kaedah yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu penelitian kepustakaan yang melibatkan pembacaan dan pengumpulan sumber yang berkaitan dengan puisi Muhammad Haji Salleh dan juga kaedah temu bual tidak berstruktur. Teori Sastera Budaya telah dipilih untuk menganalisis puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dan juga memperlihatkan aspek-aspek budaya. Hasil daripada kesuluhan kajian ini telah mendapati puisi ini mengajak khalayak pembaca untuk mengamalkan budaya perubahan pemikiran dan menggambarkan kekaguman beliau terhadap bangsa barat. Tambahan lagi, beliau telah membawa mesej yang jelas tentang nilai-nilai positif budaya kerja bangsa Jepun yang sepatutnya dijadikan model. Kajian ini juga memaparkan budaya beragama manusia sejagat sebelum dan selepas kedatangan agama Islam. Akhir sekali, puisi-puisi beliau juga memperlihatkan hubungan erat manusia sejagat dengan alam.

Kayalvily A/P Tharmalingam (2019) telah membuat kajian yang bertajuk Nilai Sosial dalam karya kesusasteraan 'SIDDHA'. Kajian ini membincangkan tentang unsur-unsur kerohanian dalam keinsanan diri boleh ditingkatkan melalui ilmu kesusasteraan. Pelbagai masalah dapat diselesaikan atau dibendung dengan

membangunkan kerohanian manusia. Sesebuah karya merupakan cerminan kehidupan sebenar masyarakat melalui nilai-nilai sosial yang telah dihasilkan oleh manusia seni. Sastera juga merupakan satu alat sosial dengan menjadikan Bahasa sebagai media pengantaraan kerana oleh Bahasa tergolong dalam ciptaan sosial. Kajian ini diambil daripada puisi-puisi kesusasteraan 'Siddha'. Kajian ini bersifat untuk mengenalpasti, menganalisis serta merumuskan nilai-nilai sosial. Kaedah yang digunakan untuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang digunakan untuk mengumpul data secara interpretasi kesusasteraan. Kajian ini berpandukan Teori Moral Kant. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa wujudnya nilai-nilai sosial dalam puisi-puisi kesusasteraan 'siddha' yang telah dianalisis. Penemuan kajian ini juga menjadikan puisi-puisi tersebut sebagai panduan hidup kepada manusia sepanjang hayat dan juga generasi akan datang. Penyelidikan ini dapat memperlihatkan persepsi dan juga peranan puisi-puisi 'Siddha' bukan sekadar khazanah semata-mata tetapi penyelidikan ini telah berjaya membuktikan fungsi puisi-puisi tersebut sebagai sumber nilai sosial dalam membentuk seorang insan yang bahagia dan sejatera dalam kehidupan seharian.

Ghazali Din (2020) membuat kajian yang bertajuk Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Haji Salleh terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. Kajian ini menjelaskan bahawa setiap karya sastera yang wujud merupakan cerminan daripada perasaan manusia yang terkesan oleh rangsangan naluri. Naluri kepengarangan seorang pengarang itu secara fitrah yang membentuk sebagai naluri-naluri melalui pemerhatian iaitu kepekaan. Puisi adalah satu medium yang membina hubungan secara langsung ketika pembaca mendapat pengalaman estetik ketika membaca karya. Karya yang kreatif mempunyai elemen pertemuan naluri pengarang dan naluri pembaca. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh

sebagai seorang penyair yang mana mengangkat mertabat jati diri Melayu. Beliau juga memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan minda masyarakat melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kualitatif iaitu menggunakan Model Proses Kreatif Teks naluri. Teori yang digunakan ialah Teori Teksdealisme dan Teori Tipa Induk sebagai landasan. Dapatan kajian membuktikan naluri kemasyarakatan yang dimiliki Muhammad Haji Salleh telah menjadi permata dunia kesusasteraan Melayu dalam srena antarabangsa. Rupa sosialisasi melayu diungkapkan secara halus sehingga mencapai tahap keunggulan dalam kepenyairan dan kepengarangan.

Mohd Anuar bin Mamat (2019) *Pemikiran Pendidikan Islam Alam Melayu: Satu Kajian Awal berasaskan Manuskrip Melayu*. Penerimaan Islam di Alam Melayu telah membawa kepada perkembangan pendidikan dan proses pendemokrasian ilmu kepada segenap lapisan masyarakat. Pemikiran yang dikembangkan melalui pengkaryaan dalam bidang ilmu telah memperkaya tradisi keilmuan Melayu tradisional. Kertas kerja ini membincangkan beberapa aspek pemikiran Pendidikan Alam Melayu di awal perkembangannya melalui penelitian manuskrip. Kajian ini berdasarkan beberapa manuskrip Melayu yang berkaitan dengan Pendidikan Islam. Kertas kerja yang dikaji bertujuan untuk menganalisis pemikiran Pendidikan Alam Melayu yang terasnya manuskrip Jawi. Pengumpulan data ini telah dibuat secara khusus dengan meneliti katalog-katalog manuskrip yang telah wujud dan juga kajian-kajian lepas serta rujukan manuskrip asal penulisan dalam bidang pendidikan Islam. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa ulama Alam Melayu telah memberi sumbangan dalam bidang Pendidikan Islam melalui berlainan genre karya. Kajian ini juga diharapkan dapat memudahkan para pengkaji manuskrip dan karya klasik Alam Melayu untuk terus meneroka dan meneliti sumber kepada pemikiran pendidikan mereka.

Muhammad Fadzllah Hj. Zaini (2016) dalam kajian bertajuk Badangan Sanak dan Syair Nasihat nukilan Sultan Haji Omar' Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam ke-28. Kajian ini untuk meneliti konsep badangan sanak dari system panggilan mereka. Badangan sanak adalah satu istilah dialek Melayu Brunei yang memerikan konsep hubungan kekeluargaan dan pertalian darah. Negara Brunei Darussalam merupakan antara kelompok kepulauan Melayu yang masih lagi mengamalkan system beraja. Kekuatan kuasa raja sebagai ketua negara dan pemimpin agama merupakan tonggak utama negara Brunei. Landasan pembentukan negara bangsa Negara Brunei ialah menggunakan falsafah Melayu Islam Beraja. Konsep kemasyarakatan, kepimpinan dan agama merupakan system yang digunakan. Syair Nasihat telah digunakan untuk mengkaji tajuk ini. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti cara sistem panggilan digunakan dalam merapatkan lagi hubungan dan juga untuk mengukuhkan nilai kekeluargaan masyarakat Melayu Islam di Brunei. Hasil daripada kajian ini ialah MOAS yang mana merupakan penyair diraja telah menulis syair berdasarkan pengalaman, kognitif dan juga budaya Islam Melayu. Dapatan inni juga telah menunjukkan bentuk asas keluarga atau kerabat yang telah diikat dengan nilai hormat dan kasih sayang serta nilai kesatuan menerusi konsep badangan sanak yang ditampilkan dalam syair nasihat. Pesanan daripada syair ini secara tidak langsung telah menjadi sempadan dan juga teladan khususnya kepada keluarga diraja dan rakyat Negara Brunei Darussalam secara amnya.

Kajian Sosiologi Bahasa Dalam Puisi-Puisi Dharmawijaya hasil penulis Ani Binti Haji Omar (2015) mengulas tentang kesusasteraan dapat menyampaikan lebih kesannya dalam hal-hal kemasyarakatan. Hasil seni kesusasteraan itu ditunjukkan melalui penyair, pengarang atau penulis mengenai cara manusia mengalami kehidupan bermasyarakat. Sosiologi juga menyentuh soal-soal yang berhubungan dengan

perubahan masyarakat seperti revolusi dan suatu jenis masyarakat kepada jenis yang lain serta kesan dari perubahan ini. Sastera juga memersoalkan manusia dalam masyarakat usaha manusia untuk menyesuaikan diri dan usahanya untuk mengubah masyarakat itu. Dalam hal ini, sosiologi dan sastera berbahagi masalah yang sama. Objektif kajian ini berfokus dan mengaitkan kajian mengikut disiplin sosiologi bahasa deskriptif mengenai soalan siapa penulis, bahasa apa, bila dan untuk apa. Tambahan lagi, norma- norma penggunaan bahasa atau dengan perkataan lain, pola penggunaan bahasa sosial dan tingkah laku terhadap bahasa yang diterima umum untuk sosial dan masyarakat tertentu. Hasil dapatan kajian yang diperoleh dari mengkaji tiga buah puisi Dharmawijaya iaitu ‘Kampung Talang’, ‘Cinta Sayang di Sawah Ladang’ dan ‘Tanah Airku’ dalam melihat gambaran masyarakat di kampung halaman penyair. Ia merangkumi keadaan sosial, ekonomi dan teknologi antara bandar dan luar bandar yang tidak seimbang. Kesimpulannya, disiplin pelengkap yang menyepadukan karya sastera sosiologi bahasa memperlihatkan transformasi dalam kesusasteraan Melayu dengan memelihara jati diri dan dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab untuk mengangkat martabat karya kesusasteraan itu sendiri khususnya puisi Melayu Moden. Kajian ini juga menunjukkan sosiologi bahasa mampu menggambarkan kehidupan masyarakat di dalamnya terkandung penghasilan sesuatu karya sastera yang mengandungi hakikat dan hubungan dengan khalayak. Kesusasteraan adalah luahan hasrat seni manusia yang di dalamnya adalah cerminan akal budi manusia yang luhur.

## **2.5 Kajian teori sosiologi dalam karya sastera.**

Kajian menggunakan teori sosiologi dijalankan oleh Norillah Abdullah Hassim, Zalika Adam, Nurizan Baharum dan Norahida Mohamed (2021) dengan tajuknya iaitu *Pendekatan Sosiologi Ibn Al- Muqaffa dalam karya Al- Adab Al- Kabir*. Kajian ini membincangkan mengenai nilai akhlak yang tinggi dan pengetahuan tentang

manusia dan tingkah laku sosialnya menerusi karya al-Adab al-Kabir merupakan antara karya Ibn al-Muqafa' yang paling terkenal dalam kesusasteraan Arab. Kajian ini dibataskan dengan memberi penumpuan kepada karya al- Adab al-kabir karya Ibn al-Muqaffa. Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti pendekatan sosiologi Ibn al-Muqaffa' dalam karya al- adab al-Kabir. Kaedah kualitatif diaplikasikan dalam kajian dengan memperoleh data utama daripada manuskrip asal iaitu buku al-Adab al-Kabir disamping pembacaan buku-buku dan jurnal-jurnal yang relevan dengan tajuk kajian. Bagi mengukuhkan kajian yang dilaksanakan data dianalisis menggunakan analisis tematik yang membentuk kriteria dan tema untuk meneliti pendekatan yang digunakan oleh Ibn al-Muqaffa'. Analisis tematik adalah kaedah analisis data kualitatif yang popular. Kaedah ini telah banyak digunakan dalam pelbagai bidang penyelidikan kerana kebolehcapaiannya dan fleksibiliti. Teori sosiologi menjadi kelaziman teori yang diaplikasikan oleh Ibn al- Muqaffa termasuk kajian ini. Hal ini dilihat kerana, pengarang itu sendiri mempunyai kepakaran dalam memahami ideologi karya menggunakan pendekatan sosiologi. Hasil dapatan kajian merumuskan bahawa kajian ini mengetengahkan pendekatan sosiologi yang dicabangkan kepada adalah melalui status sosial, kekuatan bahasa, pengetahuan dan kreativiti .Karya al-Adab al-Kabir merupakan dokumentasi sosial yang boleh dijadikan sumber pengetahuan mengenai budaya, adat dan amalan masyarakat era ambang Abbasiyah yang ketika itu merupakan era transisi daripada pentadbiran Ummayyah kepada pentadbiran Abbasiyah. Oleh itu, karya al-Adab al-Kabir boleh dijadikan bahan rujukan bagi melihat gambaran masyarakat pada zaman era kegemilangan agama terdahulu yang dinukilkan oleh Ibn al-Muqaffa.

Menurut Rahimah Abdul Aziz (1990) dengan kajian yang bertajuk Perapatan Jurang; Sosiologi dan Sejarah. Kajian ini membincangkan tentang konsep



sosiologi yang dikenali sebagai kuasa, kelas, konflik dan susun lapis masyarakat. Konsep ini diwujudkan bagi menganalisis fenomena sosial dalam konteks masyarakat kini. Bertitik tolak dari insiantif ini ianya mampu membuka cetusan idea bagi pelbagai kajian yang menghuraikan serta menjelaskan isu-isu mengenai sosiologi yang sangat berkait rapat dengan kemasyarakatan. Konteks masyarakat yang lepas turut menggunakan penerapan teori sosiologi disebabkan pemahaman para sosiologi yang telah mengambil kira soal keadaan kehidupan sosial yang berlaku pada masa lampau yang mempunyai jurang perbezaan masyarakat pada masa kini. Namun begitu, pengkaji menggariskan bahawa konteks masyarakat terdahulu dan masa kini seiring dan menjauhi jurang perbezaan yang ketara. Usaha ini menerangkan bahawa kajian ini berkaitan usaha yang menggabungkan disiplin sosiologi dan sejarah.

Nurul Hidayah Liew Abdullah, Jamilah Ahmad & Suhaizal Hashim dengan tajuk kajian iaitu Peranan Sosiologi dalam Pendidikan Alam Sekitar: Satu Cabaran. Kajian ini membincangkan bidang ilmu sosiologi mengenai interaksi sosial, organisasi, masyarakat, tindakan manusia dan akibatnya serta bagaimana pengaruh sosial mencorakkan kehidupan manusia. Kajian ini menyentuh kepada penekanan bahawa elemen alam sekitar memainkan peranan yang penting dalam kehidupan. Oleh itu dilihat bahawa peranan sosiologi mampu menjadi tunjang bagi memastikan kelestarian alam sekitar terpelihara. Kajian ini menekankan aspek fungsi manusia untuk menitikberatkan kualiti alam sekitar bagi menghindari bencana alam sekitar yang mampu memberikan implikasi yang lebih besar kepada masyarakat. Hasil kajian ini dilihat suatu usaha murni dalam meluaskan penerapan bidang ilmu sosiologi yang berkaitan kemasyarakatan sebagai medium untuk pendidikan yang menjurus kepada kesan kehidupan yang lebih baik.

Kajian yang menerapkan pendekatan sosiologi turut dijalankan oleh Rosfazila Binti Abd Rahman dan Abdul Razif Bin Zaini (2017) dengan tajuk Aplikasi

Meta Teori Sosiologi: Penelitian Diskriptif Kualitatif Mengenai landasan Pemikiran Dalam kalangan Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi. Perbincangan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah tentang aplikasi Meta- teori Sosiologi yang melibatkan mahasiswa di pusat pengajian tinggi dengan menekankan kepada aspek landasan pemikiran. Kajian ini dibataskan kepada subjek kajiannya iaitu mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Objektif kajian Objektif kajian ini adalah menghuraikan konsep meta-teori dalam Sosiologi, menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan mahasiswa dan pembentukan pemikiran mahasiswa dan menjelaskan aplikasi Meta-teori Sosiologi menerusi penglibatan mahasiswa di pusat pengajian tinggi. Kajian ini megunakan metodologi kajian iaitu menrusi penelitian kualitatif. Pendekatan yang diterapkan menerusi kajian ini ialah bersandarkan kepada meta- teori (2010) iaitu alam sosiologi dilihat sebagai landasan. Menurut Rahimah Abdul Aziz (1990) dengan kajian mengenai Perapatan Jurang; Sosiologi dan Sejarah. Kajian ini membincangkan tentang konsep sosiologi yang dikenali sebagai kuasa, kelas, konflik dan susun lapis masyarakat. Konsep ini diwujudkan bagi menganalisis fenomena sosial dalam konteks masyarakat kini. Bertitik tolak dari insiantif ini ianya mampu membuka cetusan idea bagi pelbagai kajian yang menghuraikan serta menjelaskan isu-isu mengenai sosiologi yang sangat berkait rapat dengan kemasyarakatan. Konteks masyarakat yang lepas turut menggunakan penerapan teori sosiologi disebabkan pemahaman para sosiologi yang telah mengambil kira soal keadaan kehidupan sosial yang berlaku pada masa lampau yang mempunyai jurang perbezaan masyarakat pada masa kini. Namun begitu, pengkaji menggariskan bahawa konteks masyarakat terdahulu dan masa kini seiring dan menjauhi jurang perbezaan yang ketara. Usaha ini menerangkan bahawa kajian ini berkaitan usaha yang menggabungkan disiplin sosiologi dan sejarah.

## 2.6 Penutup

Berdasarkan kajian lepas terdahulu , didapati terdapat kurangnya penerokaan kajian mengenai lagenda sistem sosial pengkisahan puteri-puteri alam melayu dalam karya puisi pilihan. Pengkajian teori sosiologi mendapati ianya berkisarkan aspek sosial,budaya, agama dan politik. Di samping itu, pemilihan teori sosiologi dilihat relevan untuk menyingkap pengkisahan puteri-puteri di alam melayu serta mengaitkan sistem sosial yang diterapkan puteri-puteri di alam melayu sehingga dapat mengangkat khazanah pengkisahan puteri-puteri alam melayu sebagai satu wahana dalam pembentukan sahsiah diri yang lebih baik menerusi teladan menerusi pengkisahan puteri- puteri alam melayu.

## Bab 3: Metodologi Kajian

### 3.1 Pengenalan

Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi ialah tatacara yang teratur yang melibatkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang seiring dengan penetapan tertentu bagi menjamin mutu kajian penyelidikan dapat direalisasikan dengan baik dan jaya. Metodologi turut menjadi bahagian yang berfungsi dalam menghasilkan rangka kajian yang tepat untuk digunakan dalam angkah penghasilan sesuatu data dan info kajian. Dalam bab ini membincangkan mengenai metodologi yang diterapkan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian iaitu lagenda sistem sosial pengkisahan puteri-puteri di alam melayu dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri*. Menerusi pandangna tokoh mengenai metodologi kajian iaitu Ahmad Mazhab Ayob (1985 :19) mengatakan bahawa kaedah kajian ialah mengenai cara bagi mencapai objektif kajian yang dilaksanakan. Bab ini turut mengetengahkan berkaitan dengan membuat analisis menerusi pembacaan, penyelidikan bagi mengenalpasti lagenda sistem sosial pengkisahan puteri- puteri alam melayu dan menganalisis elemen lagenda sosial yang mampu menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

### 3.2. Rekabentuk kajian

Reka bentuk kajian sebuah prosedur perkembangan maklumat berkaitan kajian yang digarap berdasarkan pembentukan perancangan kajian yang terarah terhadap konsep pembentukan hubungan antara perkara-perkara yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Kajian perlu menekankan tentang aspek pemahamana yang jelas mengenai keseluruhan kajian yang dijalankan. Lantaran daripada perancangan reka bentuk yang ingin diterapkan dalam kajian akan memberi impak yang baik dalam menyumbang merangka arah tuju kajian bagi mencapai objektif

yang ingin direalisasikan dalam kajian yang dilaksanakan. Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih menerapkan insiatif menerusi penggunaan reka bentuk kualitatif. Reka bentuk kualitatif diterapkan oleh pengkaji menganalisis kandungan dari syair yang terdapat dalam buku kumpulan puisi pilihan dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* untuk melihat sejauhmana aspek sistem sosial yang terdapat dalam pengkisahan puteri-puteri alam melayu. Bertitik tolak dari itu, reka bentuk kajian yang diterapkan dalam kajian ini adalah menerusi kaedah kepustakaan, kaedah teks, kaedah pengumpulan data dan kaedah internet serta pengaplikasian teori yang diaplikasikan dalam kajian yang dilaksanakan.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian dijalankan dalam kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan melaksanakan beberapa kaedah bagi membantu menjayakan kajian ini adalah menerusi kaedah analisis teks dari buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* serta membuat rujukan menerusi kaedah kepustakaan bagi menambahkan maklumat kajian. Kaedah pemerolehan data menerusi artikel berkaitan turut membantu mengembangkan kajian.

#### **3.3.1 Kaedah Analisis Teks**

Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah teks sebagai bahan utama untuk dikaji. Analisis tekstual dianggap sebagai metodologi keserjanaan dalam bidang kemanusiaan iaitu pengkajian mengenai teks berdasarkan pengkaryanya, kebenarannya dan makna- makna teks (Joubish, Muhammad Farooq dan Muhamad Asyraf Khurram, 2011). Analisis tekstual ini membawa kepada teknik yang sistematik serta menekankan penggunaan bahasa dan perkataan- perkataan dalam teks yang telah dikaji. Kajian ini telah memilih bahan dari buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri*

sebagai bahan utama kajian. Kaedah teks menerusi rujukan yang diperolehi daripada perpustakaan turut dijadikan sebagai rujukan sampingan bagi mengukuhkan kajian

### **3.3.2 Kaedah pengumpulan data**

Kaedah pengumpulan data dijalankan bagi memastikan maklumat yang diperolehi disusun rapi dan teratur bagi menjayakan objektif yang dicapai bagi melengkapkan kajian ini. Kaedah ini diterapkan bagi memastikan setiap perolehan maklumat sesuai dan tepat digunakan dalam kajian ini agar ianya seiring dengan objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji. Antara kaedah pengkaji untuk proses pengumpulan data ialah:

### **3.3.3 Kaedah Kepustakaan**

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan sebagai kaedah asas dan terpenting dalam memperoleh maklumat bagi menganalisis data sedia ada dari kandungan teks kajian. Pengkaji telah mendapatkan maklumat serta info tambahan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk memperoleh bahan seperti artikel, jurnal, rencana akhbar sebagai rujukan untuk kajian ini. Menerusi kaedah kepustakaan ini ianya membantu pengkajian bagi mengembangkan isi yang ingin diterpakan dalam kajian.

### **3.3.4 Kaedah Internet**

Kaedah internet digunakan bagi memperoleh maklumat yang lebih terbuka dengan mengakses laman sesawang yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Kaedah melayari internet memberikan peranan yang penting bagi mendapatkan maklumat yang benar berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji yang diteliti bertepatan dengan tajuk kajian ini akan dijadikan sebagai rujukan. Kaedah ini mampu memberikan pengukuhan dan penerangan yang lebih jelas

menerusi pengumpulan data secara atas talian. Antara laman sesawang yang boleh dicerap oleh pengkaji bagi memperoleh data maklumat ialah Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, *Google Scholar*, jurnal, artikel dan laman web berkaitan tajuk kajian. Menerusi dapatan maklumat yang diperoleh dari internet ini bukan sahaja memberikan maklumat tambahan bahkan ianya memberikan cetusan idea yang dapat diperkembangkan dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

### **3.4 Penerapan teori.**

Penerapan teori merupakan elemen penting dalam setiap kajian yang ingin dijalankan bagi melancarkan serta menyempurnakan kajian dengan lebih teratur dan sistematik. Perkataan teori berasal dari perkataan Yunani, iaitu *theoria* yang bermaksud visi, berfikir dalam- dalaman atau membuat spekulasi. Definisi teori kini kian mendapat perhatian oleh beberapa tokoh pemikiran yang lain yang mengutarakan pendefinisian teori dengan sudut pandang yang lain. Antaranya ialah menurut Rudner (1966) melihat teori ialah sudut yang terhad sebagai sebuah rangkuman utuh yang berkait secara lancar dan mampu dilihat secara pengamatan. Manakala, menurut Troye (1994) mendefinisikan teori dari sudut yang luas sebagai andaian tentang hubungan antara konsep-konsep. Teori yang hasil wujud dari fahaman pemikiran mereka yang pakar dalam sesuatu bidang teori. Oleh itu, setiap teori yang diaplikasikan tokoh-tokoh di dalam teori yang digagaskan. Justeru itu, dapat dilihat bahawa teori ini mempunyai perkaitan dengan konsep ilmu dan cara berfikir oleh sesuatu bentuk fahaman. Kajian penyelidikan perlu memastikan pengaplikasian penerapan teori bagi melengkapkan kajian menerusi teori yang relevan dan tepat dengan tajuk kajian yang ingin dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, setiap bidang teori itu memiliki bidang-bidang

ilmu yang dispesifikan yang perlu diamati dari segi ketepatannya dengan kajian yang ingin diketengahkan. Penggunaan teori yang tepat dalam sesuatu kajian akan menghasilkan keberhasilan dan penerangan kajian dengan lebih jelas dan terarah.

Seterusnya, teori ini merupakan asas yang menjadi perkara utama kepada pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan. Teori ini adalah rangka maklumat yang terbina adalah benar mengikut panduan yang terdapat dalam sesebuah teori yang diaplikasikan. Menurut pandangan tokoh iaitu Kerlinger (Ahmad Mahdzan, 1983: 11) menyatakan teori itu mampu menjelaskan tentang aspek perwatakan untuk menggambarkan keperibadian seperti mana dari sudut kaca mata pandangan masyarakat.

Pendekatan ilmu sosiologi mula terbentuk dan digagaskan oleh pemikir Islam seperti Ibnu Khaldun pada abad ke 18 dan 19, sosiologi mula berkembang melalui tokoh-tokoh barat seperti Auguste Comte, Karl Max, Emile Durkheim, Herbert Spencer, Max Weber dan George Herbert Mead. Istilah ‘Sosiologi’ terbentuk pada tahun 1839 apabila Auguste Comte menggabungkan dua perkataan Latin, iaitu ‘socio’ dan ‘logos’. Matlamat utama sosiologi ini adalah bagi memahami struktur asas masyarakat serta tumpuan perspektif yang tertumpu kepada tingkah laku masyarakat dalam memahami gaya hidup dan amalan yang dipraktikkan dalam kehidupan sesebuah kelompok masyarakat. Terdapat tiga pemikir utama yang membentuk teori sosiologi ini iaitu Emile Durkheim, Karl Max dan Max Weber. Setiap tokoh sosiologi ini memiliki pemikiran yang berbeza-beza. Pendekatan yang wujud dalam teori ini terbahagi kepada dua cabang iaitu makro dan mikro. Makro dapat difahami sebagai perspektif yang luas dan besar skopnya ianya bercorak organisasi dan lebih kompleks. Pendekatan perspektif mikro skopnya adalah lebih kecil dan berfokus kepada seseorang individu sahaja.



Terdapat tiga teori utama sosiologi yang terbentuk di bawah pendekatan perspektif makro dan mikro. Teori utama berhubung pendekatan perspektif makro ialah teori fungsionalisme dan teori konflik. Rentetan itu, pendekatan di bawah perspektif mikro hanya terdapat satu bahagian iaitu teori interkasionisme. Ketiga-ketiga teori asas ini mempunyai makna yang berbeza mengikut pandangan yang digagaskan oleh tokoh-tokoh yang membentuk sesebuah bahagian teori. Hal ini demikian kerana walaupun asas utamanya kepada satu teori namun ianya memiliki cabang pemikiran yang berbeza dari sudut pandangan dan fungsinya. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih teori fungsionalisme untuk diaplikasikan dalam kajian ini kerana teori ini dilihat relevan dan tepat untuk diterapkan dalam kajian ini.

#### **A) Pendekatan Teori Fungsionalisme**

Pendekatan ini berdasarkan lontaran pemikiran menerusi tokoh-tokoh yang melopori teori sosiologi iaitu Auguste Comte, Spencer dan Durkheim. Manakala bagi pendekatan Teori Fungsionalisme membawa pemikiran oleh Talcott Parsons (1951) yang di dalamnya menjelaskan mengenai terdapat empat kategori iaitu terdiri daripada kata kunci (AGIL) iaitu *Adaptation* (Penyesuaian), *Goal Attainment* (Pencapaian Matlamat), *Integration* (Integrasi) dan *Latency Maintenance* (Penyelenggaraan Corak) bagi meneliti perlakuan sosial dalam aktiviti-aktiviti yang menimbulkan impak kepada kelangsungan kehidupan masyarakat. Justeru itu, dapat dilihat bahawa penerapan teori ini diumpamakan oleh tokoh sebagai anggota yang memiliki bahagian-bahagian tertentu. Bahagian masyarakat dikenali sebagai struktur yang terdiri daripada ekonomi, politik, agama, pendidikan dan sebagainya. Berdasarkan teori, struktur-struktur sosial akan menentukan kelancaran perjalanan serta keharmonian masyarakat dengan menekankan kepentingan aspek persefahaman anggota masyarakat untuk

mencapai keharmonian dan kestabilan masyarakat. Penerapan teori ini diaplikasikan dalam kajian ini bagi melihat fungsi sistem sosial yang berlaku dalam kehidupan.

### **3.5 Kesimpulan**

Kesimpulanya, metodologi kajian ini sangat penting kepada pengkaji dalam merangka struktur teori yang ingin diaplikasikan bagi melancarkan kajian ini. Metodologi kajian ini membantu kajian lebih terarah dan membentuk pemahaman pengkaji yang lebih jelas berdasarkan tajuk kajian yang dijalankan. Penerapan teori yang dikemukakan menerusi metodologi kajian ini dapat memberi kefahaman dan panduan kepada pengkaji untuk menjayakan kajian ini dengan sempurna.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab yang akan menjelaskan dapatan kajian dengan lebih mendalam dalam buku kajian yang telah dipilih iaitu *Kumpulan Syair Puteri* oleh Nur Mustika. Sastera yang lahirnya daripada masyarakat yang menceritakan kisah alam, pengarang dan khalayak. Arba'ie et al (2008) menyatakan bahawa sastera adalah satu bidang seni kreatif yang menggunakan bahasa sebagai medium pengantarnya. Menerusi kumpulan syair ini dilihat bahawa sastera yang disampaikan dari pelbagai unsur-unsur yang diketengahkan mampu disampaikan dalam bentuk yang kreatif. Hal ini kerana, pengkisahan puteri-puteri ini disampaikan dalam bentuk syair yang padat dengan nilai sejarah yang dilihat mampu membawa masyarakat untuk menghayati sejarah terdahulu. Kajian ini akan memperincikan mengenai aspek sistem sosial yang didapati dalam pengkisahan puteri-puteri alam melayu. Aspek sistem sosial masyarakat melayu tradisional dilihat bertepatan serta sesuai dikaji menerusi pengkisahan puteri-puteri alam melayu iaitu kedudukan sosial, kebudayaan, agama, perundangan dan kegiatan ekonomi. Analisis kajian dan penelitian dibataskan kepada teks syair dalam buku kumpulan puisi-puisi syair puteri yang dipilih karya oleh Nur Mustika sahaja. Bagi menjalankan analisis dan dapatan kajian aspek sistem sosial masyarakat melayu tradisional dengan lebih mendalam pengaplikasian Teori Fungsionalisme melalui pendekatan Talcott Parsons (1951) diterapkan dalam kajian ini.

## **4.2 Aspek sistem sosial yang terdapat dalam syair puteri-puteri alam melayu dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri*.**

### **4.2.1 Ketaksamaan Sosial dalam sistem sosial.**

Aspek sistem sosial menerusi ketaksamaan sosial dalam masyarakat wujud dalam masyarakat yang diakui oleh setiap masyarakat. Hurst (1992) menyatakan bahawa sebagai perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan sosial kerana kewujudannya terbina secara semula jadi dan telah diseimbangkan mengikut kehidupan sosial. Jurang bagi ketaksamaan sosial mempunyai kebaikan dan keburukan. Hal ini demikian kerana, keburukan akan berlaku dalam ketaksamaan sosial apabila wujudnya institusi yang tidak berfungsi dalam memainkan peranan yang sewajarnya akan sesebuah kuasa yang diperolehi dalam mentadbir sesebuah pentadbiran. Sebaliknya, perkara ini akan membawa kepada kesan yang baik apabila ketaksamaan sosial ini menjadikan sistem pentadbiran itu dapat dijalankan secara teratur menerusi corak pemerintahan yang baik. Berry (1974) pembentukan kehidupan sosial yang bersifat sistematik dan tersusun akan membuka ruang yang sepenuhnya kepada masyarakat untuk memahami sifat dunia yang difokuskan kepada perkara yang berlaku dalam kehidupan bermasyarakat yang membawa kepada pembentukan perilaku yang berlaku dalam sebuah kelompok sosial.

Selain itu, menerusi bidang sosiologi yang menyatakan bahawa dalam ketaksamaan sosial ini terdapat tiga prinsip yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah jurang ketaksamaan sosial iaitu status sosial, kelas sosial dan kuasa. Kerbo (2012) menjelaskan ketaksamaan sosial memberi ruang kepada seseorang individu mahupun kumpulan masyarakat untuk membandingkan kedudukan yang dimiliki oleh seseorang individu diantara kumpulan masyarakat yang lain. Justeru itu, ianya akan membuka sudut pandangan kepada orang lain diantara kumpulan lain bagi menilai kedudukan diri individu mahupun sesebuah

kumpulan masyarakat. Oleh itu, ketaksamaan sosial ini wujud dapat berjalan dengan baik apabila kestabilan ketaksamaan sosial dijadikan keutamaan dalam sesebuah kelompok masyarakat.

Puteri Bahagia tak kekal lama,  
Raja memburu terlalu suka,  
Puteri selalu ditinggalkan saja,  
Merajuklah hati tiada terkira.

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, 2013: 29)

#### **4.2.2 Budaya dalam sistem sosial.**

Storey (1997) menyatakan pengertian budaya iaitu memperihalkan mengenai gaya kehidupan yang khusus yang melibatkan manusia, zaman yang berlaku dalam kelompok masyarakat. Hal ini demikian kerana, budaya yang mencerminkan identiti jati diri sesebuah bangsa itu sendiri yang membawa kepada kepentingan kebudayaan dalam proses pembentukan sistem sosial. Budaya membawa kepada keindahan dalam norma kehidupan masyarakat. Perkaitan antara budaya dan masyarakat merupakan kedua-dua elemen yang saling memainkan fungsi yang berperanan dalam menggerakkan budaya. Manakala, masyarakat memerlukan budaya agar nilai yang terkandung dalam sesuatu budaya itu dapat dijadikan sebagai pemahaman kepada budaya yang melambangkan jati diri yang dimiliki oleh seseorang individu itu mahupun kelompok masyarakat.

Edward B. Taylor (1958) yang menyatakan budaya didefinisikan sebagai rangkuman dari segenap kehidupan manusia yang turut melibatkan elemen-elemen iaitu ilmu pengetahuan, kepercayaan, keindahan kesenian, nilai-nilai moral, undang-undang, adat resam serta sifat tersendiri yang ditonjolkan oleh manusia dalam kehidupan. Budaya dapat diperhalusi dari sudut yang luas yang mampu memberi kesan kepada perilaku kehidupan masyarakat. Pemahaman budaya dalam sesebuah masyarakat akan menguatkan pegangan

budaya dalam jati diri seseorang individu mahupun kelompok masyarakat. Oleh itu, penerapan berkaitan budaya telah wujud dan berkembang sejak zaman masyarakat terdahulu. Misalnya, sejak zaman terdahulu undang-undang dibina dalam sesebuah masyarakat bagi memberi kestabilan sistem sosial agar corak kehidupan masyarakat dapat dilaksanakan secara teratur.

Menurut Abdul Samad Ahmad (1930) mendefinsikan kebudayaan yang merangkumi aspek kehidupan menerusi gaya , ragam yang menjelaskan mengenai kehidupan yang dijalani oleh sesebuah kelompok masyarakat mahupun bangsa . Lantaran itu, dapat dilihat bahawa masyarakat perlu memainkan peranan dalam mempertahankan budaya yang sarat dengan nilai. Budaya berfungsi dalam perkembangan sistem sosial masyarakat untuk menjalani kehidupan secara lebih terarah. Hal ini kerana, setiap budaya yang diterapkan memiliki kepentingannya yang tersendiri dalam usaha mengekalkan nilai warisan yang terdapat dalam kelompok masyarakat, bangsa, kaum dan sebagainya. Nilai warisan yang telah terbina sejak zaman generasi terdahulu perlu dikekalkan bagi mengekalkan identiti masyarakat itu agar terus terpelihara seiring dengan perkembangan zaman yang dilalui oleh masyarakat.

Ular hitam segera menghilang,  
Segeralah juga mereka pulang,  
Empat bahan di dalam dulang,  
Sirih, gambir, kapur dan pinang.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 43)*

### 4.2.3 Agama dalam sistem sosial.

Clements (2008) mendefinisikan agama suatu sistem yang terhasil dari himpunan dalam sesuatu kelompok masyarakat yang meliputi kepercayaan, perilaku, pembentukan organisasi dan lambang kepada kebergantungan kepada amalan kumpulan masyarakat. Hal ini demikian kerana, agama yang menjadi satu pegangan kehidupan manusia mengenai segala perkara yang berlaku di dalam kehidupan. Keperluan agama yang melengkapkan kehidupan masyarakat dari segi dalaman dan luaran kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, menerusi pegangan agama masyarakat dapat memahami mengenai kebaikan dan keburukan sesuatu perkara dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana, anjuran yang terdapat dalam setiap agama itu untuk melakukan perkara kebaikan dan menjauhi setiap perkara yang buruk dapat membentuk ketamadunan masyarakat yang unggul.

Seterusnya, menurut Malinowski (1948) menerangkan maksud agama yang turut memberi pengisian ke arah suatu sistem yang teratur bagi menyatupadukan manusia menerusi amalan kepercayaan yang dapat menjamin dunia akhirat. Penyatuan ini diperolehi dalam institusi agama dan upacara sembahyang. Hal ini demikian dapat dilihat bahawa fungsi agama yang membawa kepada kestabilan sistem sosial masyarakat menerusi kesatupaduan yang dapat dibentuk dalam agama. Kegamaan amat berkaitan rapat dengan kepercayaan yang dipegang oleh diri seseorang individu itu yang lahirnya secara semula jadi mahupun agama itu dicari bagi memberi pengisian kepada jiwa manusia. Oleh itu, keperluan agama ini menjadi elemen yang membentuk sistem sosial masyarakat antara satu sama lain. Hal ini turut dilihat bahawa pemahaman agama yang menitikberatkan mengenai nilai hormat menghormati akan kepercayaan yang dipercayai oleh seseorang individu memberi kesan yang baik kepada sistem sosial masyarakat yang harmoni.

Menurut Kamus Dewan (2010) menerangkan makud bagi agama itu adalah mengenai kepercayaan pada Tuhan dengan sifat-sifat serta kekuasaan Nya dan penerimaan ajaran serta patuh kepada setiap perintah Nya. Hal ini demikian kerana, tujuan agama itu sendiri melengkapkan segala aspek kehidupan masyarakat. Pegangan agama yang baik akan membawa kepada kecenderungan kepada perkara yang positif yang mampu membentuk kehidupan sistem sosial masyarakat yang memiliki keperibadian yang baik. Elemen agama ini wujud sejak zaman dahulu sebagai bentuk kepercayaan yang dipegang oleh sesebuah individu yang dijadikan sebagai panduan kehidupan.

Di Bukit Marak berbuat negeri,  
Gua Kambing tinggal sendiri,  
Beramal ibadat seorang diri,  
Supaya tenang rasa di hati.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 39)*

#### **4.2.4 Ekonomi dalam sistem sosial.**

Ekonomi menyumbang kepada pembentukan sistem sosial masyarakat yang menjadi asas untuk kelangsungan kehidupan. Menurut Siti Rohani Yahya (1988) menjelaskan istilah perkataan ekonomi yang berasal dari gabungan dua perkataan menerusi penggunaan bahasa Greek iaitu 'Oikos' dan 'Nomos' bermakud peraturan-peraturan mahupun hukum rumah tangga. Hal ini bertepatan difahami menerusi situasi kepada pengaturan perbelanjaan hasil pendapatan di rumah. Kestabilan dalam sistem sosial masyarakat turut dipengaruhi oleh elemen ekonomi. Kepentingan ekonomi yang baik akan menjamin kehidupan masyarakat daripada berlakunya masalah ekonomi yang mampu menjejaskan keperluan kehidupan masyarakat. Justeru itu, sejak zaman terdahulu mereka menerokai segala aspek yang mampu membawa kepada hasil ekonomi menerusi hasil hutan, tanaman, hasil tenunan dan



sebagainya. Hal ini demikian menjelaskan bahawa ekonomi masyarakat ini perlu dititikberatkan agar kesinambungan kehidupan dapat berjalan dengan baik.

### **4.3 Aspek sistem sosial dengan pengaplikasian Teori Fungsionalisme menerusi buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri*.**

#### **4.3.1 Kedudukan Sosial**

Berdasarkan Teori Fungsionalisme menerusi pendekatan oleh Talcott Parsons (1951) yang turut menumpukan kepada kedudukan sosial yang turut berkaitan dengan sistem sosial. Kedudukan sosial yang wujud akan membawa kepada fungsi dan peranannya dalam pembentukan kehidupan masyarakat. Talcott Parsons (1951) menerusi imperaktif fungsional yang perlu wujud ialah integrasi yang berkisarkan tentang sistem sosial turut melibatkan kehidupan masyarakat. Integrasi ini akan membentuk penyatuan ke arah masyarakat beridentiti. Sistem sosial yang menjalankan fungsi dan peranannya yang baik akan memberi pencapaian intgerasi dalam masyarakat. Antara perkara yang dijelaskan dalam sosiologi mengenai individu yang ingin memperoleh status tertentu perlu mendepani peranan yang perlu digalas. Hal ini kerana lazimnya berkisarkan tentang status dan kedudukan sosial. Berikutan itu peranan yang merupakan asas kepada pembentukan kedudukan dan status sosial. Menurut Rohana Yusuf (2010) ketaksamaan sosial akan mula wujud menerusi kedudukan dan sosial yang dibentuk dalam kelompok masyarakat. Hal ini kerana kedudukan sosial ini memiliki peranan yang penting dalam mentadbir sistem sosial dalam hidup bermasyarakat. Kedudukan sosial yang harmoni diantara golongan yang memerintah seperti raja, kerabat diraja dan pembesar-pembesar istana yang memiliki kuasa dan hubungan kemasyarakatan dengan golongan yang diperintah iaitu rakyat mahupun perantau akan membawa kepada keutuhan dan kestabilan masyarakat yang harmoni. Pencapaian kejayaan kepada sesebuah pentadbiran dapat dibentuk apabila keseimbangan kedudukan sosial dijadikan teras utama yang dititikberatkan. Hubungan yang baik dalam kedudukan sosial ini

akan menggarap kepada corak pentadbiran yang baik oleh golongan pemerintah agar pembentukan sahsiah diri dapat diterapkan dalam kalangan rakyat yang diperintah untuk saling berkerjasama untuk membentuk sebuah sistem sosial yang baik antara satu sama. Kedudukan sosial yang harmoni diantara kedua-dua golongan ini akan mewujudkan nilai-nilai baik iaitu hormat menghormati, nilai bertanggungjawab dan nilai cinta akan tanah air dan sebagainya. Di dalam kedudukan sosial masyarakat melayu tradisional bersifat feudal iaitu raja yang memiliki kedudukan tertinggi dalam hieraki sosial yang memiliki kuasa dalam sesebuah pentadbiran. Antara golongan yang terdapat dalam kedudukan masyarakat melayu tradisional ialah golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah.

#### **A) Golongan yang memerintah**

Menurut Roslina Abu Bakar dan Arba'ie Sujud (2013) menyatakan golongan yang memerintah yang terdapat pada cerita rakyat Melayu yang dapat dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat negeri yang ditadbir oleh raja atau sultan, peringkat daerah yang ditadbir oleh para pembesar dan bagi peringkat ketiga iaitu peringkat yang kelompoknya lebih kecil iaitu kampung yang ditadbir oleh penghulu. Seterusnya, kajian mengenai aspek sistem sosial masyarakat melayu tradisional didapati menerusi pengkisahan puteri-puteri alam melayu yang ditonjolkan oleh pengarang melalui cerita-cerita rakyat. Kedudukan sosial dalam kehidupan bermasyarakat ini telah wujud sejak zaman alam melayu yang di dalamnya terdapat golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah. Fungsi golongan pemerintah ini dinyatakan oleh Mustafa Mohd. Isa (1984) iaitu menerusi gambaran oleh para penglipurlara mengenai masyarakat memerlukan raja dalam sesebuah sistem pemerintahan. Golongan yang memerintah ini amat dihormati dan disegani di atas kewibawaan dalam melaksanakan dan tugasnya terutamanya dalam menegakan syiar Islam. Bahkan, golongan yang memerintah seperti raja atau sultan ini mempunyai kuasa dalam sistem sosial bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat dan menetapkan hukuman yang adil

bagi sesuatu hukuman dalam mendepani permasalahan dalam kalangan rakyat. Talcott Parson (1969) menjelaskan kuasa sebagai sumber sosial yang diterapkan untuk mencapai keseluruhan matlamat masyarakat serta memilih integrasi sosial. Kepentingan kuasa yang dimiliki oleh sesebuah sistem pemerintahan agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih sistematik dan lancar. Lantaran itu, menerusi syair puteri-puteri pilihan yang membuktikan kepada kewujudan kedudukan sosial golongan yang memerintah atau golongan yang berkuasa dalam sesebuah masyarakat iaitu Puteri Kayangan dan Puteri Padi Emas dan Puteri Gaharu. Syair menerusi pengkisahan puteri dari negeri Melaka didapati kedudukan sosial menerusi peristiwa ketika puteri kayangan yang telah melanggar perintah ayahandanya iaitu raja Cahaya Santaka telah menghilangkan sebiji padi dari seuncang padi yang asalnya dari padi emas. Puteri telah mendapat kemurkaan ayahandanya lalu dihukum untuk tinggal di dunia sehingga menemui semula sebiji padi emas yang telah hilang.

Pada zaman dahulukala,  
Cahaya Santaka namanya raja,  
Dari Kayangan turun ke dunia,  
Bersama puteri segala hamba.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 92)*

Adapun ayahanda berasa murka,  
Petanda bencana akan menimpa,  
Puteri dititahkan tinggal di dunia,  
Mencari padi sehingga jumpa.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 93)*

## B) Golongan yang diperintah

Menurut Gullick (1970) menyatakan maksud golongan yang diperintah iaitu mereka yang berada di bawah kawalan sesebuah pemerintahan yang merangkumi golongan pembesar dan rakyat keseluruhannya. Berdasarkan teori fungsionalisme yang menggambarkan seperti anggota tubuh badan yang memerlukan diantara satu sama lain dalam menjalankan fungsi dengan baik. Oleh itu kedudukan sosial perlu mempunyai dua golongan dalam bekerjasama mentadbir sesebuah masyarakat. Golongan pemerintah memerlukan golongan yang diperintah bagi melengkapkan dan melaksanakan peranan yang dipikul. Golongan yang diperintah dalam lapisan masyarakat yang pertama ialah rakyat yang berperanan dalam menyokong dengan patuh kepada sesebuah pemerintahan. Oleh itu, rakyat perlu menghormati setiap ketetapan hukuman atau sesuatu jalan penyelesaian yang ditetapkan. Hal ini kerana setiap keputusan yang diberikan telah mendapatkan nasihat dari golongan pembesar yang lain. Dapatan dari syair puteri dilihat wujud golongan yang diperintah yang membuktikan peranan kedudukan sosial memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kehidupan masyarakat harmoni. Antara cerita rakyat dari syair puteri ini yang berkaitan adalah Puteri Mayang, Puteri Semalu dan Puteri Birah Keladi.

Terkejutlah Ruyung bukan kepalang,

Hampir sahaja berlari pulang,

Mujur puteri sempat menghalang,

Memujuk Ruyung segera bertenang,

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, ,2013:15)

Menerusi petikan syair di atas dapat dilihat bahawa wujudnya kedudukan sosial yang dikisahkan dalam cerita rakyat Terengganu iaitu kisah pemuda yang bernama Ruyung yang kesedihan dengan keadaan penduduk kampung yang diserang penyakit berbahaya. Dalam kesedihan Ruyung di pohon pinang lalu mendengar suara nyanyian orang yang sebaliknya adalah puteri Mayang yang berasal dari Kayangan berasa simpati dengan kesedihan Ruyung lalu diserunya tujuh puteri untuk membantu menghilangkan penyakit yang dialami oleh penduduk kampung di desa yang didiami oleh Ruyung. Setelah peristiwa itu, dengan seruan yang telah dinyanyikan oleh Puteri Mayang. Maka, sehingga kini kisah puteri Mayang diingati disebabkan puteri berhati mulia kerana memberi jasa dengan membantu orang. Tambahan pula, kedudukan sosial menerusi cerita rakyat negeri Kedah iaitu Puteri Semalu yang telah dinukilkan oleh pengarang dalam petikan syair mengenai peristiwa yang berlaku berkaitan dengan seorang yang masyhur namanya dan merupakan seorang yang kaya iaitu disebut Tengku Ludin.

Tengku Ludin empunya cerita,  
Parasnya hodoh tidak terkira,  
Tetapi baginda teramat kaya,  
Masyhur namanya di mana-mana,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 57)*

Sehubungan dengan petikan di atas, dapat dilihat bahawa pada zaman dahulu Sultan Zainudin yang merupakan ketua negara pada ketika itu yang telah terpedaya dengan muslihat Tengku Ludin yang merupakan seorang yang kaya raya dan mempunyai perangai yang buruk. Tengku Ludin mulai rasa suka kepada puteri anakanda Sultan Zainudin iaitu Seri Buana. Sultan telah ditutupi mata hatinya lalu memaksa puterinya untuk berkahwin dengan Tengku Ludin. Lalu, Puteri kesedihan membawa diri dan mendapat sebuah ilham dari sebuah sungai lalu mengadu nasibnya di pokok Ketapang. Puteri Seri Buana diberi ilham untuk

bertemu dengan raja yang berada di negeri Gedembai. Raja Gedembai ini memiliki kuasa untuk menyumpah. Demikian itu, Puteri telah mengadu lalu Tengku Ludin disumpah menjadi lalang. Setelah itu, Raja Gedembai mengarahkan Puteri Seri Buana untuk pulang kerana keadaan telah selamat. Namun, puteri tidak mengikuti arahnya kerana takut jika dirinya akan dimarahi oleh Sultan. Maka, Puteri telah disumpah menjadi pokok semalu.

Tambahan pula, menerusi kedudukan sosial yang diperolehi dari petikan syair ini adalah dalam cerita rakyat Negeri Sembilan. Hal ini kerana di dalamnya telah wujud salah satu bahagian yang diperintah iaitu golongan rakyat. Oleh itu, dapat dilihat wujud sistem sosial diantara golongan memerintah mahupun yang berkuasa seperti golongan kerabat diraja dengan golongan lapisan masyarakat iaitu rakyat. Kisah yang melibatkan seorang lelaki bernama Ujang yang merupakan anak sulung di dalam keluarganya yang memiliki sifat berat tulang tidak menolong keluarganya di sawah.

Namun Ujang si anak sulung,  
Berat tulang hendak menolong,  
Berpenat Lelah terasa canggung,  
Terperuk di rumah duduk termenung,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, ,2013:1)*

Demi kasih bukan kepalang,  
Sangguplah Ujang membanting tulang,  
Berhempas pulas di dalam bendang,  
Tiada mengenal malam dan siang,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 4)*

Berdasarkan petikan di atas mendapati bahawa Ujang yang dahulunya seorang yang malas membantu keluarganya lalu membawa diri kerana merasakan dirinya seperti tidak disayangi. Lalu, dia terpijak sebuah daun keladi lalu diterbangkan ke negeri awan lalu disambut kedatangannya oleh puteri. Ujang terpijak hati dengan kecantikan Puteri Birah Keladi lalu telah menghadap duli untuk menyampaikan hajatnya untuk memperisterikan puteri. Namun begitu, Raja Kayangan telah menguji kesungguhan Ujang bagi membuktikan dirinya layak untuk dijadikan menantu. Sejak itu, Ujang telah berusaha gigih dengan berkerja keras lalu menghasilkan sebuah hasil ladang. Raja berpegang pada janjinya kepada Ujang lalu berkahwin dengan Puteri Birah Keladi dan hidup bahagia.

#### **4.3.2 Kebudayaan dalam *Kumpulan Puisi Syair Puteri.***

M.Sangar (2011) yang menyatakan menerusi pandangan Andreas Eppink mendefiniskan budaya sebagai rangkuman nilai sosial, norma sosial, ilmu, struktur sosial, agama yang meliputi pemikiran intelektual dan nilai-nilai keindahan yang menjadikan kehidupan masyarakat lebih baik. Berdasarkan teori fungsionalisme, sistem sosial mengenai budaya dalam ruang lingkup penyelenggaran bercorak. Hal ini demikian, melihat bahawa kebudayaan ini merupakan kegiatan yang diamalkan dalam sesebuah perkara yang di terkandung unsur kebudayaan yang diwarisi dari generasi ke generasi. Oleh itu, ianya menjadi sebatian dalam jiwa masyarakat kerana ianya menjadi identiti kepada masyarakat melayu itu sendiri. Keindahan kebudayaan ini dapat dilihat daripada keindahannya, kesantunan adat, dan nilai budaya yang sangat bernilai. Kebudayaan menerusi aspek sistem sosial masyarakat Melayu tradisional yang diperolehi adalah dua bahagian kebudayaan iaitu adat istiadat dan adat resam.

### **A) Menyanjung tinggi adat istiadat.**

Pengertian adat istiadat menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, adat merupakan peraturan yang telah diamalkan mahupun dipraktikkan dari turun-temurun sejak zaman dahulu dalam kalangan masyarakat yang merangkumi hukum dan peraturan yang perlu dipatuhi. Adat berasal dari perkataan bahasa Arab yang dapat diertikan sebagai kebiasaan. Namun begitu, dalam masyarakat Melayu ianya membawa kepada makna yang lebih meluas. Hal ini demikian kerana, adat merangkumi tata tertib, perlakuan yang wajar serta undang-undang. Menurut Abdullah Siddik (1975) mengatakan adat ini tidak boleh dipisahkan dengan tatasusila yang membataskan tindakan baik buruk dalam kalangan masyarakat serta merangkumi hukum yang terdiri daripada norma-norma. Oleh itu, adat itu berkisarkan mengenai undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak raja yang di dalamnya terdapat hukuman yang ditetapkan atas sesuatu pelanggaran. Demikian itu, adat melindungi kedaulatan raja daripada tercemar dengan sebarang pelanggaran yang akan membawa kesan buruk kepada institusi diraja. Manakala, istiadat dapat ditakrifkan menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat iaitu peraturan atau cara-cara untuk menjalankan sesuatu yang telah menjadi kelaziman. Menurut Harun Daud (1989) mengatakan bahawa istiadat merangkumi peraturan pelaksanaan yang tidak melibatkan hukuman atau denda tertentu. Antara bentuk adat istiadat yang memerlukan pelaksanaan tertentu ialah perkahwinan, kematian atau pengembumian serta pertabalan atau perlantikan diraja. Adat istiadat lazimnya melibatkan sesuatu pelaksanaan dalam sesebuah upacara yang memerlukan langkah-langkah pelaksanaan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, adat istiadat ini dilihat diamalkan sejak zaman alam Melayu yang jelas dilihat dalam amalan masyarakat Melayu tradisional. Oleh itu dilihat bahawa adat istiadat ini berfungsi dalam mendidik masyarakat itu sendiri untuk berdisiplin dalam mengikuti atau melakukan sesebuah upacara yang melibatkan adat istiadat serta adat resam.



Gahnya cerita gasing pusaka,  
 Khabarnya sampai ke Istana raja,  
 Istana Negeri Indera Maya,  
 Dititahkan Tunggal menghadap raja,

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, 2013:5)

Petikan di atas dilihat yang berkisarkan tentang cerita rakyat dari negeri Perlis iaitu Puteri Kelapa Gading yang mempunyai kaitan dengan adat istiadat apabila Tunggal yang memiliki kehebatan akan gasing pusakanya yang menjadi bualan mulut sehingga ke Negeri Indera Maya. Lalu Raja telah mentitahkan Tunggal bertemu baginda. Penggunaan bahasa titah itu sendiri telah membawa kepada satu pelaksanaan yang perlu dikuti sebagai tanda menghormati diraja. Tambahan itu, terdapat juga adat istiadat yang turut didapati menerusi syair puteri yang berkisarkan tentang cerita rakyat dari negeri Selangor iaitu Puteri Angsana.

Adapun raja termakan hasutan,  
 Bertitah tanpa belas kasihan,  
 Si muda disuruh masuk ke hutan,  
 Mencari susu harimau jantan,

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, 2013 :12)

Berdasarkan petikan syair di atas, dilihat bahawa apabila raja bertitah ianya membawa kepada sesuatu bentuk arahan yang perlu dipatuhi. Pada zaman dahulu, raja dianggap golongan yang tertinggi dalam mengawal rakyat di bawahnya. Menerusi petikan ini dapat dilihat bahawa permintaan raja yang sukar untuk dipenuhi akan membawa kepada hukuman dan kemurkaan raja. Perkara ini pada zaman terdahulu banyak berlaku dalam sesebuah sistem pemerintahan. Permintaan yang mustahil untuk dicapai seperti mencari susu harimau jantan di hutan merupakan perkara yang berbahaya dan mengorbankan nyawa ini dilihat sesuatu yang tidak baik dan ianya membawa kepada sesuatu bentuk penindasan atau penganiayaan.

Namun, terdapat pengajaran di sebalik balasan menerusi peristiwa ini iaitu raja yang bersifat nafsu cemburu buta yang akhirnya terbunuh lalu suami Puteri Angsana telah diatbalkan menjadi makhota negara. Adat istiadat menerusi pertabalan diraja turut mempunyai cara pelaksanaan yang perlu diikuti dan dijalankan mengikut ketetapan yang ditetapkan bagi memastikan upacara berjalan dengan baik tanpa sebarang permasalahan yang berlaku spenjang upacara yang melibatkan institusi diraja.

### **B) Mengamalkan adat resam dalam sistem sosial.**

Adat resam membawa maksud kepada suatu cara yang telah ditetapkan yang telah diakui oleh masyarakat. Adat Resam ini adalah amalan yang dipraktikkan oleh anggota masyarakat. Di Malaysia, terdapat pelbagai kaum yang memiliki adat yang berbeza mengikut kepada amalan yang diakui oleh sesebuah kaum. Hal ini dilihat turut memainkan fungsi yang saling memerlukan iaitu ianya mencorakkan identiti sesebuah masyarakat. Hal ini demikian kerana, adat resam yang diakui masyarakat memerlukan tindakan atau amalan yang dilakukan dan diteruskan secara berterusan. Oleh itu, dilihat bahawa pembentukan adat resam yang berfungsi dapat dijalankan dengan komitmen daripada masyarakat dalam mengamalkannya. Terdapat beberapa perkara yang dilihat dalam syair puteri ini yang dapat dikaitkan dengan adat resam menerusi pengkisahan cerita rakyat puteri-puteri iaitu Puteri Melur Sekuntum, Puteri Rambang Rambunut dan Puteri Jarum Emas.

Tibalah masa suatu hari,  
Datanglah putera meminang puteri,  
Dari Kayangan asalnya negeri,  
Berhajat sungguh kepada puteri,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 42)*

Lantaran daripada petikan syair ini mendapati bahawa terdapat adat resam yang diamalkan oleh masyarakat melayu tradisional menerusi upacara meminang. Upacara ini dilakukan secara turun-temurun oleh generasi ke generasi. Mengikut istilah peminangan dalam segi syara ialah apabila seseorang lelaki menyatakan perasaan minatnya untuk mengahwini seorang perempuan yang tiada halangan syarat untuk dikahwini sama ada terhadap dirinya sendiri atau melalui wali-walinya. Oleh itu jelas dilihat bahawa adat resam dalam masyarakat melayu tradisional sangat sarat dengan menjadikan pegangan yang berpandukan Al-Quran sebagai tunjang dalam pembentukan adat resam. Adat resam dilihat memainkan peranan yang menyeluruh merangkumi setiap aspek kehidupan masyarakat. Hal ini demikian kerana, adat resam ini jelas memaparkan tatasusila dan budi pekerti yang luhur apabila seseorang individu itu mempraktikanya dalam kehidupan bermasyarakat.

Ular hitam segera menghilang,  
Segeralah juga mereka pulang,  
Empat bahan di dalam dulang,  
Sirih, gambir, kapur dan pinang.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 43)*

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa bermulanya penggunaan empat bahan yang diletakkan dalam dulang sebagai hantaran berkaitan dengan pengkisahan puteri melur sekuntum. Hal ini demikian kerana, bahan- bahan ini digunakan bagi menghilangkan bau mulut yang berbau. Demikian itu juga bahan-bahan ini merupakan bahan-bahan semulajadi yang sangat baik untuk diamalkan. Oleh sebab itu, lazimnya dapat dilihat bahawa golongan nenek-moyang gemar makan sirih. Menerusi adat resam ini ianya mendekatkan masyarakat dengan kebudayaan masyarakat melayu itu secara tidak langsung. Adat resam ini sarat dengan nilai jati diri masyarakat melayu yang perlu diamalkan serta dikukuhkan dalam jiwa masyarakat.

Puteri Rambunut merekah pula,  
 Kemudian keluar seorang putera,  
 Putera yang pernah memining dirinya,  
 Menjadi rebutan sekalian kakanda

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, 2013: 48)

Menerusi petikan syair di atas turut dilihat terdapat adat resam yang dipraktikkan dalam cerita rakyat negeri Sabah iaitu Puteri Rambang Rambunut. Hal ini dilihat bahawa adat resam ini dipraktikkan secara meluas kerana ianya menonjolkan identiti masyarakat melayu yang unik. Hal ini kerana, adat resam ini menjadi penghubung kepada sesebuah ikatan suci dapat dijalinkan menerusi kedua-dua belah pihak keluarga. Keindahan dalam adat resam ini saling memerlukan diantara fungsinya serta masyarakat sebagai penggerak kepada fungsinya untuk dipraktikkan.

Demikian cantik tuan puteri,  
 Dipinang putera setiap hari,  
 Ramai berkenan jadikan isteri,  
 Tetapi semua ditolak puteri,

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, 2013: 49)

Berdasarkan petikan syair menerusi pengkisahan puteri negeri Pulau Pinang iaitu Puteri Jarum Emas ini dilihat bahawa pembentukan adat resam ini memberi ruang kepada pihak sebelah perempuan untuk membuat keputusan sebelum melalui fasa yang seterusnya yang ke arah perkahwinan. Pembentukan adat resam melalui memining ini dilihat amat menyantuni dan memuliakan golongan wanita kerana ianya dilihat lebih penuh dengan kesantunan yang tersingkap di dalam upacara ini. Hal ini kerana, pihak lelaki bertemu dengan pihak perempuan bagi merapatkan silaturrahim antara satu sama lain. Oleh itu, ianya secara tidak langsung akan membawa kepada penyatuan antara masyarakat yang akan memberi kesan baik kepada keharmonian masyarakat.

Syarat pinangan bukanlah mudah,  
Jarum dibawa jangan terpatah,  
Patah sebatang membawa padah,  
Maka pinangan terbatal sudah.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013:51)*

Berdasarkan petikan di atas, dilihat bahawa dalam adat resam iaitu meminang turut terdapat syarat yang boleh diberikan oleh pihak perempuan namun ianya mestilah dapat dipenuhi. Permintaan Puteri Jarum Emas adalah muslihat bagi melindungi negerinya. Puteri turut meletakkan tempoh waktu yang bersesuaian untuk syaratnya dipenuhi. Dalam adat resam bagi sesebuah peringkat seperti bertunang turut mempunyai jarak masa yang dilihat bersesuaian yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak keluarga. Hal ini demikian kerana, tempoh yang ditetapkan adalah membagi ruang kepada kedua-dua belah pihak untuk saling mengenali antara satu sama lain termasuk ahli keluarga. Namun ianya turut terdapat batasan yang perlu dijaga dalam tempoh itu. Oleh itu, dilihat bahawa adat resam amat menjaga perkara-perkara yang disarankan dalam pegangan agama. Norma dari adat resam yang diakui oleh masyarakat Melayu dilihat sinonim dan dilihat memiliki fungsinya yang tersendiri. Oleh itu, setiap masyarakat Melayu harus mengangkat tinggi adat resam ini sebagai cerminan jati diri masyarakat Melayu yang perlu dipertahankan dan dipraktikkan dengan ketetapan yang telah diwarisi sejak dari turun temurun. Hal ini demikian kerana, ingin mengelakkan daripadanya terhakisnya adat istiadat serta adat istiadat ini dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini kerana, dengan wujudnya adat resam dan adat istiadat ianya merupakan lambang masyarakat Melayu. Oleh itu, kita harus mengetahui bahawa adat resam mahupun adat istiadat dilakukan adalah bagi melindungi setiap pihak daripada kesan-kesan buruk.

### 4.3.3 Pegangan agama yang teguh dalam menghadapi ujian.

Menurut Emile Durkheim (1858) menyatakan agama merupakan keyakinan yang melibatkan amalan-amalan yang bersifat suci dan terkandung undang-undang mahupun pantang larang yang akan memberi kesan penyatuan oleh para pengamalnya yang dalam sebuah kesatuan moral yang dinamakan agama. Berikutan dari teroi fungsionalisme yang berkaitan dengan penyelenggaraan corak dilihat mempunyai perkaitan dengan agama. Konteks agama ini mempunyai pengertian yang meluas yang lazimnya melibatkan kepercayaan dan ketuhanan. Dalam masyarakat melayu tradisional pegangan agama Islam menjadi pegangan kehidupan. Kebergantungan dan harapan kepada Allah S.W.T sebagai pentadbir alam yang berkuasa dijadikan sebagai pengharapan setiap masyarakat yang berpegang kepada agama Islam. Pegangan agama yang utuh turut memainkan peranan penting dalam memberi fungsi kepada rohani dan perilaku seseorang dalam kehidupan. Hal ini kerana, agama ini membantu dalam membentuk jiwa masyarakat yang kuat dalam mendepani sesebuah permasalahan dalam kehidupan. Di dalam kehidupan masyarakat melayu tradisional pada zaman alam melayu telah wujud pegangan agama yang utuh dalam kehidupan puteri-puteri alam melayu antaranya adalah Puteri Saadong dan Puteri Cik Siti Wan Kembang. Kedua-dua nama besar ini masyhur dikaitkan dengan kekuatan agama yang kuat dalam diri mereka dalam menghadapi sebarang permasalahan yang meletakkan Allah dan agama sebagai kekuatan dalam jiwa mereka.

Di Bukit Marak berbuat negeri,  
Gua Kambing tinggal sendiri,  
Beramal ibadat seorang diri,  
Supaya tenang rasa di hati.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, ,2013: 39)*

Di samping itu, sifat Puteri Saadong yang dikisahkan dalam syair puteri-puteri ini turut membuktikan keperibadian dirinya yang amat menjaga kehormatan diri dan merupakan seorang wanita yang sangat kuat dan rela berkorban demi cintanya kepada rakyatnya.

Suatu malam purnama penuh,  
 Maharaja Siam berahi sungguh,  
 Apabila hujung kaki puteri disentuh,  
 Ditimpa kedal seluruh tubuh.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, ,2013:38)*

Maharaja Siam insafilah kini,  
 Tiada mahu puteri ditiduri,  
 Kerana puteri daulatnya tinggi,  
 Lalu dihantar pulang kembali,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 38)*

Berdasarkan petikan di atas, didapati bahawa Puteri Saadong merupakan seorang isteri yang taat kepada suaminya. Hal ini dikatakan demikian kerana, Puteri Saadong menjaga diri dan kemuliaan dirinya daripada Maharaja Siam. Namun setibanya dia pulang ke pangkuan suaminya, dia diuji dengan kekecewaan apabila suaminya telah berkahwin dengan Puteri Rokiah. Namun, dia membawa diri dan mencari ketenangan di atas ujian yang dihadapinya dengan mendekati diri kepada Allah.

Anakanda puteri cantik rupawan,  
 Cik Siti Wan Kembang nama timangan,

Dididik menjadi orang ilmuwan,  
 Didoakan menjadi raja budiman.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, :103)*

Berdasarkan petikan di atas, dilihat bahawa kedua-dua pengkisahan puteri menerusi cerita rakyat di negeri Kelantan ini berlatar belakang kepada kehidupan yang berpegang teguh kepada pegangan agama. Hal ini dapat dilihat menerusi Puteri Saadong yang melakukan ibadah untuk mendapatkan ketenangan hati. Lantaran itu, dilihat bahawa kebergantungan dirinya adalah kepada Allah. Oleh itu, dilihat bahawa keteguhan agama yang dibentuk dalam dirinya menjadikan dirinya seorang wanita yang kuat dalam mendepani masalah. Sehubungan dengan itu, menerusi Cik Siti Wan Kembang dapat dilihat bahawa latar belakang keluarganya yang mendoakan puteri Cik Siti Wan Kembang menjadi seorang pemimpin yang baik menjadikan dirinya menjadi cerminan yang baik kepada segenap masyarakat.

Manakala, dari sudut kepercayaan pula dapat dilihat bahawa masyarakat tradisional terdahulu wujudnya sumpahan yang terjadi yang dapat dikaitkan sebagai perkara mitos. Hal ini demikian kerana, pada zaman terdahulu terdapat kepercayaan yang kuat mengenai kuasa-kuasa yang menyebabkan sumpahan boleh berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Sumpahan yang berlaku pada zaman dahulu merupakan pengajaran dan iktibar agar setiap perilaku dan pertuturan dapat dijaga dengan baik. Sumpahan ini berlaku apabila terdapat pelanggaran kata-kata mahupun arahan yang diingkari yang menjadikan sesuatu sumpahan berlaku. Pada zaman dahulu, masyarakat melayu mempercayai kepada kelebihan yang dimiliki oleh seseorang yang mempunyai kuasa sumpahan. Antara pengkisahan puteri-puteri alam melayu menerusi cerita rakyat iaitu Puteri Semalu, Puteri Santubong dan Puteri Sejinjing.

Raja Gedembai berasa marah,  
Puteri Semalu ingkar perintah,  
Maka puteri mendapat padah,  
Jadi semalu dirinya disumpah,

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, ,2013: 61)



Kedua Puteri tiada beralah,  
Raja Kayangan mulalah marah,  
Kerana janji dilanggar sudah,  
Menjadi gunung puteri disumpah.

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, ,2013:109)

#### **4.3.4 Menjalankan kegiatan ekonomi bagi kelangsungan hidup.**

Menurut Normaz Wana Ismail (2000) yang menyatakan bahawa definisi bagi ekonomi yang terdiri dari satu cabang ilmu sains sosial yang mengkaji mengenai perilaku dalam usaha untuk menyalurkan agihan dari faktor-faktor pengeluaran bagi memastikan kehendak manusia dapat dipenuhi tanpa batasan. Berikutan dari teori fungsionalisme yang meletakkan ekonomi sebagai komponen yang penting dalam kehidupan masyarakat agar dapat membentuk kesesuaian untuk menjalani kehidupan sesebuah tempat. Hal ini bagi memenuhi keperluan manusia untuk menjalankan aktiviti berdagang dan perniagaan dengan memanfaatkan setiap hasil hutan serta hasil buki yang dapat dijadikan sumber bahan untuk dijadikan barang perniagaan serta sumber makanan. Bahkan, melalui kemahiran yang diceburi oleh masyarakat melayu tradisonal turut membantu meningkatkan sektor ekonomi. Ekonomi turut saling berkait rapat dengan kehidupan masyarakat yang saling bergantung kepada satu sama lain. Hal ini demikian kerana, ekonomi memerlukan daya tenaga dalam penghasilan dan penerokaan produk bagi penerusan kehidupan masyarakat. Kestabilan ekonomi amat penting dalam memastikan masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang baik.

Seterusnya, antara ekonomi yang diceburi oleh masyarakat Melayu tradisional dalam alam melayu ialah mencari rotan, menanam padi, mengusahakan ladang, menenun songket dan sebagainya. Bidang ekonomi yang dijalankan ini dapat diperkembangkan secara meluas kerana ianya merupakan sektor ekonomi utama yang menjadi asas dalam kehidupan

masyarakat itu. Kemahiran dalam bidang ekonomi ini memerlukan kepakaran dan tenaga untuk memperoleh hasil. Oleh itu dilihat bahawa ekonomi masyarakat melayu terdahulu dilihat lebih mencabar kerana sumber makanan yang terhad dan ianya memerlukan penerokaan daripada sumber daripada alam semulajadi dan sumber hutan. Namun begitu, dengan adanya kemahiran dan penerokaan ianya meningkatkan dan mengembangkan dan meluaskan sektor ekonomi masyarakat yang memberi kesan yang membawa kepada tahap kestabilan dari segi ekonomi masyarakat berada dalam keadaan yang baik. Antara pengkisahan puteri-puteri alam melayu menerusi syair ini didapati terdapat sektor ekonomi yang dijalankan dalam kalangan masyarakat serta golongan puteri adalah menerusi Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang, Puteri Bunian Menjadi Manusia, Puteri Angsana dan Puteri Birah Keladi.

Adapun nasib Puteri Santubong,  
Di Pasir Kuning tempat bernaung,  
Banyak pedagang datang berkunjung,  
Membeli kain tenunan Santubong.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, ,2013:107)*

Adapun pula Puteri Sejinjang,  
Di Pasir Putih tanahnya lapang,  
Padinya luas bukan kepalang,  
Menumbuk padi sehingga petang.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, ,2013: 107)*

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa terdapat kegiatan ekonomi masyarakat melayu tradisional menerusi aktiviti menenun yang diceburi oleh Puteri Santubong yang menjadikan ianya dapat diperkembangkan kepada jualan kain yang ditenun yang produknya dapat diperkembangkan kepada sektor ekonomi yang lain seperti aktiviti menjahit dan sebagainya. Setiap aktiviti ekonomi ini memberi kesan kepada kestabilan kehidupan masyarakat.

Manakala, Puteri Sejinjang pula menjalankan kegiatan ekonomi dengan menumbuk padi. Padi yang menjadi asas kepada sumber makanan kepada manusia dilihat merupakan sektor ekomi yang memainkan peranan yang peting dalam kelangsungan kehidupan. Menerusi sawah padi yang terbentang luas ianya memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat melayu tradisional bagi mendapatkan sumber kewangan bagi kelangsungan kehidupan.

Setiap hari Kasim ke hutan,  
Pagi ke petang mencari rotan,  
Rotan dibawa pergi ke pekan,  
Untuk dijual kepada teman,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, ,2013:123)*

Berdasarkan petikan di atas menerusi cerita rakyat negeri Perak dilihat bahawa sektor ekonomi turut dijalankan melalui penerokaan sumber hutan seperti rotan, tanaman herba, buah-buahan dan sebagainya. Hal ini turut menjelaskan bahawa terdapat sistem jual beli yang dijalankan bagi memenuhi keperluan di antara satu sama lain. Perkembangan sistem ekonomi yang diceburi oleh kalangan masyarakat akan meningkat daya saing yang tinggi yang akan membentuk perkembangan ekonomi masyarakat ke tahap yang lebih baik dan mencapai tahap kestabilan yang baik.

Suatu hari si muda ke hutan,  
Mencari kayu dan juga rotan,  
Demi rezeki dijualnya di pekan,  
Sebagai tukaran dengan makanan.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013:10)*

Berdasarkan petikan di atas, dapat diperhatikan bahawa terdapat penukaran barang yang dijalankan sebagai proses yang membantu kelangsungan hidup. Hal ini demikian kerana, kekangan kehidupan masyarakat terdahulu yang tidak menggunakan sistem kewangan. Namun begitu, sikap toleransi yang dipupuk dalam membentuk kestabilan ekonomi menjadikan aktiviti penukaran barang turut dijalankan yang memberi kesan kepada peningkatan sistem ekonomi kehidupan masyarakat tradisional. Penerokaan sumber hutan ini dapat memberi kepada penghasilan produk yang lain seperti rotan yang boleh diusahakan untuk menjadi kraftangan ataupun peralatan rumah dan sebagainya. Oleh itu, dilihat bahawa manfaat dari penerokaan hutan yang baik mampu mencetus penghasilan produk menggunakan alam semulajadi dapat diperkembangkan sekaligus meningkatkan sektor ekonomi.

Sistem sosial ini wujud serta berkembang seiring dengan kehidupan masyarakat. Sistem yang dibentuk hasil dari secara sendirinya apabila wujudnya kesepakatan dalam kelompok masyarakat. Sistem sosial yang dilihat memainkan peranannya yang penting dalam pembentukan masyarakat juga turut dapat difahami sebagai norma sosial. Hal ini bertepatan dengan pandangan ahli Sosiologi iaitu Talcott Parsons sistem sosial ini merupakan suatu proses interaksi yang berlaku dalam masyarakat diantara penggerak sistem sosial. Hal ini kerana, interaksi yang terbentuk yang melibatkan struktur yang memainkan peranannya yang dinyatakan oleh Talcott Parsons sebagai sebuah sistem.

#### **4.4 Teladan aspek sistem sosial pengkisahan puteri-puteri dalam buku Kumpulan Puisi Syair Puteri.**

Aspek sistem sosial ini umumnya diertikan sebagai satu sistem yang terbentuk dari kumpulan tindakan yang terhasil dari pelbagai interaksi sosial antara satu individu dengan individu yang lainya. Ianya dapat dilihat bahawa dalam pembentukan masyarakat perlunya interaksi dalam sistem sosial. Hal ini kerana, masyarakat terdahulu pada zaman alam melayu membentuk pelbagai interaksi sosial yang dilihat memberi kesan kepada aspek sistem sosial masyarakat. Bagi masyarakat terdahulu, aspek sistem sosial ini diwujudkan bagi melancarkan sistem pentadbiran sesebuah organisasi yang dibentuk. Aspek sistem sosial yang terdapat dalam kehidupan puteri-puteri alam melayu dianggap sebagai sebuah proses dalam membentuk cerminan jati diri masyarakat Melayu. Hal ini dilihat bahawa, kewujudan aspek sistem sosial ini memiliki martabat dan nilai sejarah yang tinggi. Aspek sistem sosial ini bukan sahaja berlaku dari sudut luaran pembentukan organisasi bahkan ianya turut memberi kesan kepada jati diri masyarakat Melayu. Menerusi itu dilihat bahawa aspek sistem sosial ini perlu dibentuk bagi memastikan masyarakat dan sistem sosial dapat disepakati antara satu sama lain yang memberi kesan yang baik kepada kehidupan masyarakat.

Dengan ini, aspek sistem sosial dalam kehidupan puteri-puteri dilihat dapat mencerminkan kehidupan bermasyarakat yang wujud pada zaman alam melayu terdahulu. Hal ini dilihat bahawa aspek sistem sosial yang wujud memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan kehidupan masyarakat. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa aspek sistem sosial ini bukan sahaja memberi kesan kepada masyarakat terdahulu namun sehingga kini masih wujud aspek sistem sosial terdahulu dalam kehidupan masyarakat kini yang dilihat sebagai kesinambungan kepada aspek sistem sosial yang terbentuk sejak zaman alam melayu.

Pengkaji melihat kemampuan sistem sosial sebagai penggerak dalam kehidupan masyarakat turut dapat memberi kesan serta teladan kepada masyarakat kini menerusi aspek sistem sosial yang terbentuk pada zaman alam melayu. Antara teladan menerusi aspek sistem sosial pengkisahan puteri-puteri alam melayu ialah mentaati golongan yang memerintah, menghargai nilai budaya, meletakkan kebergantungan kepada Allah dan meningkatkan kemahiran bagi perkembangan sektor ekonomi.

Selain itu, sistem sosial ini wujud serta berkembang seiring dengan kehidupan masyarakat. Sistem yang dibentuk hasil dari secara sendirinya apabila wujudnya kesepakatan dalam kelompok masyarakat. Sistem sosial yang dilihat memainkan peranannya yang penting dalam pembentukan masyarakat juga turut dapat difahami sebagai norma sosial. Hal ini bertepatan dengan pandangan ahli Sosiologi iaitu Talcott Parsons sistem sosial ini merupakan suatu proses interaksi yang berlaku dalam masyarakat diantara penggerak sistem sosial. Hal ini kerana, interaksi yang terbentuk yang melibatkan struktur yang memainkan peranannya yang dinyatakan oleh Talcott Parsons sebagai sebuah sistem.

#### **4.4.1 Mentaati golongan yang memerintah.**

Teladan aspek sistem sosial menerusi cerita rakyat puteri-puteri alam melayu kepada masyarakat adalah meneladani tindakan masyarakat terdahulu yang amat mentaati golongan yang memerintah. Hal ini demikian kerana, dilihat golongan yang memerintah ini menjadi tunjang kepada pembentukan sistem sosial masyarakat yang baik. Golongan yang memerintah yang bukan sahaja berperanan dalam mentadbir sesebuah pentadbiran namun ianya berperanan dalam menjaga kebajikan masyarakatnya. Kepentingan dalam mentaati golongan pemerintah ini amat relevan untuk diterapkan dalam kehidupan masyarakat agar pembentukan keharmonian masyarakat dapat dibentuk. Oleh itu, kita perlu meneladani masyarakat terdahulu dalam mentaati golongan yang memerintah kerana mereka berperanan

dalam memikul tanggungjawab serta amanah yang perlu disepakati oleh masyarakat. Hal ini kerana, proses dalam pembentukan struktur pentadbiran yang baik hanya dapat terbentuk apabila kesepakatan diantara golongan yang memerintah dan masyarakat yang dibawahnya. Antara contoh petikan syair yang ditonjolkan menerusi ketaatan terhadap golongan yang memerintah dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri*.

Raja bertitah kepada Ujang,  
Sepurnama mesti membanting tulang,  
Tiada henti pagi ke petang,  
Tunjukkan hasil kerja berladang

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013 :4)*

Tiadalah tunggal mahu derhaka,  
Segera dililit tali gasingnya,  
Dicampakkan gasing ke lantai istana,  
Ligat berpusing berpantun jua.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 6)*

Contoh menerusi petikan di atas, pengkaji menjelaskan bahawa sejak zaman masyarakat terdahulu lagi ketaatan kepada golongan memerintah ini dititikberatkan dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, masyarakat meletakkan kedudukan golongan yang memerintah ini di kedudukan yang tinggi dan membawa kepada penghormatan di atas titah yang diberikan kepada masyarakat. Hal ini kerana, pada zaman dahulu raja yang memiliki kuasa berperanan besar kepada corak kehidupan masyarakat.

Di samping itu, dengan kekuasaan yang dimiliki raja dalam penetapan sesebuah undang-undang mahupun hukuman di atas kesalahan ataupun pelanggaran yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, menerusi cerita rakyat dapat ditonjolkan bahawa titah

mahupun permintaan raja kepada rakyat menjadi satu kepatuhan yang mesti ditunaikan tanpa sebarang bantahan. Hal ini kerana dapat dilihat menerusi petikan syair di atas iaitu apabila berlakunya sesuatu pelanggaran pada sesebuah titah diraja ianya dianggap sebagai derhaka. Oleh itu, sejak masyarakat alam melayu terdahulu rakyat amat menjaga berkaitan dengan ketaatan kepada golongan yang memerintah.

Sehubungan dengan itu, puteri-puteri yang merupakan kerabat diraja turut perlu dihormati sebagai lambang kepada ketaatan kepada golongan yang memerintah. Hal ini demikian kerana, apabila terdapat seseorang yang menyukai tuan puteri ianya perlu berhadapan dengan raja terlebih dahulu. Hal ini dilihat sebagai tanda hormat kepada kerabat diraja dan ianya mengikut di atas keizinan oleh raja. Namun begitu, pada zaman dahulu raja amat tegas dalam memastikan puteri-puterinya dari pelbagai sudut kehidupan kerana dilihat bahawa puteri-puteri merupakan cerminan kepada masyarakat untuk dijadikan sebagai inspirasi kehidupan. Oleh itu, dapat diteladani bahawa puteri-puteri turut menghormati kedudukan sosial yang terbentuk dalam masyarakat agar dapat membentuk kehidupan masyarakat yang harmoni.

#### **4.4.2 Menghargai nilai budaya masyarakat Melayu.**

Nilai budaya ini memainkan peranan yang penting kepada jati diri masyarakat Melayu. Hal ini kerana kebudayaan yang dilihat menerusi aspek sistem sosial ini mampu memartabatkan keindahan menerusi peradaban dan tatasusila yang terbentuk oleh nilai budaya. Oleh itu, sejak dari zaman alam melayu lagi yang dilihat menerusi syair puteri ini membangkitkan budaya masyarakat melayu yang kini dianggap sebagai nilai budaya yang tinggi. Hal ini demikian kerana, setiap masyarakat itu dilihat menerusi amalan ataupun kebiasaan yang dijadikan sebagai norma dalam sesuatu yang menjadi lambang kepada jati



diri masyarakat Melayu. Hal ini demikian turut dapat dilihat menerusi adat resam dan adat istiadat yang telah wujud sejak zaman dahulu yang kini masih dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, budaya ini mempunyai perlambangan yang penting kepada masyarakat Melayu. Oleh itu, kepentingan dalam menghargai nilai budaya masyarakat agar ianya tidak pudar dalam kehidupan masyarakat Melayu. Antara contoh petikan syair yang mengetengahkan kebudayaan dalam buku Kumpulan Puisi Syair Puteri.

Sukalah hati baginda raja,  
Tunggal diperintah segera ke sana,  
Meminang puteri cantik jelita,  
Sebagai isteri anakanda putera.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013:6)*

Adapun hal ehwal dalam istana,  
Raja Laksamana berasa murka,  
Tunggal ini dianggap derhaka,  
Hulubalang disuruh menangkap mereka.

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013:8)*

Sehubungan itu, dapat dilihat bahawa aspek sistem sosial ini memberi kesan kepada masyarakat pembentukan budaya menerusi adat resam dan adat istiadat yang sehingga kini masih dijalankan dalam sesebuah upacara mengikut kesesuaian dan penetapan sesuatu adat. Hal ini adat ini mempunyai penetapan yang harus difahami dan dipraktikkan dengan baik. Hal ini dapat dilihat menerusi budaya adat resam yang kini dapat dilihat dalam amalan masyarakat Melayu itu sendiri seperti merisik, meminang, bertunang dan berkahwin. Hal ini telah dipraktikkan dan diamalkan sejak dari masyarakat terdahulu lagi. Hal ini masih kekal diamalkan oleh masyarakat Melayu yang kerana menerusi adat ini memperlihatkan nilai kesantunan tatasusila yang amat dititikberatkan dalam jati diri masyarakat Melayu. Menerusi adat itu sendiri memiliki penetapan cara yang perlu difahami kerana setiapnya berbeza dari

fungsinya. Oleh itu, masyarakat kini perlu lebih menghayati akan nilai budaya yang berlaku dalam kehidupan sekeliling agar nilai budaya itu tidak terhakis seiring dengan zaman permodenan.

#### **4.4.5 Meletakkan kebergantungan kepada Allah dalam setiap perkara.**

Teladan yang dapat dilihat menerusi aspek sistem sosial yang terbentuk dalam cerita rakyat menerusi syair puteri ialah dari aspek kekuatan puteri dan masyarakat yang meletakkan kebergantungan kepada Allah dalam setiap perkara. Hal ini demikian kerana, puteri yang bukan sahaja indah dari segi rupanya turut memiliki keindahan dari sudut kegamaan yang melazimi dirinya dalam meletakkan agama sebagai pegangan yang diperkukuhkan dalam kehidupan tanpa mengira kedudukan sosial manusia. Hal ini demikian dilihat bahawa syair ini mengetengahkan elemen agama yang amat penting dalam proses kehidupan yang dilihat bahawa senjata dalam menghadapi masalah kunci kepada jalan penyelesaian itu turut datangnya dari hasil kebergantungan yang kuat kepada Allah. Oleh itu, dilihat bahawa aspek sistem sosial menerusi agama dan kepercayaan ini perlu diterapkan dalam kehidupan demi memastikan kita dapat menjalani sebarang masalah itu dengan keadaan yang baik dengan meminta petunjuk daripada Allah. Pegangan agama yang kuat dalam jati diri yang dibentuk menerusi cerita rakyat dari kumpulan puisi syair puteri ini jelas membuktikan bahawa keindahan puteri-puteri alam melayu ini mampu diangkat sebagai teladan kepada masyarakat dalam menjadikan agama sebagai asas penting dalam menjalani kehidupan. Hal ini demi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang negatif berlaku dalam kalangan masyarakat. Tegasnya di sini, bahawa agama yang bersifat menyeluruh akan membawa kepada pembentukan manusia dari segi keperibadian serta corak kehidupan yang lebih terarah. Antara contoh petikan syair yang menonjolkan sudut agama dan kepercayaan dalam kehidupan puteri-puteri alam melayu dalam buku Kumpulan Puisi Syair Puteri.

Di Bukit Marak berbuat negeri,  
Di Gua Kambing tinggal sendiri,  
Beramal ibadat seorang diri,  
Supaya tenang rasa di hati,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013 :39)*

Walaupun lama tidak berputera,  
Baginda tidak berputus asa,  
Kepada Allah selalu berdoa,  
Agar isterinya berbadan dua,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013:102)*

Apabila Puteri Saadong kembali,  
Bersama empat saksi sekali,  
Sebagai bukti dirinya suci,  
Tanda belum dapat dinodai,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013: 39)*

Anakanda puteri cantik rupawan,  
Cik Siti Wan Kembang nama timangan,  
Dididik menjadi orang ilmuwan,  
Didoakan menjadi raja Budiman,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri,2013:103)*

Menerusi petikan syair ini dilihat bahawa agama sangat dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini demikian kerana, pegangan agama yang baik akan melahirkan kesan yang baik kepada jati diri masyarakat. Oleh itu dapat dilihat menerusi petikan syair mengenai Puteri Saadong yang mencari ketenangan dengan mendekati diri kepada Allah dengan melakukan ibadah. Hal ini dilihat bahawa ketika menghadapi kesulitan di dalam kehidupan, kita sebagai manusia perlu menjalani dengan meminta pertolongan kepada Allah dalam masa yang sama kita berusaha dalam menghadapi masalah. Hal ini demikian kerana, dalam masyarakat Melayu agama Islam ini perlu dipraktikkan dalam segenap aspek kehidupan masyarakat. Oleh itu, agama Islam yang melengkapi kelseluruhan kehidupan masyarakat perlulah dijadikan sebagai pegangan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini turut agama turut menjadikan diri seseorang individu itu terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang negatif. Hal ini dilihat menerusi cerita rakyat Puteri Cik Siti Wan Kembang yang suaminya iaitu Sultan Ahmad belum dikurniakan dengan kehadiran putera dalam perkahwinanya dengan Raja Banun namun dia tidak pernah berputus asa dengan bersangka baik dengan aturan Allah dengan memperbanyakkan doa agar diberikan rezeki untuk cahaya mata. Dengan berkat kesabarannya, Sultan Ahmad diberikan rezeki dengan kehadiran kelahiran Puteri Cik Siti Wan Kembang yang dididik dengan baik agar puteri dapat menjadi raja budiman yang dapat menjadi kekuatan kepada masyarakat.

Di samping itu, teladan yang dapat dicontohi menerusi kebergantungan kepada Allah ini turut dapat dilihat dalam syair puteri mengenai cerita rakyat Puteri Saadong yang amat mentaati suaminya iaitu Raja Abdullah. Hal ini kerana, semasa dirinya diculik oleh Maharaja Siam dia tetap melindungi dirinya sebagai lambang kesetiaan kepada suaminya. Namun begitu apabila dia dibebaskan dan dihantar pulang oleh Maharaja Siam, Puteri Saadong melalui fasa kekecewan apabila suaminya telah berkahwin dengan Puteri Rokiah. Tanpa melakukan sebarang kekacauan, Puteri Saadong yang merupakan seorang perempuan yang

kuat dia membawa diri dengan mencari ketenangan dengan beribadat kepada Allah. Hal ini dapat diteladani agar menjaga maruah diri dan menjadi isteri yang baik. Sifat-sifat mulia ini dapat dibentuk apabila pengukuhan kepada aspek keagamaan dipraktikkan seiring dengan kehidupan.

#### **4.4.6 Bijak dalam menghadapi masalah.**

Sifat bijak yang dimiliki menerusi cerita rakyat dari syair puteri ini dilihat bahawa puteri-puteri berfikiran yang bijak dalam menghadapi masalah. Hal ini demikian kerana, puteri berusaha dalam mencari penyelesaian. Masalah yang berlaku diatasi dengan baik oleh puteri dapat diteladani agar kita menjadi seorang yang berusaha dalam mencari penyelesaian dan tidak berdiam diri tanpa melakukan sebarang usaha. Hal ini kerana, masalah yang dihadapi ini akan membuka fikiran untuk lebih kritis dalam menemui penyelesaian. Oleh itu, dilihat bahawa kita perlu bijak dalam menghadapi sebarang masalah dengan mengatur strategi mahupun perancangan yang baik serta bersedia menghadapi risiko di atas tindakan yang telah dilakukan. Justeru itu, dilihat bahawa puteri-puteri berfikiran jauh bagi bertindak dengan bijak dalam berdepan dengan sesuatu masalah. Antara petikan yang mengetengahkan mengenai tindakan bijak menerusi buku kumpulan syair puteri-puteri.

Kerana titah tiada dipenuhi,  
Hukuman juga dijatuhkan kini,  
Mujur Angsana bijak bestari,  
Membuat patung berupa suami,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, ,2013:12)*

Jarum Emas tuan puteri,  
Parasnya elok akal bestari,  
Akalnya bernas cepat mencari,  
Selamatkan diri dan juga negeri,

*(Kumpulan Puisi Syair Puteri, 2013:50)*

Lantaran itu, dapat dilihat menerusi cerita rakyat Puteri Angsana dan Puteri Jarum Emas yang mempunyai buah fikiran yang bijak dalam menghadapi masalah yang dihayati. Puteri Angsana kerana kasihnya kepada suaminya maka dia telah memikirkan cara untuk menyelamatkan suaminya daripada dikenakan hukuman di atas titah raja yang meminta untuk mencari susu harimau di hutan tidak dapat dipenuhi. Oleh itu, dengan usaha yang dilakukan oleh Puteri Angsana maka terselamatlah suaminya daripada hukuman yang diberikan. Oleh itu, dapat dilihat serta diambil pengajaran iaitu masyarakat perlu bijak dengan berfikiran yang jauh dalam bertindak bijak dalam mendepani sesuatu masalah. Mankala menerusi cerita rakyat Puteri Jarum Emas dapat dilihat bahawa puteri dapat menyelamatkan keadaan dirinya daripada dipaksa kahwin dengan meletakkan syarat pada tempoh meminang serta meletakkan syarat yang agak mustahil untuk dipenuhi iaitu meminta sepuluh peti besi yang berisi jarum emas yang perlu diletakkan di daratan sementara bahtera kapal berada di tengah lautan. Maka, tanpa berfikir panjang Raja Keling yang amat menyukai kepada Puteri Jarum Emas mengikuti permintaannya. Dengan helah yang dilakukan oleh Puteri Jarum Emas itu telah memberikan pinangan tersebut dibatalkan kerana syarat yang diberikan tidak dapat dipenuhi apabila berlakunya angin ribut pada ketika itu.

Oleh itu, dapat difahami bahawa masyarakat perlu lebih bijak dalam menghadapi situasi yang melibatkan soal masa depan. Hal ini kerana, apabila tindakan bijak ini dipraktikkan dalam kehidupan ianya akan membantu manusia untuk menyelamatkan diri sesuatu keadaan yang menekan seperti yang dihadapi oleh puteri-puteri.

#### 4.4.7 Berusaha dalam mencapai sesuatu keinginan.

Teladan yang dapat diteladani daripada cerita rakyat menerusi syair puteri ini adalah dilihat melalui sikap berusaha dalam mencapai sesuatu keinginan. Hal ini dilihat bahawa masyarakat perlu menjadikan keinginan yang ingin dikecapi sebagai pendorong dalam berusaha yang gigih untuk memperolehi kejayaan. Hal ini kerana usaha yang kuat ini akan membuktikan kesungguhan dan pengorbanan dalam mencapai keinginan. Antara petikan yang diketengahkan mengenai usaha yang dilakukan demi mencapai sesuatu keinginan dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri*.

Demi kasih bukan kepalang,  
Sangguplah Ujang membanting tulang,  
Berhempas-pulas di bendang,  
Tiada mengenal malam dan siang.

(*Kumpulan Puisi Syair Puteri*, ,2013: 4)

Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di atas, bahawa dapat diteladani menerusi watak Ujang yang diceritakan dalam cerita rakyat Puteri Birah Keladi. Sifat Ujang yang pada mulanya merupakan seorang yang merupakan anak sulung dalam keluarganya yang berat tulang dalam menolong keluarganya menanam padi melihatkan sikap ujang yang seorang yang tidak berusaha dan hanya mengharapkan keluarganya sahaja tanpa melakukan sebarang usaha. Namun begitu, apabila Ujang telah menyukai Puteri Birah Keladi yang memiliki kecantikan dan datangnya dari kerabat diraja. Raja telah menetapkan syarat jika ingin memperisterikan puteri dengan menunjukkan hasil ladang yang diusahakan oleh keringatnya sendiri. Oleh sebab kesungguhan untuk berjaya menawan hati puteri serta menonjolkan kesungguhan nya kepada raja dia tekad dengan berusaha gigih sehingga ianya membauhkan hasil. Maka, raja menerima Ujang sebagai menantu dan dirinya menjadi suami kepada Puteri Birah Keladi.

Oleh itu, masyarakat dapat melihat dari semangat juang yang dimiliki oleh Ujang apabila dirinya berusaha untuk berubah kearah yang lebih baik dengan berusaha dengan gigih untuk mencapai keinginannya. Justeru itu, masyarakat perlu mempunyai motivasi dan dorongan yang kuat di samping tidak berputus asa serta yakin diri dengan kemampuan yang dimiliki oleh diri. Hal ini demikian kerana, keinginan hanya akan dapat dikecapi apabila seseorang individu itu yakin dengan dirinya dan mempunyai semangat untuk tidak berputus asa dalam mewujudkan keinginan sebagai sebuah kejayaan hasil daripada usaha dan pengorbanan yang telah diberikan.

#### **4.5 Kesimpulan**

Kumpulan Syair Puteri-Puteri karya Nur Mustika ini mampu mengetengahkan pelbagai citra yang dijalani oleh kehidupan masyarakat terdahulu menerusi aspek sistem sosial. Cerita rakyat yang diketengahkan mampu membawa masyarakat menyedari aspek sistem sosial yang telah dibentuk sejak zaman alam melayu. Penggunaan puisi syair untuk membawa masyarakat kepada cerita rakyat masyarakat terdahulu merupakan idea kreatif yang digunakan oleh pengarang yang mampu membentuk cara berfikir yang kritis untuk memahami penceritaan yang ingin disampaikan dalam syair. Keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam syair menjadikan ianya mampu menarik minat masyarakat untuk terus mendalami akan setiap makna yang ingin dibawa oleh pengarang dalam karya syairnya. Aspek sistem sosial masyarakat menerusi cerita rakyat puteri iaitu ketaksamaan sosial, kebudayaan, agama dan ekonomi yang merupakan elemen yang amat penting dalam kehidupan yang turut memberi kesan kepada pembentukan tamadun masyarakat melayu yang sehingga kini masih diterapkan dalam sistem sosial kehidupan masyarakat.

### **BAB 5**



## KESIMPULAN

### 5.1 Pengenalan

Dalam bab terakhir yang dilakukan oleh pengkaji telah melaksanakan merangkumkan segala aspek yang berkaitan iaitu rumusan secara menyeluruh menerusi analisis kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji sebelumnya pada bab 4. Bagi memperlihatkan keseluruhan rumusan pengkaji telah menerangkan mengenai implikasi dan mencadangkan beberapa inisiatif yang berkualiti yang boleh dilaksanakan bagi membantu dan mengukuhkan pengkajian oleh pengkaji pada masa akan datang. Menerusi bab ini, pengkaji akan datang akan dapat memperbaiki dan meningkatkan mutu kajian mereka yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

### 5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini mengkaji mengenai aspek sistem sosial yang terdapat dalam cerita rakyat puteri-puteri dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* oleh Nur Mustika dengan mengaplikasikan teori Fungsionalisme yang digagaskan oleh Talcott Parsons (1951). Karya sastera ini mampu menjadi medium dalam menyampaikan pemikiran pengarang serta menetengahkan nilai yang mampu menjadi sandaran kepada kehidupan masyarakat. Penyampaian karya dihasilkan dalam pelbagai bentuk karya kreatif bagi menarik minat masyarakat untuk menghayati sesuatu makna yang ingin disampaikan oleh pengarang. Pengarang amat menekankan akan penyampaian mesej yang baik kepada masyarakat menerusi pelbagai karya kreatif yang diterokai oleh pengarang. Hal ini kerana, penghasilan sesebuah karya itu dilihat mampu mencapai tahap kualiti yang tinggi apabila mesej yang disampaikan sarat dengan nilai yang mampu memberikan ilmu pengetahuan dan nilai-nilai yang mampu diterapkan di dalam kehidupan.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah bagi memberikan citra kepada kehidupan sistem sosial masyarakat dahulu yang mampu dijadikan sebagai penelitian dan teladan kepada masyarakat kini. Kajian ini bertujuan bagi mendekatkan masyarakat untuk mengetahui tentang cerita rakyat puteri-puteri yang berlaku pada zaman alam melayu. Pengkajian mengenai sosiologi masyarakat terdahulu yang sarat dengan nilai akan mampu menyedarkan masyarakat akan identiti masyarakat Melayu itu sendiri berkaitan dengan kewujudan sesebuah sistem yang masih dikekalkan sehingga kini. Kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kelompongan dari segi aspek sistem sosial dalam cerita rakyat puteri-puteri yang dilakukan oleh pengkaji sebelumnya. Pengkajian mengenai aspek sosiologi dalam cerita rakyat puteri-puteri yang disampaikan dalam bentuk syair memaparkan kekuatan olahan idea pengarang. Pengkajian mengenai aspek sistem sosial ini mampu membangkitkan kehidupan masyarakat kini untuk terus meningkatkan mutu kehidupan dan mampu membawa para pembaca mengetahui dan menghayati akan nilai yang diterapkan dalam pengarang dalam sesebuah cerita rakyat. Aspek sistem sosial yang diteliti dalam kumpulan syair puteri-puteri akan meningkatkan pemahaman kepada masyarakat akan pembentukan kehidupan sosial masyarakat pada zaman alam melayu terdahulu. Peranan yang dibawa dalam aspek sistem sosial dalam pembentukan masyarakat dapat dilihat menerusi cerita rakyat berlaku pada zaman alam melayu terdahulu. Menerusi kajian mengenai aspek sistem sosial ianya mengembangkan sudut sisi tatacara kehidupan yang berlaku pada zaman alam melayu yang sarat dengan nilai yang mampu menjadi wadah kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan pembentukan jati diri yang unggul. Hal ini kerana, menerusi penghayatan akan perincian analisis mengenai aspek sistem sosial ini ianya yang merupakan elemen yang rapat dengan kehidupan masyarakat mampu memberikan sudut pandang luas dari segi pemikiran masyarakat untuk menerapkan kebaikan yang terkandung dalam cerita rakyat puteri-puteri

alam melayu terdahulu dan menjadikan pengajaran akan keburukan yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dalam kehidupan.

Pengaplikasian teori Fungsionalisme dalam kajian ini bertepatan kerana ianya mempunyai struktur yang signifikan dalam pengkajian mengenai tatacara kehidupan masyarakat zaman alam melayu terdahulu. Penerapan dalam Fungsionalisme yang mengetengahkan fungsi dalam sesebuah organisasi yang dibentuk bertujuan untuk menggerakkan dan melancarkan berkaitan dengan setiap aspek kehidupan manusia mengikut institusi tertentu.

### **5.3 Implikasi Kajian**

Pemikiran yang diterapkan oleh Nur Mustika dalam karya yang dihasilkan iaitu *Kumpulan Puisi Syair Puteri (2013)* dilihat bahawa pengarang yang berusaha dalam memasukkan nilai estetika menerusi penyusunan kata-kata yang saling berkaitan untuk menceritakan cerita rakyat agar ianya membawa penghayatan makna yang baik kepada masyarakat. Keindahan menerusi setiap rangkap yang diterapkan pengarang dilihat bahawa pengarang menerokai kaedah yang baru dalam menceburi karya kreatif memerlukan pemikiran yang kritis dalam penghasilan setiap rangkap syair yang baik bagi pemahaman masyarakat akan mesej yang disampaikan menerusi cerita rakyat puteri alam melayu.

Menerusi kelainan yang dibawa oleh pengarang ini dapat menarik minat masyarakat untuk menyelami keindahan cerita rakyat puteri alam melayu bagi mendedahkan kepada masyarakat akan sejarah melayu terdahulu yang kini dilihat pudar dalam jati diri masyarakat melayu. Oleh itu, pengarang membangkitkan cerita rakyat puteri alam melayu ini bagi mengukuhkan pemahaman dan pengetahuan masyarakat akan cerita rakyat puteri alam melayu terdahulu. Hal ini kerana, jika ianya tidak dititikberatkan ianya akan membawa kepada hilangnya nilai sejarah yang terkandung dalam cerita rakyat seiring dengan zaman

permodenan kini yang makin mencabar dalam membentuk pembentukan jati diri masyarakat Melayu.

Setiap pengarang memiliki daya imaginasi yang kuat dan pemikiran yang kritis serta kreatif dalam penghasilan karya yang bermutu untuk menyampaikan mesej yang diahsilkan dalam sesebuah karya. Teks syair yang dihasilkan pengarang yang dilihat dari pelbagai aspek misalnya pengkaji menajalankan pengkajian mengenai aspek sosiologi yang dilihat memiliki kepentingan bagi membawa masyarakat menelusuri keseluruhan tatacara sistem sosial kehidupan menerusi cerita rakyat puteri alam melayu. Menerusi karya ini ianya membentuk masyarakat untuk memahami penceritaan dalam cerita rakyat dalam bentuk syair yang disusun baik menerusi setiap rangkap yang masih mengekalkan makna dan penceritaan cerita rakyat puteri alam melayu agar pemahaman masyarakat yang baik menjadi kepentingan dalam pembentukan jati diri masyarakat.

#### **5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian**

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan dalam kajian ini, pengkaji telah mengesan beberapa pembaikan yang boleh dilakukan menerusi beberapa cadangan yang boleh meningkatkan mutu kajian yang dilihat boleh diterapkan oleh pengkajian yang akan dijalankan pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana, menerusi cerita rakyat yang terkandung dalam buku *Kumpulan Puisi Syair Puteri* ini memperlihatkan terbentuknya aspek sistem sosial yang berfungsi dalam membentuk institusi dalam masyarakat sebagai proses untuk penerusan kehidupan yang terarah. Penerapan aspek sistem sosial dalam cerita rakyat dilihat berupaya membawa masyarakat menyelami mengenai sejarah puteri-puteri alam melayu yang kini tidak terdedah secara meluas dan dipinggirkan dalam pemebentukan jati diri menerusi kalangan masyarakat khususnya golongan remaja. Bahkan, menerusi penghayatan mengenai sejarah cerita rakyat dapat memberi kesan yang baik untuk

mengangkat identiti masyarakat Melayu itu agar tidak pudar seiring dengan arus permodenan. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang difikirkan dapat memberi satu sentuhan perubahan dalam pembentukan jati diri masyarakat yang unggul menerusi cerita rakyat puteri-puteri alam melayu. Antara cadangan yang dilihat bertepatan untuk diketengahkan oleh pengkaji menerusi cadangan yang berikut.

#### **5.4.1 Penerapan aspek sosiologi alam melayu dalam karya sastera.**

Aspek sosiologi yang lazimnya mengetengahkan tatacara kehidupan yang dijalani oleh sesebuah organisasi mampu membuka pemikiran masyarakat untuk mengetahui pembentukan masyarakat melayu terdahulu. Impak yang terkandung dalam aspek sosiologi dalam masyarakat alam melayu memiliki nilainya yang dapat dijadikan sebagai teladan dan pengajaran dalam kehidupan. Aspek sosiologi ini perlu diketengahkan dalam kajian pengkaji pada masa akan datang bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada individu, masyarakat dan negara. Hal ini kerana, menerusi aspek sistem sosiologi ini pengkaji akan melihat proses yang berlaku dalam sesebuah organisasi dalam memainkan perannya dalam pembentukan kehidupan yang sistematik dan lebih terarah. Aspek sosiologi memiliki konteks luas mengenai peranan sesebuah organisasi menerusi kedudukan sosial, kebudayaan, agama dan ekonomi ini akan meningkatkan masyarakat untuk memahami perannya dalam melancarkan pembentukan sosiologi.

Lantaran itu, menerusi pengamatan yang baik mengenai penerapan sosiologi dalam sesebuah karya sastera akan memberi kesan baik kepada keutuhan jati diri khususnya masyarakat dalam mengetahui serta mendalami akan identiti bangsa Melayu itu dengan lebih kukuh. Hal ini, kerana keutuhan identiti bangsa Melayu yang tinggi dengan nilai murni dan kesantunan ini akan menjadikan kehidupan masyarakat Melayu itu teguh pendiriannya dalam mempraktikkan nilai-nilai murni agar keindahan yang diterapkan dalam pembentukan identiti

masyarakat Melayu itu tidak terhakis seiring dengan pelbagai pengaruh luar seiring dengan zaman permodenan.

#### **5.4.2 Mengangkat inspirasi dalam pengkisahan puteri-puteri alam melayu.**

Pengkajian dan penerapan akan cerita rakyat puteri-puteri alam melayu kurang diketengahkan dalam penghasilan karya sastera. Usaha pengkaji pada masa akan datang adalah dengan menitikberatkan akan inspirasi yang dapat diperolehi daripada cerita rakyat puteri-puteri alam melayu. Penekanan akan cerita rakyat puteri-puteri ini perlu diangkat agar masyarakat umum mengetahui bahawa pada zaman alam melayu wujudnya kekuatan wanita menerusi cerita rakyat-rakyat puteri. Cerita rakyat puteri-puteri ini menerusi kehidupan yang dilalui mereka ini mampu menjadi teladan dan ikutan. Hal ini kerana, puteri-puteri alam melayu ini pada zaman alam melayu yang mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai salah seorang kerabat di bawah sistem pemerintahan diraja memiliki keindahannya yang tersendiri. Terdapat pelbagai aspek yang dapat dijadikan sebagai cerminan kepada masyarakat akan cerita rakyat puteri-puteri. Menerusi pengamatan yang baik kepada cerita rakyat puteri-puteri alam melayu ini ianya akan memberi impak kepada pembentukan peribadi seseorang individu. Hal ini kerana, dalam kehidupan puteri-puteri turut berdepan dengan pelbagai konflik yang berlaku yang diselesaikan menerusi kebijaksanaan mereka. Namun begitu, terdapat juga aspek negatif dalam cerita rakyat puteri alam melayu ini yang perlu dijadikan sebagai pengajaran agar masyarakat tidak melakukan perkara tersebut.

Pengkisahan puteri-puteri alam melayu ini dapat membawa masyarakat mengetahui dengan lebih mendalam akan pembentukan sesuatu sejarah itu. Hal ini kerana, pengkisahan puteri ini bukan hanya berkisarkan kepada tumpuan kehidupan puteri semata-mata namun di dalamnya terkandung pelbagai sejarah yang dirangkumkan secara menyeluruh bagi memberikan penghayatan kepada masyarakat akan setiap aspek kehidupan puteri alam melayu. Hal ini mempunyai kepentingan untuk menguatkan identiti masyarakat Melayu agar

sejarah Melayu itu sebatu dalam diri masyarakat dan disampaikan kepada generasi ke generasi pada masa akan datang.

### **5.4.3 Meningkatkan karya kreatif dalam penerapan pengkisahan puteri-puteri alam melayu.**

Karya kreatif ini adalah usaha yang dapat dilakukan oleh pengkaji pada masa akan datang untuk memberikan satu perubahan baru untuk mengetengahkan penerapan pengkisahan puteri-puteri alam melayu yang disampaikan secara dalam bentuk yang kreatif tapi masih mengekalkan sejarah yang terkandung dalam pengkisahan puteri tersebut. Hal ini demikian kerana, masyarakat kini gemar untuk menerokai sesuatu yang memberi kelainan dalam pembacaan mereka. Hal ini demikian, bagi membentuk pemikiran masyarakat yang lebih kritis dalam bentuk karya kreatif. Menerusi kepengarangan Nur Mustika yang dijadikan sebagai bahan kajian dilihat bahawa syair yang disampaikan dalam bentuk yang ringkas namun keindahan dari penggunaan bahasa yang digunakan pada setiap rangkap mampu memperlihatkan akan keindahan dalam penyusunan kata-kata yang baik dan saling mempunyai perkaitan cerita antara satu sama lain. Hal ini demikian, akan meningkatkan minat masyarakat untuk mengetahui makna sejarah yang disampaikan dalam pelbagai bentuk karya kreatif dan tidak hanya tertumpu kepada satu bentuk karya sastera misalnya novel. Pembacaan novel ini memerlukan masa yang agak lama untuk difahami akan setiap mesej yang ingin disampaikan tetapi dengan penghasilan karya yang kreatif ianya akan meningkatkan pengetahuan masyarakat akan pengkisahan puteri yang berlaku pada sejarah terdahulu agar ianya tidak terhenti hanya kepada sesebuah generasi atau penumpuan hanya kepada sesebuah golongan usia sahaja.

## 5.5 Kesimpulan

Secara tuntasnya, pengkaji mengharap kajian ini dapat memberi kebaikan kepada setiap golongan lapisan masyarakat berkaitan dengan sistem sosial yang terbentuk dalam pengkisahan puteri alam melayu dalam *Kumpulan Puisi Syair Puteri* bagi menelusuri mengenai segenap kehidupan yang dijalani oleh puteri alam melayu. Pengkajian analisis yang mengupas mengenai sistem sosial bertujuan bagi memberikan pededahan dan pemahaman kepada masyarakat akan pembentukan sistem sosial yang terbentuk pada zaman dahulu yang kini masih dikekalkan dan diterapkan bagi memastikan kehidupan masyarakat dapat memainkan perannya secara sistematik yang akan membawa kepada kesejahteraan negara.

Pengkaji mengharapkan agar masyarakat generasi kini mempunyai iltizam yang kuat dalam mempertahankan nilai sejarah yang terkandung dalam setiap aspek misalnya cerita rakyat yang terdahulu yang melambangkan kepada pembentukan identiti masyarakat Melayu. Dari sudut kepegangan karya yang menekankan akan sejarah masyarakat Melayu terdahulu sewajarnya diterapkan agar ianya dapat meningkatkan semangat cinta akan tanah air dan keindahan warisan serta sejarah Melayu itu agar tersemat dalam jiwa masyarakat. Oleh itu, diharapkan semua pihak memainkan peranan dalam menyokong usaha-usaha yang diterapkan oleh pengarang dalam mengangkat sejarah terdahulu agar ianya mampu meningkatkan jati diri masyarakat Melayu itu agar tersemat di dalam jiwa masyarakat agar nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat ini dapat dikekalkan dan dikongsikan kepada generasi ke generasi yang akan membawa kepada keharmonian negara.



**RUJUKAN**

- Ab Jabar, N. (2019). Keunggulan ikon membawa teladan dalam seloka Melayu. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 7(1), 172-191.
- Abd Rahman, R., & Zaini, A. R. (2017). Aplikasi meta-teori sosiologi: penelitian deskriptif kualitatif mengenal landasan pemikiran dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. In *National Pre-University Seminar, RHR Hotel UNITEN* (pp. 1-10).
- Abd Rahman, R., & Zaini, A. R. (2017). Aplikasi meta-teori sosiologi: penelitian deskriptif kualitatif mengenal landasan pemikiran dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. In *National Pre-University Seminar, RHR Hotel UNITEN* (pp. 1-10).
- AbdulHamdan, R. (2021). KLASIFIKASI REALITI DALAM SYAIR MENURUT MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL. *JURNAL MELAYU SEDUNIA*, 4(1), 206-229.
- lah, Z., Rosnan, F. N. R., & Arifin, A. N. Z. Analisis Morfologi dalam Syair Perahu.
- ABDuLLA, K. (2014). Puisi Intan dalam Pengajaran Bahasa Melayu: Satu Kajian Penerokaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 26-37
- Abdullah, M. I. N. (2013). Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya. *PhD thesis, Universiti Sains Malaysia*.
- Abdullah, M. I. N. (2013). Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya. *PhD thesis, Universiti Sains Malaysia*.
- ABDULLAH, N. A. V. B., & ZAINUDIN, I. Z. M. B. ASPEK SOSIOLOGI FILEM PENDEKAR BUJANG LAPOK (1959).
- Abdullah, N. H. L., Ahmad, J., & Hashim, S. (2018). Peranan Sosiologi dalam Pendidikan Alam Sekitar: Satu Cabaran. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Abdullah, N. H. L., Ahmad, J., & Hashim, S. (2018). Peranan Sosiologi dalam Pendidikan Alam Sekitar: Satu Cabaran. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Akhesah, R., Saludin, M. R., & Din, G. (2018). Komunikasi berkesan dalam Persembahan Puisi Artistik Rahman Shaari: Effective communication in the Presentation of Rahman Shaari's Articles Puff. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 114-125.
- Anwar, S., & Muhammad, S. J. N. (2016). Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional berdasarkan Hikayat Patani. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 25-47.
- Arifin, N. H. H., & Ismail, N. (2014). PEMIKIRAN MARZUKI ALI DALAM 'KHAZANAH SEGALA RIMBUN'DARI ASPEK TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 25(1), 136-158.
- Atoh, N. (2022). Analisis Puisi Mahmud Darwish Dan Taufiq Ismail Berdasarkan Pendekatan Strukturalisme Genetik. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 10(1), 87-102.

- Atoh, N. B., & Idris, Z. B. (2013). Simile sebagai Kesantunan Berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah: Simile as a Language Modesty in Syair Siti Zubaidah. *PENDETA*, 4, 78-95.
- Awang, M. A. (2008). *Kesan Pendekatan Penghayatan Terhadap Pembelajaran Puisi [PN1101. M425 2008 f rb]* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- B., & Abdullah, N. A. V. (2018). Sosiologi Dalam Drama Muzikal KL. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).amed (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Chee, W. A. L., & Karim, N. S. (2015). Syair Siti Sianah: Beberapa Ciri Kepenyairan Raja Ali Haji dari Perspektif Bahasa. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 3(1), 15-23.
- DERAMAN, A. A., & KAMARUDIN, S. A. B. JATI DIRI MELAYU DALAM KUMPULAN PUISI PILIHAN.
- Din, G., & Ali, A. H. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Din, G., Ali, A. H., & Sulong, M. A. (2015). Konsep Komunikasi Dan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teks naluri. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 166-186.
- Hassim, N. A., Adam, Z., Baharum, N., & Mohamed, N. (2021). [Ibn al-Muqaffa's Sociological Approach in al-Adab al-Kabir] Pendekatan Sosiologi Ibn al-Muqaffa' dalam Karya al-Adab al-Kabir. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 187-194.
- IBRAHIM, M. D. B. CINTA KEPADA ILAHI DALAM PUISI-PUISI DARMA MOHAMMAD.
- ISMAIL, H. (2019). TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU: INTERPRETASI DAN PRAKTIKALITI: Malay Poetic Theory: Interpretation and Practicality. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 29.
- Ismail, N. (2003). Sistem ekonomi Islam: definisi, falsafah dan masalah asas ekonomi. *Wahana Akademik*, 2(1), 74-84.
- Junaidi, R., Marlina, T. I., & Mamat, M. (2017). Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri Berdasarkan Prinsip Stilistik JJ Webber.
- Kamarudin, S. A. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Karim, A. K. A., & Suhaini, N. (2020). Kepentingan teori dan ilmu sosiologi dalam konteks pendidikan menurut perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 1(1).
- Kasim, K. B. A., & Muhamad, A. (2015). Saranan HAMKA terhadap Perpaduan Bangsa Serumpun Malaysia–Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(1), 3-13.

- Katoi, N. A. (2021). Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung: The forms of Iban Traditional Poetry Timang Jalung. *PENDETA*, 12(2), 115-130.
- Mamat, M. A. (2017). Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Marinsah, S. A., & Ramli, M. A. (2018). Pendekatan Sosiologi Hukum Islam Dalam Kajian Usul Al-Fiqh Gunaan: Aplikasi Terhadap Budaya Tradisi Masyarakat Bajau Seporna. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1).
- Masehood, M. S., & Idris, Z. (2018). Ini Kahwin Dengan Puteri Jinjana: Satu Kajian Naskhah dan Analisis Sosiologi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1-14
- Mohamad, A. H. (2011). Unsur-unsur ilmu badi' Arab dalam syair Hamzah Fansuri. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 29(2), 67-82.
- Mohamad, A. R. (2013). *Nilai nasihat dalam puisi tradisional Teromba* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Mohamed, Z. (2011). Pendekatan Ta 'amul-taklif dalam Kajian Sastera. *Sari*, 29(1), 137-152.
- Mohd Fadzil, B. (2017). *Keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dalam puisi terpilih Dharmawijaya/Mohd Fadzil Baharudin* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Musa, H., Said, N. S., Rodi, R. C., & Ab Karim, S. S. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1).
- Nik Husni, N. M. (1986). *Komuniti nelayan di Kampung Pulau Kundor, Daerah Badang, Kelantan (Suatu kajian sosiologi dengan memberi penumpuan terhadap konflik)/Nik Husni Nik MohJahudin, N.*
- OMAR, A. H. (2015). KAJIAN SOSIOLOGI BAHASA DALAM PUISI-PUISI DHARMAWIJAYA: Study on Language Sociology in Dharmawijaya Poem. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 16-24.
- OMAR, A. H. (2015). KAJIAN SOSIOLOGI BAHASA DALAM PUISI-PUISI DHARMAWIJAYA: Study on Language Sociology in Dharmawijaya Poem. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 16-24.
- Razmikah Binti Razali, Dazrieiana Binti Omar, (2019), Penggunaan Media Sosial Oleh Kalangan Majikan Dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (HRIS)
- Saludin, M. R. (2013). Puisi Melayu Tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 1-13.
- Seman, L. (2020). Imej arketaip dalam puisi Sabak: Archetypal Images in Sabak Poetry. *PENDETA*, 11(1), 88-97.
- Shaari, R. (1985). *Memahami istilah sastera*. Karya Bistari.
- Sillalee, S. K. (2015). *Filem-filem Tamil di Malaysia: Suatu pemerhatian terhadap ketaksamaan sosial/Sillalee S. Kandasamy* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar dan Zaiton Azman, (2017), Penyertaan sosial dan Indeks Kesejahteraan Sosial Subjektif Kanak-Kanak Miskin di Malaysia, *Akademika* 87 (2), Julai 2017: 105-118
- Subet, M. F. (2018). Emosi dan ironi dalam puisi Usman Awang: Tafsiran pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 17(2), 305-333.
- Tahir, U. M. M. (2006). Pemahaman dan penerapan sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden. *Akademika*, 69, 3-16.
- Tibek, S. R., & Osman, K. (2014). Nilai Spiritual Dalam Puisi Imam Shafie. *Jurnal al-Hikmah*.
- USIA, K. M. (2018). Konsep Jati Diri Melayu Dalam Puisi Catatan Kembara “Nota Kecil Menyeberang Usia”.
- Zaini, M. F. H., & Karim, A. H. (2017). Badangan Sanak dalam Syair Nasihat Nukilan Sultan Haji Omar'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam Ke-28. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 275-292.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Noranizah Yusuf (2012), Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri, *Jurnal Hadhari Special Edition* 155-172
- Zurina Mahadi, Hukil Sino (2007), Hubungan nilai masyarakat dan pembangunan: satu Analisa, *Jurnal Pengajian Umum Bil.* 8